



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JOHOR

TAHUN 2018 SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI**

**NEGERI JOHOR
TAHUN 2018
SIRI 3**

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**

KANDUNGAN

KANDUNGAN

**MUKA
SURAT**

PENDAHULUAN	vii
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR	1 - 3
1. Pengurusan Projek Johor <i>Free WiFi</i>	
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU	2 - 3
2. Pengurusan Tempat Letak Kereta	
YAYASAN PELAJARAN JOHOR	3 - 3
3. Ternakan Ruminan Sdn. Bhd.	
PENUTUP	4 - 3
AKRONIM	5 - 3

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pula akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Johor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di kementerian/jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 3 ini hanya meliputi pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat Kerajaan, yang mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap aktiviti di satu (1) jabatan, satu (1) agensi dan satu (1) syarikat Kerajaan Negeri Johor. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi Kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pelaksanaan pengauditan berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)*.

3. Pada kebiasaannya, LKAN hanya dibentangkan sebanyak dua (2) siri sahaja bagi setiap tahun. Bagaimanapun untuk LKAN tahun 2018, JAN menerbitkan tiga (3) siri LKAN berikutan dengan penambahan bilangan pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat Kerajaan negeri untuk tahun 2018. Pada asalnya, LKAN Siri 3 ini dijadual untuk dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat pada bulan Mac 2020, dan setelah itu dibentangkan pula dalam sidang Dewan Undangan Negeri. Namun disebabkan oleh penangguhan sidang Dewan Rakyat dan Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19, kerja-kerja pemuktamadan LKAN Siri 3 turut terjejas. Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan audit dan *lessons learnt* yang dilaporkan LKAN Siri 3 ini masih relevan dalam menambah baik pengurusan program/aktiviti Kerajaan serta pengurusan syarikat Kerajaan.

4. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *Exit Conference* diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 16 syor untuk diambil tindakan oleh jabatan/agensi dan syarikat berkenaan.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan negeri. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan Kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai JAN yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

14 Mei 2020

1

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

- Pengurusan Projek Johor Free Wifi

RINGKASAN EKSEKUTIF

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

PENGURUSAN PROJEK JOHOR FREE WiFi

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pelaksanaan pengurusan Projek Johor Free WiFi (JFW) bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2019 yang melibatkan Fasa I (135 *hotspot*) dan Fasa II (66 *hotspot*). Penilaian meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi pembangunan (prestasi output dan pencapaian *outcome*) dan pengurusan projek.
- Bagi prestasi pembangunan, pencapaian output dinilai terhadap dua (2) perkara iaitu prestasi pembangunan fizikal dan pencapaian objektif ketersediaan *internet* kepada rakyat. Bagi pencapaian *outcome* dinilai terhadap kajian tahap kepuasan pengguna dan kemerosotan penggunaan perkhidmatan JFW.
- Pengurusan Projek JFW pula dinilai terhadap tujuh (7) perkara iaitu proses perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan kewangan, aduan awam, pengurusan aset, pengurusan penyenggaraan dan pemantauan *hotspot*.
- Pengauditan melibatkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor yang merupakan pihak utama dan empat (4) bahagian yang turut terlibat iaitu Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ), Bahagian Sains Teknologi dan ICT (BSTICT), Bahagian Perumahan (SUK Perumahan) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan Projek JFW dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif ditetapkan, iaitu menyediakan perkhidmatan WiFi secara percuma dan kemudahcapaian rakyat kepada perkhidmatan dalam talian.
- Projek JFW Fasa I dan Fasa II melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM21.44 juta. Sejumlah RM16.78 juta ditanggung Kerajaan negeri dan RM4.66 juta ditanggung PBT yang terlibat.
- Tujuan Projek JFW dilaksanakan adalah bagi memberi

Apa yang ditemui Audit?

perkhidmatan mengakses *internet* secara percuma kepada rakyat.

- Terdapat agihan keuntungan yang perlu diberikan kepada Kerajaan negeri oleh syarikat dilantik mengikut dokumen perjanjian projek.
- Secara keseluruhannya, objektif menyediakan perkhidmatan *WiFi* secara percuma dan kemudahcapaian rakyat kepada perkhidmatan dalam talian tercapai namun terdapat kemerosotan penggunaan pada tahun 2018 dan kekerapan gangguan rangkaian AP yang menjelaskan objektif projek. Selain itu, pentadbiran kontrak yang lemah tidak menjamin kepentingan Kerajaan negeri manakala proses perolehan dan pembayaran tidak teratur kerana bertentangan dengan peraturan Kerajaan.
- Prestasi Pembangunan Projek JFW berlaku kelemahan berikut:
 - Projek JFW Fasa II lewat disiapkan antara empat (4) hingga 16 bulan;
 - berlaku gangguan rangkaian *Access Point* (AP) sehingga 356 hari melibatkan 405 AP bagi Fasa I dan 149 hari bagi Fasa II melibatkan 198 AP sejak ia sedia digunakan; dan
 - kajian kepuasan pelanggan menunjukkan hampir 51.5% responden tidak berpuas hati dengan perkhidmatan JFW terutamanya melibatkan aspek tempoh 30 minit yang dihadkan untuk setiap sesi.
- Pengurusan Projek JFW belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana perkara berikut:
 - kelemahan pentadbiran kontrak kerana syarikat tidak dilantik melalui Lembaga Perolehan Negeri, Surat Setuju Terima (SST) tidak dikeluarkan dan Bon Pelaksanaan tidak dikenakan berjumlah RM357,361 bagi Projek JFW Fasa I dan Fasa II;
 - dokumen perjanjian tidak lengkap kerana tiada tarikh tempoh kontrak berkuat kuasa, tiada Klausus Denda/Tolakan/*Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) dinyatakan dalam kontrak, Polisi Insurans tidak dikemukakan dan dokumen perjanjian tambahan tidak disediakan;
 - tiada agihan keuntungan diberikan kepada Kerajaan negeri mengikut perjanjian;
 - berlaku pembayaran terhadap perkhidmatan yang tidak

diterima berjumlah RM58,777;

- aset tidak didaftarkan, tiada tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan' dan 170 keping plat Johor *Free WiFi* tidak dibekalkan; dan
- tiada pemantauan secara berkala terhadap ketersediaan akses *hotspot* JFW yang dibekalkan di kawasan PBT/ Pejabat Daerah (PD) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

1. PENGURUSAN PROJEK JOHOR FREE WIFI

FAKTA UTAMA

FASA I : RM12.48 Juta

Pembangunan 135 *hotspot WiFi* dengan *bandwidth* 4 Mbps.

Wireless Fidelity (WiFi)

- Merupakan sistem rangkaian pautan tanpa wayar yang menggunakan hubungan jalur lebar (*wireless broadband*) untuk melayari rangkaian komputer antarabangsa yang menyediakan pelbagai maklumat dan komunikasi (*internet*).
- Pengguna dihubungkan dengan isyarat gelombang *WiFi* oleh satu titik capaian atau *Access Point (AP)*.

Fasa I

Fasa II

Bahagian Sains Teknologi dan ICT

Had Penggunaan

RM12.48 juta (dilancarkan pada 30 Ogos 2015).

RM8.96 juta (dilancarkan pada 10 April 2017).

Sebagai Jawatankuasa Teknikal dan Penyelaras Projek Johor Free WiFi.

FASA II : RM8.96 Juta

Pembangunan 66 *hotspot WiFi* dengan *bandwidth* 4 Mbps dan naik taraf 40 *hotspot* ke 8/10 Mbps.

1. LATAR BELAKANG

1.1. Johor *Free WiFi* (JFW) merupakan perkhidmatan mengakses *internet* secara percuma yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi meningkatkan kemudahcapaian rakyat kepada perkhidmatan dalam talian (*online*). Projek JFW ini diilhamkan daripada Kajian Pelan Suara Hati Johor pada tahun 2013 di mana 20.4% responden kajian mengharapkan peningkatan dalam kemudahan awam yang merangkumi jalan raya dan jalur lebar. Tujuan utama Projek JFW adalah untuk memberikan perkhidmatan *internet* secara percuma dan meningkatkan kemudahcapaian rakyat kepada perkhidmatan dalam talian (*online*). Setiap pengguna dihadkan penggunaan selama 30 minit dengan *bandwidth* 512 Kbps bagi setiap pelayaran (*surfing*).

1.2. Pada 15 April 2015, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bersetuju melantik syarikat bernombor pendaftaran 526020 - T untuk melaksanakan Projek JFW hasil daripada penilaian Pelaksanaan *Proof of Concept (POC)* terhadap empat (4) syarikat. Projek JFW terbahagi kepada dua (2) Fasa di mana Fasa I dilancarkan pada 30 Ogos 2015 dan dokumen perjanjian telah ditandatangani pada 29 Ogos 2016 manakala Fasa II pula dilancarkan pada 10 April 2017 dan dokumen perjanjian telah ditandatangani pada 24 Jun 2018. Kedua-dua perjanjian adalah bagi tempoh tiga (3) tahun.

1.3. Kos Projek JFW merangkumi perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi. Perbelanjaan modal meliputi pembangunan *hotspot* manakala perbelanjaan operasi melibatkan penyenggaraan, servis sokongan dan kos talian di setiap lokasi *hotspot*. Kos

projek ditanggung oleh Kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terlibat mengikut pecahan yang ditetapkan adalah seperti dalam **Jadual 1**. Projek JFW dibiayai menggunakan Tabung Amanah Pembangunan Perumahan, Infrastruktur dan Sosial untuk perbelanjaan di bawah tanggungan Kerajaan negeri.

JADUAL 1
PECAHAN PEMBIAYAAN KOS PROJEK JOHOR FREE WiFi BAGI FASA I DAN FASA II

PROJEK JFW	TANGGUNGAN KERAJAAN NEGERI (RM Juta)	TANGGUNGAN PBT TERLIBAT (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Fasa I	10.18	2.30	12.48
Fasa II	6.60	2.36	8.96
JUMLAH KOS	16.78	4.66	21.44

Sumber: Slaid Semakan Kos Keseluruhan Perkhidmatan Projek JFW, BPENJ

1.4. Pembangunan dan pengurusan Projek JFW melibatkan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ), Bahagian Perumahan (SUK Perumahan), Bahagian Sains Teknologi dan ICT (BSTICT), semua PBT dan semua Pejabat Daerah (PD). BPENJ ditugaskan dalam pengurusan perolehan Projek JFW Fasa I dan Fasa II. Pengarah BSTICT dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Teknikal JFW bagi memantau dan memastikan pelaksanaan projek. Selain itu, BSTICT juga bertanggungjawab memantau perkhidmatan JFW yang diletakkan di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR). Manakala, perkhidmatan JFW yang diletakkan dalam kawasan pentadbiran PBT dan PD negeri Johor bertanggungjawab terhadap perkhidmatan JFW di bawah pentadbiran masing-masing.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan Projek JFW dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif ditetapkan iaitu menyediakan perkhidmatan *WiFi* secara percuma dan kemudahcapaian rakyat kepada perkhidmatan dalam talian.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan Projek JFW Fasa I dan Fasa II mulai 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2019. Prestasi projek meliputi prestasi output dan pencapaian *outcome*. Prestasi output menilai prestasi penyediaan kemudahan Projek JFW mengikut kontrak perjanjian yang dimeterai. Pencapaian *outcome* pula menilai keberkesanan Projek JFW daripada aspek kekerapan penggunaan dan tahap kepuasan pengguna terhadap kualiti perkhidmatan

yang disediakan. Seterusnya pengurusan projek meliputi tujuh (7) perkara iaitu proses perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan kewangan, aduan awam, pengurusan aset, pengurusan penyenggaraan dan pemantauan *hotspot*.

3.2. Pengauditan telah dilaksanakan di pejabat BPENJ, BSTICT dan SUK Perumahan. Pengauditan juga melibatkan tujuh (7) PBT yang dipilih iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Perbandaran Segamat (MPS), Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT), Majlis Daerah Pontian (MDP), Majlis Daerah Labis (MDL) dan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang (PBTP). Pemilihan PBT berdasarkan bilangan *hotspot* JFW yang diterima merangkumi kumpulan yang menerima paling banyak, sederhana dan sedikit.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak, menganalisis maklumat berdasarkan rekod, dokumen, minit mesyuarat dan laporan berkaitan pelaksanaan Projek JFW. Lawatan Audit ke PBT yang dipilih serta temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab telah diadakan. Ujian kelajuan (*speed test*) yang bertujuan untuk menguji kebolehcapaian akses *internet* dilaksanakan di lapangan bersama pegawai PBT yang dilawati. Lawatan fizikal turut dijalankan terhadap *hotspot* JFW yang diletakkan dalam kawasan PPR. Selain itu, soal selidik kepuasan pelanggan diedarkan kepada orang ramai secara dalam talian dan edaran borang secara manual. Analisis ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas orang awam terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Secara keseluruhannya pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2019 dapat dirumuskan seperti berikut:

a. Prestasi Projek

- i. Prestasi output berdasarkan prestasi pembangunan fizikal Projek JFW Fasa I dan II kurang cekap kerana pembangunan *hotspot WiFi* tidak dapat disediakan mengikut tempoh dan bilangan yang ditetapkan. Projek Fasa I mencapai 91.1% *hotspot* sedia untuk digunakan pada tarikh yang ditetapkan iaitu pada 1 Januari 2016. Bagi projek Fasa II pula, hanya satu (1) daripada 66 *hotspot* atau 1.5% sedia untuk digunakan pada tarikh ditetapkan iaitu 1 Januari 2018. Selain itu, terdapat gangguan rangkaian AP bermula dari

tarikh siap dipasang dan sedia digunakan. Gangguan tersebut melibatkan 405 AP bagi Fasa I dengan kelewatan sehingga 356 hari dan Fasa II melibatkan 198 AP dengan kelewatan sehingga 121 hari dalam setahun.

- ii. Pencapaian *outcome* melibatkan kekerapan penggunaan menunjukkan *trend* yang menurun. Kajian kepuasan pelanggan pula menunjukkan hampir 51.5% responden tidak berpuas hati dengan perkhidmatan JFW terutamanya melibatkan aspek tempoh 30 minit yang diberikan untuk setiap sesi akses *internet*. Hal ini menunjukkan objektif Projek JFW masih belum dapat dicapai sepenuhnya.

b. Pengurusan Projek Johor *Free WiFi*

Pengurusan Projek JFW belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana wujud kelemahan dalam kesemua aspek yang dinilai khususnya dalam proses perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan kewangan, aduan awam, pengurusan aset, pengurusan penyenggaraan dan pemantauan *hotspot*.

5.2. Penemuan utama Audit yang memerlukan perhatian adalah seperti berikut:

- a. kelemahan dalam proses perolehan yang tidak melalui Lembaga Perolehan Kerajaan Negeri. Pentadbiran kontrak juga lemah mengakibatkan antaranya Surat Setuju Terima (SST) tidak dikeluarkan dan Bon Pelaksanaan berjumlah RM357,361 tidak dikenakan. Di samping itu, didapati spesifikasi untuk tender adalah tidak lengkap dan terperinci serta tiada tarikh mula dan akhir tempoh kontrak berkuat kuasa bagi Projek JFW Fasa I. Klausu kenaan denda/tolakan/*Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) tidak dimasukkan dalam dokumen perjanjian Projek JFW Fasa I dan Fasa II. Selain itu, tiada perjanjian tambahan dilaksanakan dan polisi insurans tidak dikemukakan;
- b. tiada agihan keuntungan dibayar kepada Kerajaan negeri dari tahun 2016 hingga bulan Disember 2019;
- c. bayaran dilaksanakan tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Antaranya tiada Pengesahan/Perakuan Siap Kerja, tiada laporan *User Acceptance Report* (UAT), tiada Laporan Penyenggaraan atau bukti kerja telah dilaksanakan sempurna melibatkan 80 sampel baucar bayaran berjumlah RM12.41 juta. Pembayaran tanpa kontrak atau inden kerja berjumlah RM61,056 dan pembayaran untuk perkhidmatan yang tidak diterima berjumlah RM58,777; dan

- d. aset tidak didaftarkan dan tidak diberi tanda pengenalan ‘Hak Milik Kerajaan’ merangkumi 71 *pole*, 94 unit *router* dan 403 unit *access point* (AP) di tujuh (7) PBT, Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Pejabat Daerah yang dilawati.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada BSTICT dan BPENJ telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 25 September 2019. Maklum balas terkini telah diterima pada 30 April 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Projek

6.1.1. Prestasi Output

Penilaian Audit meliputi prestasi penyediaan perkhidmatan Projek JFW sebagaimana dirujuk kepada kontrak perjanjian yang telah dimeterai.

a. Pembangunan Fizikal Projek JFW

i. Fasa I

- Mengikut kontrak, projek Fasa I melibatkan pembinaan 135 *hotspot* dengan 4 Mbps melibatkan 25 *hotspot* di PPR dan 110 *hotspot* di PBT. Semakan Audit mendapati tiada tarikh mula dan tamat kontrak dinyatakan dalam dokumen perjanjian. Namun begitu, berdasarkan kepada pengiklanan melalui *YouTube*, keratan akhbar dan hebahan Portal PBT melibatkan Projek JFW, 135 *hotspot* tersebut perlu sedia digunakan pada 1 Januari 2016.

- Semakan Audit terhadap Laporan Daftar Mula Masuk Pengguna mendapati 123 *hotspot* (91.1%) meliputi 101 di kawasan PBT dan 22 di PPR sedia digunakan pada 1 Januari 2016. Pembangunan baki 12 *hotspot* (8.1%) meliputi sembilan (9) di kawasan PBT serta tiga (3) di PPR berlaku kelewatan antara satu (1) hingga 19 bulan dari tarikh hebahan yang ditetapkan.

FASA I

91.1% *hotspot WiFi* sedia digunakan pada 1 Januari 2016

FASA II

1.5% *hotspot WiFi* sedia digunakan pada 1 Januari 2018

ii. Fasa II

- Berdasarkan ketetapan kontrak, Projek JFW Fasa II perlu disediakan pada 1 Januari 2018. Projek ini melibatkan tambahan pembangunan 66 *hotspot* meliputi 49 *hotspot* di pejabat daerah dan 17 *hotspot* di PBT serta menaik taraf 40 *hotspot* yang dibangunkan dalam Fasa I melibatkan 25 di PPR dan 15 di PBT.
 - Semakan Audit mendapati ***hanya satu (1) atau 1.5% daripada 66 lokasi hotspot sedia digunakan pada tarikh yang ditetapkan. Pembangunan baki 65 hotspot (98.5%) pula mengalami kelewatan dan hanya dapat digunakan selepas empat (4) hingga 16 bulan dari tarikh yang ditetapkan.*** Bagi naik taraf *hotspot* pula, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh siap sebenar naik taraf dilaksanakan. Bagaimanapun, semakan terhadap Laporan *User Acceptance Test* (UAT) naik taraf mendapati berlaku kelewatan antara lima (5) bulan hingga ke tarikh akhir pengauditan.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati permohonan lanjutan masa untuk Fasa I dan Fasa II tidak dikemukakan oleh kontraktor. Selain itu, ***tiada denda lewat dikenakan kepada kontraktor oleh BPENJ walaupun telah melepassi tempoh pemasangan yang ditetapkan.*** Hal ini kerana klausa berkenaan denda tidak dinyatakan dalam dokumen perjanjian.

b. Pencapaian Objektif Ketersediaan *Internet* Kepada Rakyat

- i. Klausa 5.1 Perjanjian Fasa I dan Klausa 6.1 Perjanjian Fasa II menyatakan tanggungjawab syarikat dilantik untuk memastikan ketersediaan perkhidmatan JFW bagi kegunaan orang awam sepanjang masa mengikut tempoh kontrak. *Schedule 4* Perjanjian pula menyatakan had maksimum tempoh gangguan rangkaian *Access Point* (AP) yang boleh diterima adalah tidak melebihi 438 jam atau lebih kurang 18 hari.
- ii. Semakan Audit mendapati berlakunya gangguan rangkaian AP di lokasi *hotspot* yang siap dipasang dan sedia digunakan. Seterusnya, pihak Audit telah menganalisis Laporan Gangguan Rangkaian AP bermula dari tarikh ia siap dipasang dan sedia digunakan di lokasi *hotspot* bagi menilai ketersediaan perkhidmatan *internet* kepada orang ramai. Analisis merangkumi 405 AP daripada 135 *hotspot* yang dibangunkan bagi Projek

Fasa I dan 198 AP daripada 66 *hotspot* yang dibangunkan untuk Projek Fasa II.

- iii. Gangguan rangkaian dalam tempoh yang dibenarkan bagi Projek Fasa I adalah 214 AP (52.8%) bagi tahun 2016, tahun 2017 292 AP (72.1%), tahun 2018 272 AP (67.2%) dan tahun 2019 sebanyak 257 AP (63.5%). Manakala, 191 AP (47.1%), 113 AP (27.9%), 133 AP (32.8%) dan 148 AP (36.5%) masing-masing bagi tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019 mengalami gangguan rangkaian melebihi tempoh maksimum yang dibenarkan. Semakan juga mendapati lima (5) AP bagi tahun 2018 dan lapan (8) AP bagi tahun 2019 melebihi 240 hari atau melebihi lapan (8) bulan dalam setahun.
- iv. Projek Fasa II melibatkan 198 AP di mana 57 AP (28.8%) bagi tahun 2018 dan 129 AP (65.1%) bagi tahun 2019 mengalami gangguan rangkaian dalam tempoh yang dibenarkan. Manakala, 141 AP (71.2%) dan 69 AP (34.9%) bagi tahun 2018 dan 2019 mengalami gangguan AP melebihi tempoh maksimum yang dibenarkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
LAPORAN GANGGUAN RANGKAIAN AP
TAHUN 2016 HINGGA TAHUN 2019 BAGI PROJEK JFW FASA I DAN FASA II

TEMPOH GANGGUAN RANGKAIAN AP	PROJEK JFW FASA I				PROJEK JFW FASA II	
	2016	2017	2018	2019	2018	2019
	BILANGAN AP				BILANGAN AP	
0 - 18 Hari	214	292	272	257	57	129
18.01 – 30 Hari	59	56	52	50	67	39
30.01 – 60 Hari	70	34	40	48	61	23
60.01 - 90 Hari	42	14	16	7	9	4
90.01 – 120 Hari	16	6	4	4	3	0
120.01 – 150 hari	2	3	7	3	1	3
150.01 – 180 Hari	0	0	8	0	0	0
180.01 – 210 Hari	2	0	0	25	0	0
210.01 – 240 Hari	0	0	1	3	0	0
240.01 – 356 Hari	0	0	5	8	0	0
JUMLAH	405	405	405	405	198	198

Sumber: Laporan Gangguan Rangkaian AP, Portal Johor *Free WiFi*.

Maklum Balas BSTICT yang Diterima pada 25 September 2019

Pembangunan *hotspot* JFW Fasa I lewat dibangunkan atas sebab permasalahan bekalan elektrik untuk enam (6) *hotspot*, perubahan lokasi melibatkan lima (5) *hotspot* dan permasalahan data konfigurasi. Kelewatan untuk 65 *hotspot* JFW Fasa II disebabkan BPENJ hanya memberi surat niat kepada syarikat dilantik pada bulan Mac 2019.

BSTICT dan BPENJ akan mengadakan satu (1) mesyuarat penyelarasan bagi pemantauan prestasi perkhidmatan yang dibekalkan oleh syarikat dilantik. Selain Laporan Penyenggaraan dan Laporan Kerosakan yang perlu disertakan sebelum syarikat dilantik membuat sebarang tuntutan bayaran. Laporan *downtime* sebagaimana maklumat daripada sistem juga perlu dibentang, dinilai dan disahkan dalam mesyuarat setiap sukuan tahun. Mesyuarat akan memutuskan kadar bayaran yang layak dituntut mengikut kualiti perkhidmatan yang telah dibekalkan oleh syarikat dilantik.

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal Projek JFW adalah memuaskan bagi Fasa I. Projek Fasa II berlaku kelewatan pembangunan 65 *hotspot* menyebabkan perkhidmatan *WiFi* lewat dinikmati oleh rakyat. Gangguan rangkaian AP yang tinggi menyebabkan perkhidmatan JFW ini tidak dapat mencapai objektif projek iaitu menyediakan perkhidmatan *WiFi* secara percuma dan kemudahcapaian rakyat kepada perkhidmatan dalam talian.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

a. Kajian Tahap Kepuasan Pengguna

- i. Tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan JFW yang disediakan turut dinilai bagi memberi gambaran terhadap pencapaian *outcome* projek. Borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam termasuk pegawai Kerajaan. Borang soal selidik secara *hardcopy* telah diedarkan kepada pelbagai agensi Kerajaan di negeri Johor dan pengguna di lokasi *hotspot* yang dilawati. Soal selidik menggunakan format *Google Form* pula telah diedarkan melalui e-mel dan aplikasi *WhatsApp*.
- ii. Responden memberi maklum balas tahap kepuasan dengan menjawab 'Ya atau Tidak' berdasarkan soalan yang diberi. Sepanjang tempoh pengauditan, pihak Audit telah menerima sebanyak 2,549 maklum balas terdiri daripada 2,241 secara *hardcopy* dan 308 secara *Google Form*. Bagaimanapun, penilaian kepuasan perkhidmatan JFW adalah berdasarkan kepada responden yang pernah menggunakan perkhidmatan JFW iaitu sebanyak 1,015 responden. Aspek yang dinilai antaranya ialah perkhidmatan mudah akses, kekerapan penggunaan, tahap kelajuan capaian, had tempoh penggunaan 30 minit, talian aduan, keselamatan dan faedah JFW.

iii. Hasil analisis terhadap maklum balas responden yang pernah menggunakan perkhidmatan JFW mendapatkan perkara seperti berikut dan ringkasan maklum balas adalah seperti dalam **Jadual 3**:

- secara keseluruhannya, 492 (48.5%) responden menyatakan mereka berpuas hati terhadap perkhidmatan JFW manakala 523 (51.5%) responden menyatakan tidak berpuas hati;
- sebanyak 749 (73.8%) responden tidak bersetuju dengan had tempoh 30 minit yang diberikan untuk setiap sesi diikuti 675 (66.5%) responden menyatakan tidak berpuas hati terhadap tahap kelajuan capaian *internet*, dan
- hanya 236 (23.3%) responden bersetuju JFW merupakan sumber utama *internet* untuk *online* manakala 675 (66.5%) responden tidak bersetuju.

JADUAL 3
ANALISIS TERHADAP BORANG SOAL SELIDIK KAJIAN
KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP PERKHIDMATAN JOHOR FREE WIFI


BIL.	SOALAN	YA (%)	TIDAK (%)
1.	Tahu Kewujudan JFW	73.7	26.3
2.	Pernah Menggunakan Perkhidmatan JFW	39.8	60.2
JAWAPAN SETERUSNYA HANYA UNTUK RESPONDEN YANG PERNAH MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN JFW			
3.	Proses Pendaftaran Mudah	71.5	28.5
4.	Mendaftar Menggunakan No. Kad Pengenalan yang Berbeza-beza	17.4	82.6
5.	Kerap Menggunakan Kemudahan JFW	27.5	72.5
6.	Berpuas Hati Terhadap Tahap Kelajuan Capaian	33.5	66.5
7.	Tempoh <i>Loading</i> Terlalu Lama	62.8	37.2
8.	JFW Merupakan Sumber Utama <i>Internet</i> untuk <i>online</i>	23.3	76.7
9.	Tempoh 30 Minit yang Diberikan Untuk Setiap Kali Akses Mencukupi	26.2	73.8
10.	Sekatan Masa 30 Minit Ini Patut Terus Dilaksanakan	43.7	56.3
11.	Tahu Bahawa Terdapat Saluran Aduan JFW	34.4	65.6
12.	Pernah Membuat Aduan	17.1	82.9
13.	Aduan Diambil Tindakan	58.0	42.0
14.	JFW Sangat Memberi Faedah	69.8	30.2
15.	Secara Keseluruhannya Berpuas Hati Dengan Perkhidmatan JFW	48.5	51.5

Sumber: Jabatan Audit Negara.

b. Kemerosotan Penggunaan Perkhidmatan JFW

- i. Hebahan media di Portal PBT menyatakan Projek JFW Fasa I akan mula beroperasi dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2016. Manakala Klausu 2.1 Perjanjian bagi Projek JFW Fasa II berkuatkuasa pada 1 Januari 2018 melibatkan pembangunan tambahan 66 *hotspot* dan naik taraf 40 *hotspot*.

- ii. Semakan Audit mendapati BSTICT ada menggunakan mekanisme daftar data masuk pengguna bagi projek JFW Fasa I sebagai asas pengukur untuk kertas cadangan bagi projek JFW Fasa II.
- iii. Analisis Audit terhadap data pengguna di laman sesawang JFW mendapati dari tahun 2016 hingga 2019, sebanyak 19,820,295 daftar masuk pengguna telah direkodkan. Pada tahun 2016, jumlah pengguna adalah sebanyak 5,523,789 dan meningkat sedikit menjadi 5,730,570 pada tahun 2017. Selanjutnya berlaku kemerosotan sebanyak 858,852 daftar masuk pengguna pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 walaupun terdapat naik taraf *bandwidth* dari 4 Mbps kepada 8/10 Mbps dan penambahan 66 *hotspot*. Jumlah pengguna yang direkodkan pada tahun 2019 pula adalah sebanyak 3,694,218.
- iv. Berdasarkan semak silang antara analisis terhadap daftar penggunaan JFW dengan analisis terhadap kajian kepuasan pengguna oleh Jabatan Audit Negara, didapati bahawa kemerosotan penggunaan perkhidmatan JFW adalah konsisten dengan hasil keputusan kepuasan pengguna. Prestasi penggunaan perkhidmatan JFW Fasa I dan Fasa II adalah seperti dalam **Carta 1**.



Sumber: Data Penggunaan Pengguna, Portal Johor Free WiFi.

Maklum Balas BSTICT yang Diterima pada 25 September 2019

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal JFW menyatakan untuk mengekalkan tempoh 30 minit untuk setiap sesi mengakses *internet*.

Pada pendapat Audit, tahap penggunaan JFW yang merekodkan kemerosotan pada tahun 2018 menjelaskan objektif projek iaitu untuk meningkatkan kemudahcapaian rakyat kepada perkhidmatan *online*. Selain itu, hasil analisis kajian kepuasan pengguna menunjukkan pengguna masih kurang berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan.

6.2. Pengurusan Projek JFW

6.2.1. Proses Perolehan Tidak Teratur

- a. Pada 18 Mei 2014, Mesyuarat Penilaian Pelaksanaan JFW telah bersetuju pemilihan kontraktor untuk Projek JFW Fasa I. Sebelum itu, empat (4) syarikat telekomunikasi telah dijemput oleh BSTICT untuk menyertai *Proof of Concept* (POC) yang dilaksanakan pada 1 Jun 2014 hingga 30 Jun 2014.
- b. Pada Mac 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor telah bersetuju memperakukan cadangan melantik syarikat bernombor pendaftaran 526020-T setelah mengambil kira prestasi penilaian POC bagi keempat-empat syarikat terlibat. Bagaimanapun pada 15 April 2015, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 733/2015 bersetuju untuk melantik YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu JFW bagi pelaksanaan Projek JFW, seterusnya memilih syarikat bernombor pendaftaran 526020-T untuk melaksanakan Projek JFW. Ringkasan kronologi proses perolehan Projek JFW seperti di **Jadual 4**.

JADUAL 4
KRONOLOGI PROSES PEROLEHAN PROJEK JFW

TARIKH	BUTIRAN	MESYUARAT	PIHAK YANG TERLIBAT
29 Januari 2014	Mendengar Pembentangan daripada Empat (4) Syarikat untuk Mendapatkan Pandangan	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal	Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor, BPENJ, BSTICT, SUK (KPKT)
Februari & Mac 2014	Menerima Permohonan Cadangan Perkhidmatan dari Keempat-empat Syarikat	-	BPENJ
-	BPENJ Menghantar Kertas Cadangan ke BSTICT Bagi Tujuan Ulasan dan Pandangan	-	BSTICT
18 Mei 2014	Bersetuju Keempat-empat Syarikat Menjalankan POC dan Membuat Pemilihan Kontraktor	Mesyuarat Penilaian Pelaksanaan	Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor
18 Mac 2015	Memperakarkan Cadangan untuk Melantik Syarikat Menjalankan Projek JFW	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana	Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor
15 April 2015	Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Projek JFW	MMK	-
	Melantik Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Projek JFW		Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor

Sumber: Cabutan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

- c. Semakan lanjut terhadap proses perolehan Projek JFW mendapati perkara seperti berikut:

i. Perolehan Tidak Melalui Lembaga Perolehan Negeri

Arahan Perbendaharaan 193 menyatakan bahawa Lembaga Perolehan adalah bertanggungjawab mempertimbangkan dan setuju terima tender berasaskan kepada dasar Kerajaan, syarat-syarat utama, nilai perolehan yang terbaik dan tertakluk kepada had kuasa yang diluluskan. Semakan Audit mendapati **pemilihan dan pelantikan syarikat 526020-T tidak melalui Lembaga Perolehan Negeri dan hanya berdasarkan kepada keputusan MMK Bil. 733/2015. Perkara ini menyebabkan perolehan tidak mematuhi sebagaimana Dasar Perolehan Kerajaan.**

ii. Surat Setuju Terima (SST) Tidak Dikeluarkan

Pekeliling Perbendaharaan PK 4.2 Perenggan 3.2 menetapkan SST hendaklah dikeluarkan kepada syarikat yang berjaya sebaik sahaja diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus yang terdiri daripada Kementerian Kewangan/Lembaga Perolehan/Pegawai Pengawal. Perenggan 4.8 pula menetapkan bagi semua perolehan bermasa tidak kira nilainya, hendaklah dikeluarkan SST disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani. Perolehan bermasa adalah perolehan yang mana tempoh kontrak adalah melebihi empat (4) bulan. **Semakan Audit mendapati SST tidak dikeluarkan kepada syarikat dilantik**

untuk Projek JFW selepas diluluskan oleh MMK pada tahun 2015.

Maklum Balas *Exit Conference* pada 25 September 2019 dan Maklum Balas yang Diterima pada 30 April 2020

BPENJ menyatakan kertas kerja ada dihantar untuk semakan PKN bagi mendapatkan kos keseluruhan projek, akan tetapi tidak dinasihatkan dari mana-mana bahagian untuk BPENJ memajukan kertas kerja projek ke Lembaga Perolehan. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan telah diambil dengan kesemua perolehan terkini mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Maklum Balas BPENJ yang Diterima pada 25 September 2019

Pihak BPENJ mengambil maklum ketiadaan SST dan memastikan perkara ini tidak berulang di masa hadapan.

Pada pendapat Audit, proses perolehan tidak teratur kerana tidak selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa.

6.2.2. Pentadbiran Kontrak

a. Spesifikasi Tender Tidak Lengkap dan Tidak Terperinci

- i. PPP PK 2.1 Perenggan 1 (iv) (c) menetapkan spesifikasi seperti saiz, bentuk, kualiti dan nisbah kandungan hendaklah dinyatakan dengan jelas serta terperinci supaya tidak menimbulkan keraguan kepada kontraktor/pembekal. Perkara ini juga penting bagi tujuan penyeliaan dan pemantauan serta menentukan butiran yang dinyatakan dalam spesifikasi kerja dilaksanakan.
- ii. Semakan Audit terhadap dokumen perjanjian mendapati *spesifikasi kerja yang dinyatakan tidak lengkap dan tidak terperinci. Perincian mengenai kos modal (aset) dan kos operasi tidak dinyatakan dengan jelas. Perbelanjaan yang melibatkan bekalan perkakasan, pemasangan, penyenggaraan dan perkhidmatan talian untuk setiap hotspot JFW juga tidak dinyatakan.* Harga kontrak dinyatakan secara pukal bernilai RM12.48 juta untuk Fasa I dan

RM8.96 juta untuk Fasa II. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada pengesahan penerimaan bekalan dan pengesahan bayaran.

b. Perjanjian Projek JFW Fasa I Lewat Ditandatangani

- i. PPP PK 4.2 Seksyen 3.2 menetapkan dokumen perjanjian yang telah lengkap hendaklah ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh SST dikeluarkan.
- ii. Semakan Audit mendapati draf dokumen perjanjian Projek JFW Fasa I telah dihantar ke Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor (PPUUNJ) untuk semakan selanjutnya pada 13 April 2016. **Dokumen perjanjian bagi projek Fasa I hanya dimeterai pada 29 Ogos 2016 iaitu lapan (8) bulan lewat daripada tarikh mula operasi JFW** pada 1 Januari 2016 seperti hebahan media dalam portal PBT. Bagi Projek Fasa II pula, draf perjanjian dihantar ke PPUUNJ untuk semakan pada 15 Januari 2018. **Dokumen perjanjian telah dimeterai pada 24 Jun 2018 iaitu lewat enam (6) bulan dari tempoh mula berkuatkuasa kontrak** pada 1 Januari 2018. Kronologi dokumen perjanjian lewat disediakan dan ditandatangani seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KRONOLOGI DOKUMEN PERJANJIAN LEWAT
DISIAPKAN BAGI PROJEK JOHOR FREE WIFI FASA I DAN FASA II

PROJEK JFW FASA	TARIKH SURAT	RUJUKAN	DARIPADA	KEPADA	STATUS PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN
I	11.11.2015	PUNJ.N.700-1/10/6-112	PPUUNJ	BPENJ	Maklum balas semakan
	22.02.2016	SUKJ.UPEN.1/4-3/11(2)(6)	BPENJ	PPUUNJ	Permohonan semakan
	29.03.2016	PUNJ.N.700-1/10/6-112	PPUUNJ	BPENJ	Maklum balas semakan
	13.04.2016	SUKJ.UPEN.1/4-3/11(2)(8)	BPENJ	PPUUNJ	Permohonan semakan
	18.04.2016	PUNJ.N.700-1/10/6-112	PPUUNJ	BPENJ	Maklum balas semakan dan boleh dimuktamadkan setelah pindaan
	29.08.2016				Tarikh Perjanjian Dimeterai (Tempoh Kontrak 3 Tahun) (Tiada Tarikh Jelas Dinyatakan)
II	15.01.2018	SUKJ.UPEN(J).1/4-3/11Jld 3(62)	BPENJ	PPUUNJ	Permohonan semakan
	17.04.2018	PUNJ.N.700-1/10/6-112	PPUUNJ	BPENJ	Maklum balas semakan dan boleh dimuktamadkan setelah pindaan
	24.06.2018				Tarikh Perjanjian Dimeterai (Tempoh Kontrak 3 Tahun) (1 Januari 2018 – 31 Disember 2020)

Sumber: Dokumen Perjanjian Kontrak Fasa I dan Fasa II Johor Free WiFi, BPENJ

c. Dokumen Perjanjian Tidak Lengkap

Semakan Audit terhadap dokumen perjanjian mendapati kelemahan seperti berikut:

i. Tempoh Kontrak Berkuat Kuasa Tidak Dinyatakan

PPP PK 4.2 Perenggan 9.4.4. menetapkan tempoh kontrak hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam isi kandungan SST dan juga dalam 'Butiran Kontrak' di 'Lampiran A' kepada SST tersebut. Tarikh Mula dan Tamat Kontrak hendaklah turut dinyatakan dengan jelas dalam 'Butiran Kontrak' selaras dengan tempoh kontrak yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang keraguan. Semakan Audit mendapati **Perjanjian JFW Fasa I tidak menyatakan dengan jelas mengenai tarikh kontrak bermula dan berakhir. Sebaliknya, perjanjian hanya menyatakan tempoh kontrak adalah selama tiga (3) tahun** merujuk kepada Klausus 2.1 Seksyen D Schedule 1.

ii. Tiada Klausus Kenaan Denda/Tolakan/*Liquidated and Ascertained Damages (LAD)*

PPP PK 4.1 Perenggan 8 menetapkan bagi memastikan pengalihan dan pembekalan utiliti dilaksanakan mengikut tempoh ditetapkan oleh agensi, kontrak pembekalan utiliti yang ditandatangani hendaklah mengandungi elemen *Service Level Agreement (SLA)*. Perkara ini bagi memastikan tahap perkhidmatan yang dikehendaki seperti tempoh pemasangan yang perlu dipatuhi, prestasi yang ditetapkan, jaminan dan denda/penalti dimasukkan dalam klausus kontrak. Semakan Audit mendapati klausus Kenaan Denda/Tolakan/LAD tidak dinyatakan dalam kontrak.

d. Bon Pelaksanaan Tidak Dikenakan

Arahan Perbendaharaan 176.2 (a) menetapkan Bon Pelaksanaan bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan bermasa hendaklah ditentukan mengikut harga kontrak bagi setahun dengan kadar lima peratus (5%) bagi kontrak bernilai melebihi RM500,000. Bon Pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank atau jaminan insurans dalam Ringgit Malaysia dari bank atau institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan. Semakan Audit mendapati **Bon Pelaksanaan tidak dikenakan kepada kontraktor berjumlah**

RM207,951 bagi Projek Fasa I dan RM149,410 bagi Projek Fasa II.

e. Polisi Insurans Tidak Dikemukakan

Klausula 11.5 Perjanjian menyatakan kontraktor perlu membayar semua premium Insurans Tanggungan Awam dan Tanggungan Kerja serta perlu mengemukakan kepada Kerajaan negeri sesalinan resit pembayaran itu. Semakan Audit mendapati ***tiada salinan bayaran slip Polisi Insurans yang dikemukakan oleh kontraktor untuk Projek Fasa I dan Fasa II.***

f. Perjanjian Tambahan Tidak Disediakan

- i. Klausula 2 Perjanjian Fasa 1 menyatakan kontraktor perlu memaklumkan secara bertulis niat untuk menyambung kontrak sebelum tiga (3) bulan dari tarikh tamat tempoh kontrak. Persetujuan bersama antara Kerajaan negeri dan syarikat dilantik mengenai terma dan syarat perlu dimuktamadkan tidak lewat daripada tempoh sebulan dari tarikh tamat kontrak asal. Sekiranya gagal berbuat demikian, perjanjian adalah tamat mengikut tempoh yang telah ditetapkan.
- ii. Semakan Audit mendapati tiada sebarang perjanjian tambahan atau perjanjian baharu dimeterai. Seterusnya, ***pelantikan syarikat yang berjaya untuk menyambung kontrak adalah selepas tamat kontrak Fasa I dan tidak dilaksanakan mengikut tatacara perolehan berkuat kuasa.***

Maklum Balas *Exit Conference* pada 25 September 2019 dan Maklum Balas yang diterima pada 30 April 2020

Polisi Insurans telah disediakan bagi projek JFW Fasa I Tambahan dan Projek Fasa II meliputi tempoh 1 Jun 2019 hingga 30 Jun 2020 melalui Nombor Polisi 2019-HC-G0008721-GAC. Bon Pelaksanaan dikenakan kepada pihak syarikat dilantik berikutnya Projek JFW Fasa II dan sambungan Projek JFW Fasa I masih belum berakhir.

Perincian mengenai kos modal (aset) yang melibatkan perkakasan dan pemasangan serta kos operasi yang melibatkan penyenggaraan, perkhidmatan talian dan sokongan perkhidmatan telah dinyatakan dengan terperinci dalam kertas kerja MMK bagi Projek JFW Fasa I dan II. Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya PPUUNJ

meneliti draf perjanjian dan menasihati BPENJ supaya mengikut format yang *standard* berdasarkan kepada Garis Panduan untuk Perjanjian Kerajaan.

Klausu Denda tidak dimasukkan dalam dokumen perjanjian kerana BPENJ tiada kepakaran mengenai aspek perundangan dalam penyediaan kontrak perjanjian. Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya PPUUNJ meneliti draf perjanjian dan menasihati BPENJ.

Selain itu, dokumen perjanjian tambahan sambungan perkhidmatan Projek JFW Fasa I untuk tempoh 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019 masih dalam proses penyediaan.

Maklum Balas PPUUNJ yang Diterima pada 25 September 2019

PPUUNJ melalui e-mel bertarikh 26 September 2019 menyatakan bahawa penyataan tempoh perjanjian atau tarikh kuat kuasa perjanjian hendaklah ditentukan oleh pihak yang memasuki kontrak sebelum menandatangani perjanjian dan bukanlah dalam skop pemantauan PPUUNJ.

Isu spesifikasi untuk tender yang tidak lengkap dan terperinci, perincian kos yang tidak jelas dan harga kontrak bukanlah dalam bidang kuasa Pejabat ini memandangkan isu tersebut merupakan isu teknikal yang perlu ditentukan oleh pihak-pihak kepada perjanjian dan pejabat ini hanyalah bertanggungjawab bagi menyemak dan meluluskan sesuatu syarat perjanjian sebagaimana ketetapan AP 204.1.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak bagi projek ini tidak teratur dan tidak menjamin kepentingan Kerajaan negeri.

6.2.3. Pengurusan Kewangan

a. Tiada Agihan Keuntungan Kepada Kerajaan

- i. Klausu 6.2 Perjanjian bagi Projek Fasa I dan Klausu 7.3 Perjanjian Projek Fasa II menetapkan keuntungan hendaklah dibahagikan sama rata di antara Kerajaan negeri dengan syarikat dilantik. Keuntungan adalah daripada hasil penjualan perkhidmatan Johor WiFi Premium, penyewaan Service Set

Identifier (SSID) dan keuntungan perkhidmatan pengiklanan. Syarikat dilantik perlu mengemukakan Penyata Akaun, resit, invois dan dokumen berkaitan pengiraan keuntungan pada akhir setiap bulan bagi Projek Fasa I dan setiap hujung sukuan tahun bagi Projek Fasa II.

- ii. Semakan Audit mendapati berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana pada 18 Mac 2015 memutuskan antara aspek pemilihan syarikat 526020-T kerana jangkaan pulangan kepada Kerajaan negeri dengan anggaran RM1.19 juta setahun. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **tiada sebarang pulangan kepada Kerajaan negeri telah dibahagikan oleh syarikat sehingga tarikh pengauditan.** Semakan Audit selanjutnya mendapati **syarikat tersebut tidak mengemukakan sebarang dokumen untuk tujuan kiraan pengagihan keuntungan kepada Kerajaan negeri sejak bulan Januari 2016.**
- iii. Hasil temu bual pihak Audit bersama pegawai BPENJ mendapati tiada maklumat secara rasmi direkodkan dan tiada pulangan dikreditkan ke dalam akaun Kerajaan negeri. Semakan Audit mendapati **tiada satu (1) mekanisme yang diguna pakai oleh pihak BPENJ dalam memastikan apa hasil yang dijana oleh syarikat supaya dapat dipantau oleh Kerajaan negeri.**

b. Baucar Bayaran Tidak Disokong dengan Dokumen yang Lengkap

Arahan Perbendaharaan 99(a) menyatakan semua baucar atau baucar elektronik hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap untuk membolehkan baucar tersebut disemak. Semakan Audit terhadap 80 sampel baucar bayaran kepada syarikat bernombor pendaftaran 526020-T bagi tahun 2017 hingga 2019 tanpa dokumen sokongan adalah seperti berikut:

- i. **Semua baucar bayaran untuk perbelanjaan modal dan operasi yang berjumlah RM12.41 juta tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.** Dokumen sokongan yang tidak dikepilkkan bersama baucar bayaran sebagai bukti untuk menyokong bayaran ialah Sijil Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) dan Laporan Penyenggaraan. Pihak Audit mendapati



RM 61,056

Perbelanjaan tanpa kontrak atau inden kerja

bayaran dibuat hanya berdasarkan invois yang dikeluarkan oleh syarikat berkenaan dan cabutan keputusan mesyuarat MMK.

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiga (3) daripada 80 sampel baucar bayaran kos operasi bagi tahun 2019 berjumlah RM61,056 telah dibuat di luar tempoh kontrak di mana kontrak Fasa I telah tamat pada 31 Disember 2018. Perbelanjaan di luar tempoh kontrak adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PERBELANJAAN DI LUAR TEMPOH KONTRAK

BIL.	PBT	TARIKH/ NO. BAUCAR	TARIKH/ NO. INBOIS	PERIHAL	JUMLAH (RM)
1.	Majlis Daerah Labis (MDL)	26.06.2019 2019060082	13.06.2019 1003636	Talian dan penyenggaraan untuk dua (2) <i>hotspot</i> JFW tanpa naik taraf talian - tempoh 1 Januari 2019 hingga 31 Mac 2019	5,724
2.		26.06.2019 2019060071	30.06.2019 1003683	Talian dan penyenggaraan untuk dua (2) <i>hotspot</i> JFW tanpa naik taraf talian - tempoh 1 April 2019 hingga 30 Jun 2019	5,724
3.	Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT)	02.07.2019 2019070005	13.06.2019 1003635	Talian dan penyenggaraan JFW MDKT bagi sukuan 1 dan 2 2019	49,608
JUMLAH					61,056

Sumber: Baucar Bayaran PBT Tahun 2019

c. Pembayaran Terhadap Perkhidmatan yang Tidak Diterima

- i. Semakan Audit terhadap Laporan Daftar Mula Masuk Pengguna di Portal JFW bagi Projek Fasa I mendapati **12 daripada 135 hotspot telah berlaku kelewatan pemasangan antara satu (1) hingga 19 bulan. Namun, kos operasi bulanan berjumlah RM58,777 telah dibayar walaupun tiada perkhidmatan disediakan.** Pembayaran untuk perkhidmatan yang tidak diterima bagi Projek JFW Fasa I adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PEMBAYARAN UNTUK PERKHIDMATAN YANG TIDAK DITERIMA BAGI PROJEK JFW FASA I

BIL.	LOKASI HOTSPOT	PBT/PPR	DAFTAR MULA MASUK PENGGUNA	TEMPOH BULAN LEWAT (Bulan)	KOS OPERASI SEBULAN FASA I (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Hutan Bandar Pole 3	MBJB	Mac 2016	2	1,109	2,218
2.	Medan Selera Bandar Baru Uda	MBJB	Ogos 2017	19	1,109	21,071
3.	Bulatan Bukit Indah	MBIP	Februari 2016	1	1,109	1,109
4.	Medan Selera Taman Sri Pulai	MBIP	Februari 2016	1	1,109	1,109
5.	Medan Ikan Bakar Endau	MDMg	Ogos 2016	7	1,109	7,763
6.	Parit Betak	MDP	Februari 2016	1	1,109	1,109
7.	Taman Awam Pusat Perdagangan Pontian	MDP	Februari 2016	1	1,109	1,109

BIL.	LOKASI HOTSPOT	PBT/PPR	DAFTAR MULA MASUK PENGGUNA	TEMPOH BULAN LEWAT (Bulan)	KOS OPERASI SEBULAN FASA I (RM)	JUMLAH (RM)
8.	Dataran Sri Medan	MDYP	Januari 2017	12	1,109	13,308
9.	Medan Selera Bandar Tenggara	LBJT	April 2016	3	1,109	3,327
10.	Kempas Permai Pole 2	PPR	Mac 2016	2	1,109	2,218
11.	PPR Yong Peng Pole 1	PPR	Mac 2016	2	1,109	2,218
12.	PPR Yong Peng Pole 2	PPR	Mac 2016	2	1,109	2,218
JUMLAH						58,777

Sumber: Baucar Bayaran PBT dan SUK Perumahan serta Portal Johor *Free WiFi*.

- ii. Bagi Projek JFW Fasa I, kos operasi bulanan adalah berjumlah RM1,109 merangkumi kos penyenggaraan, talian dan servis sokongan seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KOS OPERASI BULANAN PROJEK JFW

KOS OPERASI BULANAN	FASA I (RM)
Kos Talian	500
Kos Penyenggaraan	309
Kos Servis Sokongan	300
JUMLAH	1,109

Sumber: Keputusan MMK dan Surat BPENJ

Maklum Balas BSTICT yang Diterima pada 25 September 2019

Pihak PBT yang terlibat memaklumkan dokumen sokongan yang sepatutnya dilampirkan iaitu pengesahan siap kerja lewat diterima dari pihak pembekal. Oleh sebab itu, baucar bayaran tidak dapat dilampirkan bersama dokumen sokongan yang berkaitan.

Pihak PBT mengambil maklum dan akan memastikan dokumen sokongan lengkap disediakan bagi pembayaran akan datang.

Syarikat dilantik menyatakan akan membuat pulangan semula untuk lebihan bayaran kepada SUK Perumahan dan PBT yang terlibat bagi perkhidmatan yang belum diterima secara Nota Kredit.

Maklum Balas MDKT yang Diterima pada 25 September 2019

Mesyuarat Penyelarasan Bayaran Projek JFW Fasa I dan Fasa II diadakan pada 20 Ogos 2019 telah membincangkan berkaitan penyediaan perjanjian kos talian dan penyenggaraan yang perlu ditanggung oleh PBT bagi tujuan pembayaran.

Maklum Balas BPENJ yang Diterima pada 26 September 2019

Syarikat dilantik memaklumkan komitmen syarikat untuk mengemukakan agihan keuntungan sebagaimana yang termaktub dalam dokumen perjanjian.

Secara dasarnya, Kerajaan Negeri Johor menggunakan pakai keputusan MMK sebagai punca kuasa pelantikan syarikat. Pihak BPENJ telah mendapatkan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri (PKN) bagi meluluskan lanjutan kontrak perkhidmatan Projek JFW Fasa I selama dua (2) tahun bermula 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2020 kepada syarikat dilantik.

Pada pendapat Audit, kontraktor dilantik telah melanggar syarat perjanjian kerana belum mengembalikan keuntungan kepada Kerajaan negeri. Selain itu, pengurusan pembayaran tidak cekap kerana tidak mematuhi prosedur kewangan dan menjurus kepada *improper payment*.

6.2.4. Aduan Awam Lewat Diselesaikan

- a. Berdasarkan Klausus 5.1 Perjanjian Fasa I dan Klausus 6.1 Perjanjian Fasa II, syarikat dilantik perlu menyediakan pasukan servis sokongan yang mencukupi dan bersedia 24 jam sehari dalam tujuh (7) hari seminggu. Respon terhadap semua aduan perlu dilaksanakan dalam tempoh empat (4) jam dari waktu aduan diterima. Pasukan teknikal juga perlu sentiasa bersedia untuk menyelesaikan masalah di tapak sekiranya berlaku masalah.
- b. Semakan Audit terhadap Laporan Terkumpul dari tahun 2016 hingga bulan Jun 2019 mendapati sebanyak 168 aduan telah diterima. Analisis Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:
 - i. *unable to login* merupakan aduan tertinggi melibatkan 58 aduan dan diikuti oleh *forgot username and password* dengan 48 aduan; dan

- ii. sebanyak 164 aduan dapat diselesaikan pada hari yang sama atau selewat-lewatnya sehingga sembilan (9) hari. Namun terdapat empat (4) aduan kerosakan ADSL melibatkan perkhidmatan oleh syarikat penyedia rangkaian telekomunikasi mengambil masa selama dua (2) tahun 26 hari untuk dibaiki. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
TEMPOH MASA PENYELESAIAN ADUAN
JOHOR FREE WiFi BAGI TAHUN 2016 HINGGA 30 JUN 2019

JENIS ADUAN	2016		2017		2018		2019 SEHINGGA 30 JUN		JUMLAH ADUAN
	BIL. ADUAN	*TEMPOH SELESAI	BIL. ADUAN	*TEMPOH SELESAI	BIL. ADUAN	*TEMPOH SELESAI	BIL. ADUAN	*TEMPOH SELESAI	
ADSL Issue	4	4 = 2T 26H	0	0	0	0	0	0	4
Forgot Username and Password	8	8 = SH	25	25 = SH	10	10 = SH	5	5 = SH	48
Line Disconnection	3	2 = SH 1 = 2H	15	6 = SH 8 = 1H 1 = 2H	9	1 = SH 3 = 1H 2 = 2H 1 = 5H 1 = 7H 1 = 9H	10	3 = SH 7 = 1H	37
No Landing Page	5	3 = SH 2 = 2H	1	1 = SH	0	0	4	2 = SH 2 = 1H	10
Unable To Login	10	10 = SH	25	25 = SH	22	22 = SH	1	1 = 1H	58
Signal Strength is Low – 1 Bar	0	0	0	0	1	1 = SH	0	0	1
Magicbox Adaptor Faulty	0	0	0	0	0	0	1	1 = 1H	1
Johor WiFi Premium	0	0	0	0	0	0	2	1 = 1H 1 = 4H	2
Main DB Burned	0	0	0	0	0	0	1	1 = 5H	1
Radius Service Stop	0	0	0	0	0	0	2	2 = 2H	2
Unknown	0	0	0	0	0	0	1	1 = 1H	1
Backhaul Radio Hang	0	0	0	0	0	0	1	1 = 1H	1
Antenna at BTS Faulty	0	0	0	0	0	0	1	1 = 1H	1
User Failed To Register	0	0	0	0	0	0	1	1 = SH	1
JUMLAH	30		66		42		30		168

Sumber: Laporan Aduan Johor Free WiFi, BSTICT

Nota: (*) - Tempoh Penyelesaian untuk Setiap Aduan

T = Tahun, B = Bulan, H= Hari, SH = Sama Hari (Aduan diselesaikan pada hari yang sama)

- c. Pihak Audit juga mendapati pihak SUK Perumahan, PBT dan pejabat daerah selaku penyelia *hotspot* dalam kawasan pentadbirannya tidak dapat memantau pengurusan aduan Projek JFW. Perkara ini disebabkan tiada medium disediakan untuk memudahkan pemantauan bagi melihat jenis aduan yang dikemukakan oleh pengguna dan tempoh masa yang diambil oleh syarikat untuk menyelesaikan masalah.

Maklum Balas BSTICT yang Diterima pada 25 September 2019

Maklum balas melalui e-mel daripada syarikat dilantik bertarikh 22 September 2019 menyatakan terdapat kesilapan tarikh terhadap empat (4) aduan berkaitan isu ADSL. BSTICT telah meminta supaya dikemukakan Laporan Aduan Kerosakan yang dijana daripada sistem *helpdesk* syarikat dilantik, namun dimaklumkan pihaknya merekodkan segala aduan yang diterima secara manual menggunakan perisian *spreadsheet* dan tidak menggunakan sistem. BSTICT menyatakan pihak syarikat dilantik bertanggungjawab untuk memantau dan menyelesaikan segala aduan seperti ketetapan dokumen perjanjian.

Pada pendapat Audit kelewatan menangani masalah aduan menyebabkan perkhidmatan JFW ini tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

6.2.5. Pengurusan Aset

Merujuk kepada *Schedule 5* kepada Perjanjian, syarikat dilantik perlu membekalkan kepada Kerajaan negeri dan PBT sebanyak 846 unit perkakasan melibatkan 135 *hotspot* untuk Fasa I. Bagi Fasa II pula, sebanyak 397 unit perkakasan meliputi 66 *hotspot* perlu dibekalkan. Selain itu, perjanjian juga menetapkan bahawa Kerajaan negeri dan PBT mempunyai hak dan kepentingan terhadap perkakasan yang dibekalkan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Aset Tidak Didaktarkan dan Tidak Diberi Tanda Pengenalan ‘Hak Milik Kerajaan’

Portal Pekeliling Perbendaharaan AM 2.3, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan menetapkan aset hendaklah didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan bagi menentukan kepunyaan dan memudahkan pengesanan lokasi aset. Aset juga hendaklah diberi tanda pengenalan ‘Hak Kerajaan Malaysia’ dan nama Kementerian/Jabatan/PTJ yang berkenaan. Semakan fizikal Audit yang dijalankan dari bulan Mei hingga Julai 2019 di tujuh (7) PBT dan pejabat daerah berhampiran mendapati **kesemua perkakasan ini tidak didaftarkan dan tidak diberi tanda pengenalan ‘Hak Milik Kerajaan’**. Perkakasan ini merangkumi 71 *pole*, 94 unit *router* dan 403 unit AP melibatkan Projek JFW Fasa I dan II adalah seperti dalam **Jadual 10** serta **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

JADUAL 10
SENARAI PERKAKASAN TIDAK DIDAFTAR DAN DIBERI TANDA PENGENALAN
'HAK MILIK KERAJAAN' BAGI PROJEK JOHOR FREE WIFI FASA I DAN FASA II

BILANGAN PERKAKASAN YANG TIDAK DILABEL (Fasa I)				BILANGAN PERKAKASAN YANG TIDAK DILABEL (Fasa II)					
BIL.	PBT/PPR	UNIT			BIL.	PBT/PD	UNIT		
		POLE	ROUTER	AP			POLE	ROUTER	AP
1.	MBIP	6	14	42	1.	MBIP	4	4	12
2.	MBJB	9	12	*96	2.	MBJB	3	4	11
3.	MDL	0	2	5	3.	MDP	1	1	3
4.	MPS	3	4	14	4.	PDJB	1	1	3
5.	MDKT	3	8	25	5.	PDS	5	5	15
6.	PBT Pengerang	4	6	18	6.	PDKT	5	5	15
7.	MDP	8	9	26	7.	PDP	5	5	16
8.	PPR	14	14	42	-	-	-	-	-
JUMLAH		47	69	268	JUMLAH		24	25	75

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - 60 daripada 70 AP yang diterima secara percuma dari syarikat dilantik dan ditempatkan di kawasan MBJB

GAMBAR 1



Hentian Bas dan Teksi Sungai Rengit, PBT Pengerang
- AP yang Tidak Didaftar dan Dilabel
(14.07.2019)
(Sumber : Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Kolam Renang Taman Ungku Tun Aminah, MBIP
- Router yang Tidak Didaftar dan Dilabel
(03.07.2019)
(Sumber : Jabatan Audit Negara)

b. Aset yang Tidak Digunakan

- i. Lawatan fizikal Audit di lima (5) lokasi JFW Fasa II mendapati perkakasan *hotspot* iaitu *router* dan AP tidak dipasang/diletakkan di *pole* yang disediakan. Sebaliknya *router* dan AP tersebut telah dipasang/diletakkan pada bangunan berhampiran. Hal ini menyebabkan *pole* yang telah dibina tidak digunakan atas tujuan asal Projek JFW dan menyebabkan kerugian atas kos pemasangan *pole* yang telah dibelanjakan berjumlah RM374,885. Anggaran kerugian berdasarkan perkiraan Audit adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
ANGGARAN KERUGIAN BERDASARKAN PERKIRAAN AUDIT
PEMASANGAN POLE DAN TIDAK DIGUNAKAN UNTUK LIMA (5) HOTSPOT

PERKIRAAN KERUGIAN KASAR PEMASANGAN POLE NAMUN TIDAK DIGUNAKAN	JUMLAH (RM)
Kos Modal setiap <i>hotspot</i> Fasa II dilengkapi dengan <i>pole</i> [Rujukan : Surat SUKJ.UPEN.1/4-3/11Jld.(2)(7) bertarikh 13 April 2016]	84,832
(-) Kos Modal setiap <i>hotspot</i> tanpa <i>pole</i> di kaunter PBT Fasa I [Rujukan : surat SUKJ.UPEN.1/4-3/11 JLD.3(65) bertarikh 01 Mac 2018]	9,855
Tambahan kos dengan meletakkan <i>pole</i>	74,977
Nilai Untuk Pemasangan 5 Pole Yang Tidak Digunakan = 5 X RM74,977	
Lokasi <i>hotspot</i> yang <i>pole</i> tidak digunakan:	
1. Arkib Johor Jaya, MBJB 2. Hentian Bas dan Teksi Gelang Patah, MBIP 3. Kawasan Awam Rumah Iskandar, MBIP 4. Pejabat Cawangan Taman Perling, MBIP 5. Pejabat Tanah dan Daerah Pontian, MDP	374,885

Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Lawatan fizikal Audit di Desaru Utama *Community Care* (DUCC), PBT Pengerang yang dalam pembinaan mendapat terdapat satu (1) aset *pole hotspot* JFW terdiri daripada *pole Garvenized*, *router box*, logo Muafakat Johor dan plat Johor *WiFi* belum dipasang. Aset *hotspot* ini dipindahkan pada bulan Mei 2019 dari Hentian Bandar Tenggara, MDKT dan diserahkan ke PBT Pengerang melalui keputusan Mesyuarat Penyelaras Penyelaran Pembayaran Projek JFW Fasa I dan Fasa II yang diadakan pada 20 Ogos 2018. Keadaan perkakasan yang belum dipasang adalah seperti dalam **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



GAMBAR 4



Desaru Utama *Community Care*, PBT Pengerang
Aset *Pole Hotspot* JFW Terdiri Daripada *Pole Garvenized*, *Router Box*,
Logo Muafakat Johor dan Plat Johor *WiFi* Belum Dipasang
(14 Julai 2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

c. Peralatan Tidak Dibekalkan (Plat Johor *Free WiFi*)

Merujuk kepada *Schedule 5*, Para 7.3 dan 7.4 Perjanjian Fasa I, kontraktor perlu membekalkan aset seperti dalam **Jadual 12**. Semakan Audit mendapat

170 keping aset ini tidak dibekalkan setakat tarikh lawatan Audit dan tempoh kontrak bagi JFW Fasa I telah tamat pada 31 Disember 2018. Nilai aset tidak dapat dikenal pasti memandangkan tiada nilai ditetapkan untuk setiap aset dalam dokumen perjanjian.

**JADUAL 12
ASET YANG PERLU DIBEKALKAN**

SCHEDULE 5, PARA	PERKARA	JUMLAH (Keping)
7.3	"Muafakat Johor" + "Johor Free WiFi" Outdoor Plate. Size : approx 250mm(H) x 180mm(W). Material : Aluminium plate with 3M Reflective Sticker	60
7.4	"Muafakat Johor" + "Johor Free WiFi" Indoor Plate. Size : approx 139mm(H) x 100mm(W). Material : Aryrylic plate with Ink Jet Sticker	110
JUMLAH		170

Sumber: Dokumen Perjanjian, BPENJ

Maklum Balas BSTICT dan PBT Terlibat pada 25 September 2019

Pihak BSTICT memaklumkan syarikat dilantik telah membeli Plat Johor *Free WiFi* namun masih belum ditampal sehingga tarikh *Exit Conference* (25 September 2019) diadakan. Pendaftaran aset akan dilaksanakan setelah pihak BSTICT menerima senarai peralatan bagi setiap *hotspot* yang berada di PBT, PD dan PPR untuk didaftarkan sebagai aset Kerajaan.

Pole yang tidak diletakkan *router* dan AP berfungsi sebagai *repeater* dan *receiver* terhadap signal rangkaian *WiFi* dari *backhaul* utama syarikat dilantik.

PBT Pengerang menyatakan pembangunan sedang dijalankan di tapak DUCC sehingga kini. Sebagai langkah inisiatif, PBTP telah menukar lokasi ke Dewan Terbuka Taman Desaru Utama dan *pole* telah dipasang pada bulan Oktober 2019.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset JFW kurang cekap kerana aset tidak didaftarkan dan tidak diberi tanda pengenal.

6.2.6. Pengurusan Penyenggaraan

a. Laporan Penyenggaraan Lewat Dikemukakan

- i. Klausula 5.1.7 Perjanjian bagi Projek Fasa I dan Klausula 6.1.7 bagi Perjanjian Projek Fasa II menyatakan syarikat dilantik perlu mengemukakan Laporan Penyenggaraan setiap sukuan tahun kepada Kerajaan negeri. Penyenggaraan yang perlu dilakukan meliputi penyenggaraan pencegahan

bagi setiap sukuan tahun dan penyenggaraan pemulihan apabila diperlukan. Semakan Audit mendapati Laporan Penyenggaraan sukuan pertama dan kedua untuk Projek JFW Fasa I tahun 2016 belum diterima adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
LAPORAN PENYENGGARAAN SUKUAN TAHUN
YANG LEWAT DIKEMUKAKAN BAGI PROJEK JFW FASA I

BIL.	LOKASI HOTSPOT	JUMLAH HOTSPOT SUKUAN TAHUN	TAHUN 2016				TAHUN 2017				TAHUN 2018			
			1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
1.	MBJB	13	BT	BT	23.02.2017	04.01.2017	03.04.2017	25.06.2017	28.12.2017	29.01.2018	27.06.2018	06.09.2018	06.09.2018	07.01.2019
2.	MBIP	14	BT	BT							13.02.2019			
3.	MPPG	2	BT	BT	24.11.2016	24.01.2017	03.04.2017	17.07.2017	20.09.2017	03.01.2018	21.05.2018	13.08.2018	08.11.2018	07.01.2019
4.	MPBP	11	BT	BT							30.01.2019			
5.	MPKu	9	BT	BT	10.12.2016	22.12.2016	22.03.2017	01.06.2017	08.11.2017	31.12.2017	03.05.2018	10.10.2018	10.10.2018	03.01.2019
6.	MPK	5	BT	BT	BT						04.02.2019			
7.	MPM	7	BT	BT							29.01.2019			
8.	MDKT	8	BT	BT							04.02.2019			
9.	MDL	2	BT	BT							04.02.2019			
10.	MDMg	7	BT	BT							30.01.2019			
11.	MDP	9	BT	BT	22.11.2016	26.12.2016	28.03.2017	13.06.2017	13.06.2017	22.01.2018	22.05.2018	11.06.2018	04.10.2018	03.12.2018
12.	MPS	5	BT	BT							11.02.19			
13.	MDSR	2	BT	BT	03.11.2016	05.01.2017	05.04.2017	20.05.2017	12.10.2017	29.01.2018	17.05.2018	07.06.2018	03.10.2018	07.11.2018
14.	MDT	4	BT	BT	03.01.2017		08.06.2017		04.01.2018		26.06.2018		22.01.2019	
15.	MDYP	5	BT	BT							03.02.2019			
16.	LBJT	7	BT	BT	07.02.2019				19.02.2019			07.02.2019		
17.	PPR	25	BT	BT	08.09.2019	08.09.2019	08.09.2019	08.09.2019	08.09.2019	08.09.2019	08.09.2019	08.09.2019	08.09.2019	08.09.2019

Sumber: Laporan Penyenggaraan Projek JFW Fasa I

Nota: TT = Tiada Tarikh BT = Belum Terima

- ii. Bagi Projek JFW Fasa II, Laporan Penyenggaraan hanya dikemukakan bagi sukuan ketiga dan keempat tahun 2018 untuk 15 PBT/pejabat daerah. Bagi tahun 2019 hanya MBJB yang telah menerima laporan untuk sukuan pertama dan MPKu untuk sukuan pertama dan kedua. Laporan Penyenggaraan yang lewat dikemukakan adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
LAPORAN PENYENGGARAAN SUKUAN TAHUN
YANG LEWAT DIKEMUKAKAN BAGI PROJEK JFW FASA II

BIL.	LOKASI HOTSPOT	JUMLAH HOTSPOT SUKUAN TAHUN	2018				2019			
			1	2	3	4	1	2	3	4
			BT	BT	14.11.2018	08.01.2019	30.04.2019	BT	BT	BT
1.	MBJB	4	BT	BT	14.11.2018	08.01.2019	30.04.2019	BT	BT	BT
2.	MBIP	4	BT	BT	20.03.2019		BT	BT	BT	BT
3.	MPPG	2	BT	BT	14.05.2018	07.01.2019	BT	BT	BT	BT
4.	MDP	1	BT	BT	TT	TT	TT	TT	TT	TT
5.	MPKu	6	BT	BT	27.09.2018	29.12.2018	09.04.2019	01.07.2019	BT	BT
6.	PDP	5	BT	BT	07.04.2019	07.04.2019	BT	BT	BT	BT
7.	PDMg	5	BT	BT	20.03.2019		BT	BT	BT	BT
8.	PDK	5	BT	BT	13.02.2019	13.03.2019	BT	BT	BT	BT
9.	PDT	4	BT	BT	04.04.2019		TT	BT	BT	BT
10.	PDM	5	BT	BT	04.04.2019		TT	TT	BT	BT
11.	PDJB	5	BT	BT	11.11.2018	15.01.2019	BT	BT	BT	BT
12.	PDKu	5	BT	BT	18.03.2019		BT	BT	BT	BT
13.	PDBP	5	BT	BT	13.03.2019	13.09.2019	BT	BT	BT	BT
14.	PDKT	5	BT	BT	18.03.2019		BT	BT	BT	BT
15.	PDS	5	BT	BT	02.04.2019		BT	BT	BT	BT

Sumber: Laporan Penyenggaraan Projek JFW Fasa II

Nota: TT = Tiada Tarikh BT = Belum Terima

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati penyenggaraan yang dijalankan oleh syarikat tidak melibatkan pihak PBT dan tiada pengesahan kerja dipinta semasa kerja di tapak dilaksanakan.

Maklum Balas BSTICT pada 25 September 2019

BSTICT telah mengambil maklum dan mensyaratkan kepada syarikat dilantik tuntutan bayaran tidak akan diproses sekiranya Laporan Penyenggaraan tidak dikemukakan bersama semasa tuntutan dibuat pada masa akan datang.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyenggaraan adalah kurang memuaskan kerana Laporan Penyenggaraan lewat dikemukakan.

6.2.7. Pemantauan *Hotspot*

BSTICT telah menetapkan tanggungjawab semua PBT untuk menjalankan pemantauan ke setiap lokasi *hotspot* di bawah kawasan pentadbirannya. *Hotspot* di PPR pula akan dipantau oleh BSTICT. Pemantauan ini adalah bagi memastikan kemudahan *WiFi* yang disediakan sentiasa tersedia untuk digunakan dan dapat memberi manfaat untuk mempertingkatkan kemudahcapaian rakyat kepada perkhidmatan *internet*. Semakan Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

- a. kod dan kata kunci akses PBT Pengerang tidak dibekalkan sehingga tarikh lawatan Audit;
- b. data untuk 70 *street AP* yang ditempatkan di sekitar Johor Bahru (MBJB) secara dalam talian di Portal JFW tidak dikemas kini; dan
- c. empat (4) PBT iaitu MBJB, MPS, MDP dan PBT Pengerang serta pihak BSTICT tidak merekodkan bukti pemantauan telah dilaksanakan.

Maklum Balas BSTICT pada 25 September 2019

Jawatankuasa Teknikal akan mengadakan mesyuarat untuk menyelaraskan pemantauan semua *hotspot WiFi* oleh PPR, PD dan PBT.

Pada pendapat Audit, pemantauan JFW adalah lemah kerana BSTICT dan PBT tidak menjalankan pemantauan secara berjadual.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, objektif menyediakan perkhidmatan *WiFi* secara percuma dan kemudahcapaian rakyat kepada perkhidmatan dalam talian tercapai. Namun terdapat kemerosotan penggunaan pada tahun 2018 dan kekerapan gangguan rangkaian AP yang menjelaskan objektif projek. Selain itu, pentadbiran kontrak yang lemah tidak menjamin kepentingan Kerajaan negeri manakala proses perolehan dan pembayaran tidak teratur kerana bertentangan dengan peraturan Kerajaan.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek lain, pihak Audit mengesyorkan pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

- 8.1. BPENJ dan BSTICT hendaklah merancang dengan teliti setiap projek yang akan dibangunkan dan memastikan kepentingan Kerajaan negeri terjamin dalam perincian kontrak perjanjian yang dimeterai;
- 8.2. BPENJ perlu memastikan perolehan dilaksanakan melalui pihak berkuasa melulus yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan bagi menjamin ketelusan dan nilai wang terbaik kepada Kerajaan;
- 8.3. BPENJ perlu memastikan agihan keuntungan kepada pihak Kerajaan negeri perlu diserah seperti mana yang termaktub dalam kontrak perjanjian;
- 8.4. SUK Perumahan dan PBT perlu memastikan proses pembayaran perlu mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan dan pekeliling semasa yang berkuat kuasa;
- 8.5. BSTICT dan PBT perlu memastikan respon terhadap aduan awam perlu dilaksanakan dalam tempoh dan waktu yang ditetapkan;
- 8.6. SUK Perumahan, BSTICT dan PBT perlu memastikan aset Kerajaan negeri hendaklah didaftar dan dilabel seperti mana kehendak Pekeliling Aset yang berkuat kuasa;
- 8.7. BPENJ dan BSTICT perlu memastikan semua perolehan bekalan atau perkhidmatan yang dibuat hendaklah diguna dan diurus dengan cekap dan teratur bagi mengelakkan berlakunya pembaziran;
- 8.8. PBT dan SUK Perumahan perlu memastikan Laporan UAT dan Laporan Penyenggaraan (*Preventive Maintenance*) dikemukakan oleh kontraktor mengikut ketetapan dalam kontrak perjanjian. Pembayaran tidak boleh dijelaskan tanpa Laporan UAT dan *Preventive Maintenance* yang lengkap; dan
- 8.9. BSTICT perlu merangka kaedah pemantauan yang lebih berkesan agar perkhidmatan *WiFi* dapat diberikan kepada pengguna dengan optimum.

2

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

- Pengurusan Tempat Letak Kereta

RINGKASAN EKSEKUTIF

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pengurusan tempat letak kereta bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti.
- Bagi prestasi aktiviti, pencapaian *outcome* dinilai terhadap aduan awam mengenai kemudahan tempat letak kereta.
- Pengurusan aktiviti pula dinilai terhadap dua (2) perkara iaitu pengurusan tempat letak kereta secara *outsource* dan aktiviti penguatkuasaan yang diuruskan oleh Jabatan Penguatkuasa MBBJ.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan tempat letak kereta di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat, berkesan dan mencapai objektif bagi memastikan petak tempat letak kereta disediakan dengan teratur dan disenggara dengan sempurna.
- MBJB telah menandatangani perjanjian pengurusan tempat letak kereta secara *outsource* pada 25 April 2016 bagi tempoh 10 tahun yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 2016. Kadar pembahagian pendapatan yang dipersetujui adalah 30% kepada MBJB dan 70% kepada syarikat *outsource*.
- Jabatan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan tempat letak kereta adalah Unit Tempat Letak Kereta di Jabatan Kewangan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Penguatkuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, MBJB tidak mencapai objektif ditetapkan dalam memberikan kemudahan tempat letak kereta kepada orang awam.
- Prestasi kutipan hasil tempat letak kereta hanya mencapai sasaran antara 35.3% hingga 88.7% bagi tahun 2016 hingga 2018.

- Prestasi kompaun diselesaikan masih rendah iaitu antara 8.1% hingga 28.5% bagi tempoh bulan Mei 2016 hingga 2018. Sebanyak 1,195,611 kompaun bernilai RM37.67 juta masih belum diselesaikan sehingga akhir tahun 2018.
- Sebanyak 4,559,422 kompaun berjumlah RM140.77 juta pengurusan tempat letak secara penswastaan masih belum diselesaikan.
- Berlaku kelemahan dalam penyenggaraan, penguatkuasaan dan pemantauan seperti berikut:
 - garisan dan nombor petak pudar, saiz petak tidak seragam, petak tidak bernombor, nombor petak bertindih dan berulang;
 - *Standard Operating Procedures (SOP)* tidak disediakan bagi memantau pengurusan tempat letak kereta secara *outsource*;
 - tindakan pewartaan tempat letak kereta tidak dilaksanakan selama 11 tahun. Sebanyak 273 kompaun bernilai RM4,106 yang telah dibayar merupakan kutipan hasil tidak sah kerana jalan belum diwarta;
 - sebanyak lapan (8) pengusaha tempat letak kereta persendirian beroperasi tanpa lesen antara dua (2) hingga 17 tahun yang menyebabkan kerugian hasil lesen berjumlah RM24,300; dan
 - kelewatan pelupusan bagi 1,047 kenderaan yang ditunda pada tahun 2012 hingga Jun 2018 menyebabkan ruang depoh penyimpanan menjadi padat.

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

2. PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA

FAKTA UTAMA

2016

tempat letak kereta
diuruskan secara
outsource

30% : 70%

agihan pendapatan tempat letak kereta:
30% - MBJB
70% - syarikat outsource

Peranan syarikat *outsource* dilantik:

- membangunkan Sistem MBJB Spot, mencetak dan menjual kupon letak kereta serta mengeluarkan kompaun
- menyenggara 68,125 petak dan papan tanda letak kereta

1. LATAR BELAKANG

1.1. Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah memperoleh status bandaraya pada 1 Januari 2014. Kawasan pentadbiran MBJB adalah seluas 37,318 hektar merangkumi empat (4) kawasan iaitu Johor Bahru, Tebrau, Pulai dan Pasir Gudang. Antara fungsi dan peranan MBJB adalah merancang, mengatur dan mengawal pembangunan kawasan pentadbirannya termasuk menguruskan tempat letak kereta. Tempat letak kereta disediakan bagi tujuan kemudahan awam dan perlu disenggara dengan teratur dan sempurna.

1.2. Pengurusan tempat letak kereta diuruskan secara *outsource* oleh syarikat yang dilantik. Perjanjian ditandatangani pada 25 April 2016 bagi tempoh 10 tahun yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 2016. Mengikut perjanjian pengurusan tempat letak kereta secara *outsource*, MBJB berperanan melantik Penolong Pegawai Undang-Undang dan Pembantu Penguin Kuasa secara kontrak tetapi penyeliaan termasuk pembayaran gaji di bawah tanggungjawab syarikat *outsource*. Pembantu Penguin Kuasa bertanggungjawab mengeluarkan kompaun terhadap pelanggaran dan kegagalan mematuhi Perintah Lalu Lintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBJB 2003.

1.3. Syarikat *outsource* pula berperanan membangunkan Sistem *Mobile Parking App* (MBJB Spot), menyenggara petak dan papan tanda tempat letak kereta, mencetak dan menjual kupon serta pas bulanan letak kereta. Pengguna boleh membuat bayaran tempat letak kereta menggunakan kupon letak kereta atau aplikasi MBJB Spot.

1.4. Sebanyak 68,125 petak tempat letak kereta diserahkan kepada syarikat *outsource* untuk diuruskan. Berdasarkan perjanjian pengurusan tempat letak kereta

secara *outsource*, nisbah kadar pembahagian pendapatan adalah sebanyak 30:70 iaitu 30% kepada MBJB dan 70% kepada syarikat *outsource*.

1.5. Pihak bertanggungjawab terhadap pengurusan tempat letak kereta secara *outsource* adalah Unit Tempat Letak Kereta di Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan. Jabatan Pelesenan bertanggungjawab mengeluarkan lesen kepada pengusaha yang mengendalikan tempat letak kereta di kawasan tanah persendirian. Selain itu, tindakan penguatkuasaan terhadap tempat letak kereta persendirian tanpa lesen dan tundaan kenderaan dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasa. Maklumat berkaitan penguatkuasaan direkodkan dalam Sistem Pemindahan Kereta (MyVis) yang digunakan mulai tahun 2014.

1.6. MBJB telah menyasarkan sejumlah RM19.83 juta hasil kutipan tempat letak kereta bagi tahun 2016 hingga 2018. Kutipan hasil tempat letak kereta bagi tahun 2016 hingga 2018 berjumlah RM11.14 juta adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SASARAN DAN KUTIPAN TEMPAT LETAK KERETA TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	SASARAN DITETAPKAN (RM Juta)	KUTIPAN HASIL MBJB (RM Juta)
2016	3.84	3.41
2017	10.29	3.63
2018	5.70	4.10
JUMLAH	19.83	11.14

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan tempat letak kereta di MBJB telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif bagi memastikan petak tempat letak kereta disediakan dengan teratur dan disenggara dengan sempurna.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan melibatkan penilaian pengurusan tempat letak kereta oleh MBJB bagi tahun 2016 hingga 2018 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti. Bagi prestasi aktiviti, pencapaian *outcome* dinilai terhadap aduan awam mengenai kemudahan tempat letak kereta.

3.2. Pengurusan aktiviti pula dinilai terhadap dua (2) perkara iaitu pengurusan tempat letak kereta secara *outsource* dan aktiviti penguatkuasaan yang diuruskan oleh Jabatan Penguatkuasa MBJB.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak fail, rekod, baucar bayaran dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan tempat letak kereta. Penyemakan juga dibuat terhadap pengurusan tempat letak kereta MBJB yang diuruskan secara penswastaan bagi tahun 2003 sehingga 2015. Lawatan dan pemeriksaan fizikal dijalankan pada 10 hingga 13 Jun 2019 terhadap petak tempat letak kereta, pengusaha tempat letak kereta persendirian, stor kupon di pejabat syarikat *outsource* dan depoh penyimpanan kenderaan tunda. Perbincangan dan temu bual bersama pegawai yang terlibat turut diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan April hingga Julai 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Kutipan Hasil Tempat Letak Kereta

Prestasi kutipan hasil tempat letak kereta tidak mencapai sasaran ditetapkan bagi tahun 2016 hingga 2018 iaitu 35.3% hingga 88.7%. Prestasi kompaun diselesaikan masih rendah iaitu antara 8.1% hingga 28.5% dari bulan Mei 2016 hingga 2018. Sebanyak 1,195,611 kompaun bernilai RM37.67 juta masih belum diselesaikan sehingga akhir tahun 2018. Sebanyak 4,559,422 kompaun berjumlah RM140.77 juta bagi pengurusan tempat letak kereta secara penswastaan masih belum diselesaikan.

b. Pengurusan Tempat Letak Kereta

Pengurusan tempat letak kereta tidak mencapai objektif yang ditetapkan kerana terdapat kelemahan penyenggaraan petak tempat letak kereta di mana garisan dan nombor petak pudar, saiz petak tidak seragam, petak tidak bernombor, nombor petak bertindih dan berulang. Berlaku kelemahan dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak disediakan bagi memantau pengurusan tempat letak kereta secara *outsource*;
- b. tindakan pewartaan tempat letak kereta tidak dilaksanakan selama 11 tahun. Sebanyak 273 kompaun bernilai RM4,106 yang telah dibayar merupakan kutipan hasil tidak sah kerana jalan belum diwarta;
- c. sebanyak lapan (8) pengusaha tempat letak kereta persendirian beroperasi tanpa lesen antara dua (2) hingga 17 tahun yang menyebabkan kerugian hasil lesen berjumlah RM24,300; dan
- d. kelewatan tindakan pelupusan bagi 1,047 kenderaan yang ditunda pada tahun 2012 hingga Jun 2018 menyebabkan ruang penyimpanan terhad dan tidak mencukupi.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada MBJB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 23 September 2019. Maklum balas terkini telah diterima pada 30 April 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program

6.1.1. Prestasi Output

a. Prestasi Kutipan Hasil Tempat Letak Kereta

- i. MBJB menyediakan Bajet Tahunan sebagai sasaran kutipan hasil tempat letak kereta pada setiap tahun. Hasil kutipan tempat letak kereta MBJB terdiri daripada sewaan petak tempat letak kereta, bayaran kompaun dan hasil dari pengurusan tempat letak kereta secara *outsource*. Melalui pengurusan secara *outsource*, MBJB memperoleh 30% hasil daripada jualan kupon, eKupon dan MBJB Spot, pas bulanan, petak bermusim serta petak sementara. Sasaran dan prestasi kutipan hasil tempat letak kereta MBJB bagi tahun 2016 hingga 2018 seperti dalam **Jadual 2** dan **Jadual 3**.

JADUAL 2
SASARAN KUTIPAN HASIL TEMPAT LETAK KERETA BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	SASARAN KUTIPAN HASIL			JUMLAH SASARAN KUTIPAN (RM)
	KUPON LETAK KERETA (RM)	SEWA TEMPAT LETAK KERETA (RM)	KOMPAUN LETAK KERETA (RM)	
2016	40,000	2,800,000	1,000,000	3,840,000
2017	5,791,500	3,000,000	1,500,000	10,291,500
2018	5,000,000	400,000	300,000	5,700,000
JUMLAH	10,831,500	6,200,000	2,800,000	19,831,500

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

JADUAL 3
PRESTASI KUTIPAN HASIL TEMPAT LETAK KERETA BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	JUMLAH SASARAN KUTIPAN (RM)	KUTIPAN HASIL			PRESTASI KUTIPAN HASIL BERBANDING SASARAN (%)
		30% DARI HASIL PENGURUSAN SECARA OUTSOURCE (RM)	SEWA TEMPAT LETAK KERETA DAN KOMPAUN (RM)	JUMLAH (RM)	
2016	3,840,000	2,096,759	1,311,231	3,407,990	88.7
2017	10,291,500	3,146,416	485,300	3,631,716	35.3
2018	5,700,000	3,737,934	366,572	4,104,506	72.0
JUMLAH	19,831,500	8,981,109	2,163,103	11,144,212	56.2

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

- ii. Kutipan hasil tempat letak kereta MBJB bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah sejumlah RM11.14 juta. Sasaran kutipan hasil tempat letak kereta tidak tercapai pada tahun 2016 kerana pengurusan tempat letak kereta secara *outsource* baharu berkuat kuasa mulai 1 Mei 2016.
- iii. Pada tahun 2017, pihak MBJB telah meningkatkan sasaran kutipan berjumlah RM10.29 juta. Peningkatan ini disebabkan pihak MBJB dijangka memperoleh anggaran pendapatan berjumlah RM7.24 juta setahun berdasarkan kertas cadangan yang dikemukakan oleh syarikat *outsource*. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati MBJB hanya memperoleh pendapatan sejumlah RM3.15 juta (43.5%) berbanding anggaran pendapatan dijangkakan berjumlah RM7.24 juta.
- iv. Pihak MBJB telah menetapkan sasaran kutipan lebih rendah pada tahun 2018 iaitu berjumlah RM5.70 juta berbanding RM10.29 juta pada tahun 2017. Namun, prestasi kutipan berbanding sasaran ditetapkan masih tidak tercapai pada tahun 2018 kerana MBJB hanya menerima RM3.74 juta atau 30% daripada kutipan keseluruhan tempat letak kereta.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 25 September 2019 dan 30 April 2020

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan dalam kutipan hasil tempat letak kereta sebelum pengagihan pendapatan dibuat. Bagaimanapun, hasil MBJB adalah rendah selepas pengagihan pendapatan kepada syarikat *outsource*. Prestasi kutipan hasil tempat letak kereta MBJB pada tahun 2019 telah mencapai sasaran ditetapkan iaitu sejumlah RM6.57 juta atau 115.67% berbanding sasaran RM5.68 juta.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil tempat letak kereta tidak mencapai sasaran ditetapkan iaitu setakat 56.2% bagi tahun 2016 hingga 2018 selepas pengagihan.

b. Prestasi Penyelesaian Kompaun

- i. Perintah 39(1), Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBJB 2003 menyatakan mana-mana orang yang tidak mematuhi peruntukan perintah ini telah melakukan kesalahan dan boleh dikompaun.
- ii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil. 2/2016 pada 24 Februari 2016 mendapati sebanyak 181 kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2016 telah diberi pengecualian bayaran. Bagaimanapun, kompaun tersebut sejumlah RM5,880 masih direkodkan sebagai kompaun aktif (belum selesai) dalam Sistem MyVis. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4
BILANGAN KOMPAUN YANG DIKELUARKAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018**

TAHUN	PENGELUARAN		SELESAI		BELUM SELESAI		PRESTASI BILANGAN KOMPAUN SELESAI (%)	30% HASIL KOMPAUN YANG BOLEH DITERIMA MBJB (RM)
	BILANGAN	NILAI (RM)	BILANGAN	NILAI (RM)	BILANGAN	NILAI (RM)		
2016#	186	6,000	5	120	181	5,880	2.7	Tidak Berkenaan
2016*	364,334	11,770,720	29,396	954,540	334,938	10,816,180	8.1	3,244,854
2017	531,583	16,862,670	104,662	3,367,780	426,921	13,494,890	19.7	4,048,467
2018	606,644	18,740,070	173,073	5,390,850	433,571	13,349,220	28.5	4,004,766
JUMLAH	1,502,747	47,379,460	307,136	9,713,290	1,195,611	37,666,170		11,298,087

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota: (#) - Pengurusan Tempat Letak Kereta oleh MBJB Sendiri Bagi Januari Hingga April 2016

(*) - Pengurusan Tempat Letak Kereta Secara *Outsource* Berkuat Kuasa 1 Mei 2016

- iii. Berdasarkan **Jadual 4**, bilangan kompaun dikeluarkan meningkat daripada 364,334 kompaun bernilai RM11.77 juta dari bulan Mei 2016 kepada 606,644 kompaun bernilai RM18.74 juta pada tahun 2018. Namun, **prestasi kompaun yang diselesaikan adalah rendah iaitu antara 8.1% hingga 28.5% dari bulan Mei 2016 hingga 2018.** Sehingga akhir tahun 2018, **sebanyak 1,195,611 kompaun bernilai RM37.67 juta masih belum diselesaikan.** Akibatnya, MBJB mengalami kerugian 30% hasil kompaun atau bersamaan RM11.30 juta sebagaimana pecahan pengagihan pendapatan bagi tempoh tiga (3) tahun berkenaan.
- iv. Bagi meningkatkan kutipan kompaun, MBJB telah melaksanakan jadual kadar pengurangan tawaran kompaun mulai 1 Februari 2016 sebagaimana kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil. 1/2016 pada 20 Januari 2016. Bilangan kompaun bagi tahun 2016 hingga 2018 selepas pengurangan tawaran adalah antara 29,321 hingga 169,870 dengan nilai antara 45.7% hingga 52.6% berbanding nilai kompaun asal seperti dalam **Jadual 5.**

**JADUAL 5
KOMPAUN DISELESAIKAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018**

TAHUN	BILANGAN KOMPAUN SELESAI	KOMPAUN SELESAI							
		DIBAYAR				DENDA MAHKAMAH		BATAL	
		BILANGAN	NILAI ASAL (RM)	NILAI SELEPAS PENGURANGAN (RM)	PRESTASI NILAI PENGURANGAN KOMPAUN (%)	BILANGAN	NILAI (RM)	BILANGAN	NILAI (RM)
2016#	5	5	120	30	25.0	-	-	-	-
2016*	29,396	29,321	952,150	434,831	45.7	-	-	75	2,390
2017	104,662	102,324	3,290,780	1,727,638	52.5	297	8,910	2,041	68,090
2018	173,073	169,870	5,292,660	2,785,319	52.6	2,059	61,770	1,144	36,420
JUMLAH	307,136	301,520	9,535,710	4,947,818	51.9	2,356	70,680	3,260	106,900

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota: (#) - Pengurusan Tempat Letak Kereta oleh MBJB Sendiri Bagi Januari Hingga April 2016

(*) - Pengurusan Tempat Letak Kereta Secara *Outsource* Berkut Kuasa 1 Mei 2016

- v. Semakan Audit selanjutnya mendapati sepanjang tempoh bulan Mei 2016 sehingga 2018, sebanyak 3,260 kompaun telah dibatalkan oleh MBJB. Berdasarkan surat pembatalan kompaun tempat letak kereta, kompaun berkenaan dibatalkan kerana terdapat penggunaan nombor pendaftaran palsu serta kesilapan merekod oleh Pembantu Penguat Kuasa di bawah seliaan syarikat *outsource*. Kesan daripada pembatalan kompaun ini menyebabkan MBJB mengalami kerugian hasil kompaun bernilai RM106,900.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 2 Januari 2020

Bagi meningkatkan kesedaran pengguna tempat letak kereta menjelaskan kompaun, pihak MBJB mengambil tindakan mahkamah. Pihak MBJB menetapkan sebanyak 200 kes tindakan mahkamah sebulan. Pengeluaran notis dan tindakan mahkamah telah dipertingkatkan setiap tahun. Sebanyak 1,824 kompaun telah dirujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri pada 13 Mei 2019 dan masih belum disebut di mahkamah. Sehingga bulan Disember 2019, sebanyak 114,471 bilangan kompaun dikeluarkan notis peringatan terakhir manakala 12,337 bilangan kompaun difaikkan untuk tindakan mahkamah.

Pada pendapat Audit, prestasi kompaun dibayar berbanding kompaun dikeluarkan yang rendah iaitu antara 8.1% hingga 28.5% menyebabkan bilangan kompaun masih belum diselesaikan meningkat.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

Penilaian pencapaian *outcome* adalah berdasarkan analisis terhadap aduan awam mengenai kemudahan tempat letak kereta.

- a. Mengikut Piagam Pelanggan MBJB, aduan diterima melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) akan diberikan maklum balas dalam tempoh 24 jam bekerja melalui emel atau khidmat pesanan ringkas (SMS).
- b. Semakan Audit terhadap laporan maklum balas mendapati sebanyak 2,098 aduan awam mengenai kemudahan tempat letak kereta telah diterima pada tahun 2017 hingga 2018. Analisis Audit terhadap 66 sampel daripada aduan diterima mendapati 55 aduan (83.3%) telah diberikan maklum balas dalam tempoh 24 jam. Baki 11 aduan (16.7%) diberikan maklum balas dengan kelewatan antara satu (1) hingga enam (6) hari. Kelewatan ini disebabkan butiran aduan diterima tidak lengkap dan MBJB perlu menghubungi semula pengadu. Butiran lanjut mengenai aduan diterima bagi tahun 2017 hingga 2018 seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
ADUAN AWAM BERKAITAN KEMUDAHAN
TEMPAT LETAK KERETA BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2018

BIL.	PERKARA	BIL. ADUAN	DALAM TINDAKAN	SELESAI	ADUAN SELESAI DALAM TEMPOH 15 HARI	
					BILANGAN	(%)
1.	Awam	12	-	12	6	50
2.	Tiada Parkir OKU	1	-	1	1	100
3.	Meter Parkir Rosak	1	-	1	1	100
4.	Petak Parkir Tidak Ikut Spesifikasi	1	-	1	1	100
5.	Caj Tinggi	6	-	6	6	100
6.	Garisan Parkir Tidak Jelas/Pudar	7	2	5	4	80
7.	Berniaga di Petak Parkir	17	-	17	15	88.2
8.	Pemungut/Jaga Haram	26	-	26	23	88.5
9.	Parkir Tidak Mencukupi	26	2	24	21	87.5
10.	Tidak Letak Kenderaan di Petak yang Betul	77	-	77	58	75.3
11.	Kompaun	110	-	110	109	99.1
12.	Kenderaan Berat Memakir	169	-	169	143	84.6
13.	Halangan Awam	469	-	469	391	83.4
14.	Kenderaan Terbiar	1,176	-	1,176	966	82.1
JUMLAH		2,098	4	2,094	1,745	83.3

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota: Bilangan aduan pada tahun 2016 tidak dapat disahkan kerana sistem lama dan tidak lagi diguna pakai

- c. Berdasarkan **Jadual 6**, sebanyak 2,094 atau 99.8% aduan awam mengenai kemudahan tempat letak kereta yang diterima telah diselesaikan. Semakan Audit mendapati sebanyak 1,745 aduan (83.3%) telah diselesaikan dalam tempoh 15 hari dari tarikh aduan diterima selepas MBJB membuat siasatan lanjut.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 25 September 2019

Mengikut rekod sistem lama iaitu Sistem Pengurusan Aduan, sebanyak 624 aduan telah diterima pada tahun 2016. Berdasarkan Ringkasan Aduan yang dikemukakan, sebanyak 26 aduan daripada aduan diterima pada tahun 2016 masih berstatus aktif serta belum diselesaikan sehingga 15 September 2019. Tempoh aduan tidak diselesaikan adalah antara 1,225 hingga 1,301 hari.

Pada pendapat Audit, prestasi penyelesaian aduan awam mengenai kemudahan tempat letak kereta adalah baik kerana 83.3% aduan dapat diselesaikan dalam tempoh 15 hari.

6.2. Pengurusan Tempat Letak Kereta Secara *Outsource*

6.2.1. Pelantikan Syarikat *Outsource*

- a. Pihak MBJB telah mengadakan taklimat pengurusan tempat letak kereta pada 5 Januari 2016. Taklimat ini dihadiri oleh enam (6) syarikat yang menghantar kertas cadangan. Bagaimanapun, pihak MBJB sekali lagi mengadakan taklimat yang sama pada 26 Januari 2016 selepas menerima kertas cadangan daripada syarikat *outsource* yang dipilih.
- b. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil. 3/2016 bertarikh 22 Mac 2016, MBJB bersetuju melantik syarikat *outsource* yang dipilih secara lantikan terus. Pemilihan dibuat berdasarkan kemampuan syarikat *outsource* tersebut menawarkan pengurusan tempat letak kereta yang lengkap, menyeluruh dan terkini berbanding enam (6) syarikat lain.
- c. Merujuk kepada kertas cadangan pengurusan tempat letak kereta secara *outsource* yang diperakurkan oleh Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil. 3/2016, syarikat *outsource* memiliki pengalaman dalam bidang letak kereta melebihi 10 tahun. Namun, berdasarkan carian maklumat syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak Audit mendapati syarikat *outsource* baharu ditubuhkan pada 3 April 2014. Perkara ini menunjukkan syarikat *outsource* hanya beroperasi selama dua (2) tahun sebelum perjanjian pengurusan tempat letak kereta ditandatangani pada 25 April 2016.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 25 September 2019

Majoriti kakitangan syarikat *outsource* pernah berkhidmat di syarikat pengendali tempat letak kereta yang memiliki pengalaman melebihi 10 tahun.

Pada pendapat Audit, keupayaan syarikat *outsource* yang dilantik diragui berdasarkan tempoh pengalaman dinyatakan.

6.2.2. Pengurusan Pembahagian Pendapatan Tempat Letak Kereta Tidak Berkesan

- a. Mengikut Klausula 5.1 dalam Dokumen Perjanjian Pengurusan Tempat Letak Kereta, pembahagian pendapatan dipersetujui ialah 30% kepada MBJB dan 70%

kepada syarikat *outsource*. Merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 2 September 2015, MBJB akan memperoleh anggaran hasil berjumlah RM12.87 juta setahun selepas menguruskan sendiri tempat letak kereta. Anggaran hasil ini diputuskan menjadi Sasaran Petunjuk Prestasi (*Key Performance Indicator*) (KPI) kepada peningkatan hasil MBJB.

- b. Semakan Audit mendapati jumlah hasil pendapatan pengurusan tempat letak kereta bagi tahun 2016 hingga 2018 seperti dalam **Jadual 7**. Namun, ***keputusan kaedah pembahagian pendapatan tidak dapat disahkan kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan.***

JADUAL 7
PEMBAHAGIAN PENDAPATAN PENGURUSAN
TEMPAT LETAK KERETA BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	HASIL PENDAPATAN TEMPAT LETAK KERETA (RM Juta)	PEMBAHAGIAN PENDAPATAN		PRESTASI PENCAPAIAN 30% PENDAPATAN MBJB BERBANDING				KERUGIAN PENDAPATAN
				KPI ANGGARAN HASIL DITETAPKAN MMK	ANGGARAN PENDAPATAN DIJANGKA SELEPAS OUTSOURCE			
		70% - <i>OUTSOURCE</i> (RM Juta)	30% - MBJB (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	
(a)	(b)	(c)	(d)	(e) = (c)/(d) x 100	(f)	(g) = (c)/(f) x 100	(h) = (f) - (c)	
2016	6.99	4.89	2.10	8.58*	24.5	4.83*	43.5	2.73
2017	10.49	7.34	3.15	12.87	24.5	7.24	43.5	4.09
2018	12.46	8.72	3.74	12.87	29.1	7.24	51.7	3.50
JUMLAH	29.94	20.95	8.99	34.32		19.31		10.32

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota: (*) - Berkuat kuasa Mulai 1 Mei 2016

- c. Berdasarkan **Jadual 7**, hasil pendapatan pengurusan tempat letak kereta pada tahun 2016 telah meningkat daripada RM6.99 juta kepada RM12.46 juta pada tahun 2018. Namun, analisis Audit mendapati selepas pembahagian pendapatan, prestasi pencapaian pendapatan tempat letak kereta MBJB tidak mencapai KPI anggaran hasil ditetapkan oleh MMK bagi tahun 2016 hingga 2018 iaitu antara 24.5% hingga 29.1%.
- d. Mengikut kertas cadangan pengurusan tempat letak kereta secara *outsource* yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bi. 3/2016, MBJB dianggarkan memperoleh anggaran pendapatan berjumlah RM603,281 sebulan atau RM7.24 juta setahun. Bagaimanapun, MBJB hanya memperoleh pendapatan antara 43.5% hingga 51.7% berbanding anggaran ditetapkan bagi tahun 2016 hingga 2018.

- e. Kesannya, MBJB tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan oleh MMK. Pihak MBJB juga mengalami kekurangan kutipan hasil sejumlah RM10.32 juta iaitu RM19.31 juta anggaran tolak RM8.99 juta yang sebenarnya dikutip. Ini kerana pendapatan yang dianggarkan selepas tempat letak kereta diuruskan secara *outsource* tidak berjaya diperoleh bagi tempoh tiga (3) tahun tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembahagian pendapatan tempat letak kereta tidak berkesan kerana tidak memihak kepada kepentingan MBJB. Selain itu, sasaran pendapatan ditetapkan oleh MMK juga tidak tercapai.

6.2.3. Penyediaan SOP Terhadap Pengurusan Tempat Letak Kereta Secara *Outsource*

- a. *Standard Operating Procedures (SOP)* Pengurusan Tempat Letak Kereta Secara *Outsource* hendaklah disediakan oleh MBJB sebagai rujukan berkaitan prosedur, proses kerja dan tanggungjawab secara teratur.
- b. Semakan Audit mendapati ***mekanisme pemantauan berhubung pengurusan tempat letak kereta secara outsource tidak diwujudkan oleh MBJB. Ketiadaan SOP menyebabkan pihak MBJB tidak menjalankan pemantauan terhadap pematuhan syarat perjanjian oleh syarikat outsource.*** Pihak Audit mendapati Unit Tempat Letak Kereta, Jabatan Kewangan bergantung sepenuhnya kepada maklumat yang dikemukakan oleh syarikat *outsource* bagi memantau hasil jualan kupon dan kompaun tanpa sebarang SOP disediakan oleh MBJB.
- c. Pihak MBJB ada menerima SOP daripada syarikat *outsource* yang hanya terdiri daripada lima (5) proses kerja iaitu pengeluaran kompaun, tindakan mahkamah, pengiraan gaji, pengambilan cuti dan permohonan petak rizab. Bagaimanapun, SOP berkaitan percetakan kupon letak kereta, permohonan pas bulanan dan permit sementara, penyenggaraan petak, papan tanda dan penguatkuasaan tidak disediakan.
- d. Keadaan ini menyebabkan syarikat *outsource* menguruskan tempat letak kereta hanya berpandukan kepada syarat perjanjian yang ditandatangani. Ketiadaan SOP MBJB mengakibatkan tahap perkhidmatan dan kecekapan syarikat *outsource* tidak dapat dipastikan dan dinilai.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 30 April 2020

Pihak MBJB telah menyediakan SOP bagi pengurusan tempat letak kereta secara *outsource*.

Pada pendapat Audit, ketiadaan SOP semasa pengauditan dilaksana menyebabkan pihak MBJB tidak dapat memantau aktiviti pengurusan tempat letak kereta secara *outsource*. Namun, pihak Audit mengambil maklum akan tindakan MBJB telah menyediakan SOP selepas teguran Audit.

6.3. Pengurusan Kompaun Syarikat Penswastaan

Pada tahun 2003 sehingga 2015, tempat letak kereta MBJB diuruskan secara penswastaan. Semakan Audit mendapati ***sebanyak 4,559,422 kompaun berjumlah RM140.77 juta yang dikeluarkan oleh syarikat swasta tersebut masih belum diselesaikan***. Akibatnya, MBJB kerugian hasil kompaun berjumlah RM140.77 juta.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 2 Januari 2020

Maklumat kompaun sejumlah RM140.77 juta adalah dalam bentuk data mentah dan perlu diproses. Syarikat terlibat tidak lagi menyelenggara sistem kompaun tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan kompaun syarikat penswastaan adalah tidak cekap kerana telah berlarutan selama 16 tahun tanpa sebarang tuntutan menyebabkan MBJB kerugian hasil sejumlah RM140.77 juta.

6.4. Penyenggaraan Petak Tempat Letak Kereta

6.4.1. Rekod Penyenggaraan Tidak Disediakan

- a. Klaus 7.1 Jadual A (Perkhidmatan) dan Klaus 6.1 Jadual B (Syarat Tambahan), Dokumen Perjanjian Pengurusan Tempat Letak Kereta menyatakan pada peringkat permulaan, Jabatan Kejuruteraan MBJB akan mengecat garisan dan nombor petak tempat letak kereta untuk diuruskan oleh syarikat *outsource*. Seterusnya, syarikat *outsource* bertanggungjawab terhadap penyenggaraan

petak tempat letak kereta seperti mengecat atau memadam garisan dan nombor petak.

- b. Semakan Audit terhadap Laporan Bayaran Tugasan *Work Order Sheet* (W.O.S) mendapati syarikat *outsource* telah melaksanakan kerja penyenggaraan petak tempat letak kereta bagi tahun 2016 hingga 2018. Sebanyak 73,500 petak tempat letak kereta telah disenggara dengan kos keseluruhan sejumlah RM447,765. Analisis Audit mendapati prestasi penyenggaraan petak tempat letak kereta yang dilaksanakan oleh syarikat *outsource* meningkat pada setiap tahun seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PENYENGGARAAN PETAK TEMPAT LETAK KERETA
OLEH SYARIKAT OUTSOURCE BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	PENYENGGARAAN MENGECAT	2016		2017		2018		JUMLAH KESELURUHAN	
		BILANGAN PETAK	JUMLAH (RM)	BILANGAN PETAK	JUMLAH (RM)	BILANGAN PETAK	JUMLAH (RM)	BILANGAN PETAK	JUMLAH (RM)
1.	Garisan Petak	4,851	13,659	5,699	52,113	7,407	111,927	17,957	177,699
2.	Nombor Petak	13,425	20,578	16,927	34,634	15,985	65,330	46,337	120,542
3.	Garisan dan Nombor Petak	1,149	18,384	-	-	8,057	161,140	9,206	179,524
JUMLAH		19,425	52,621	22,626	86,747	31,449	338,397	73,500	447,765

Sumber: Syarikat *Outsource*

- c. Pihak Audit mendapati *tiada rekod penyenggaraan yang teratur untuk memastikan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat outsource tidak bertindih dengan Jabatan Kejuruteraan*. Kesannya, kegagalan MBJB dalam menyelenggarakan fail penyerahan dan penyenggaraan ini boleh menyebabkan petak tempat letak kereta tidak dapat diurus atau disenggara dengan cekap.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 30 April 2020

Perbincangan telah diadakan pada 12 November 2019 antara pihak MBJB dengan syarikat *outsource* mengenai kerja penyenggaraan petak tempat letak kereta. Syarikat *outsource* dikehendaki mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Kejuruteraan sebelum menjalankan kerja penyenggaraan petak tempat letak kereta. Jabatan Kewangan telah menyenggara rekod penyenggaraan petak tempat letak kereta selepas teguran pihak Audit.

6.4.2. Petak Tempat Letak Kereta Tidak Disenggara

a. Garisan dan Nombor Petak Tempat Letak Kereta Telah Pudar

- i. Klausula 6.2 Jadual B (Syarat Tambahan), Dokumen Perjanjian Pengurusan Tempat Letak Kereta menetapkan syarikat *outsource* hendaklah memastikan petak tempat letak kereta berada dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan. Garisan dan nombor petak hendaklah sentiasa jelas serta boleh dilihat bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil.
- ii. Klausula 6.3 pula menetapkan syarikat *outsource* hendaklah membuat penyenggaraan seperti mengecat semula semua garisan dan nombor petak apabila ada keperluan, atau atas arahan MBJB, atau apabila keadaan garisan dan nombor petak tidak sempurna untuk tujuan penguatkuasaan mengikut spesifikasi ditetapkan MBJB.
- iii. Lawatan Audit bersama pegawai Jabatan Kewangan pada bulan Jun 2019 mendapati daripada 48 sampel petak tempat letak kereta, sebanyak 15 (31.3%) garisan petak dan 33 (68.7%) nombor petak telah pudar.
Garisan dan nombor petak tempat letak kereta telah pudar disebabkan kontraktor dilantik tidak menjalankan kerja penyenggaraan dengan teliti adalah seperti contoh dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1



GAMBAR 2



Jalan Adda 3/1, Taman Adda Height
- Nombor Petak 522 Telah Pudar
(Disenggara Tahun 2017)
(12.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Garisan dan nombor petak pudar ini boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan tidak boleh diambil terhadap pengguna yang melakukan kesalahan lalulintas dalam petak tempat letak kereta terlibat.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 2 Januari 2020

Perbincangan telah diadakan pada 25 September 2019 antara pihak MBJB dengan syarikat *outsource* mengenai penyenggaraan garisan dan nombor petak pudar. Pihak MBJB telah mewujudkan rekod penyenggaraan petak tempat letak kereta sebagai pemantauan terhadap kerja penyenggaraan yang dilaksanakan dan selesai. Kerja pembaikan bagi sebahagian garisan dan nombor petak tempat letak kereta pudar yang dibangkitkan oleh pihak Audit telah disiapkan.

b. Saiz Petak Tempat Letak Kereta Tidak Seragam

- i. Berdasarkan Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan dikeluarkan KPKT, saiz petak tempat letak kereta jenis susun atur selari ialah 2.5 meter lebar dan 6 meter panjang. Saiz petak tempat letak kereta jenis susun atur tegak dan bersudut pula ialah 2.5 meter lebar dan 4.8 meter panjang.
- ii. Lawatan Audit mendapati sebanyak **39 (95.1%) daripada sampel 41 petak tempat letak kereta tidak mematuhi saiz petak dikeluarkan KPKT**. Sebanyak 21 (53.8%) daripada 39 petak tempat letak kereta tersebut merupakan petak yang disenggara oleh syarikat *outsource* pada tahun 2018. Contoh petak tempat letak kereta yang tidak mematuhi saiz petak ditetapkan adalah seperti dalam **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



Susur Larkin Perdana 2, Larkin Perdana
- Saiz Petak Tegak Tidak Seragam (Nombor 95):
 2.4 meter x 4.9 meter
 (Saiz KPKT: 2.5 meter x 4.8 meter)
 (12.06.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Susur Larkin Perdana 2, Larkin Perdana
- Saiz Petak Tegak Tidak Seragam (Nombor 96):
 2.3 meter x 4.9 meter
 (Saiz KPKT: 2.5 meter x 4.8 meter)
 (12.06.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Berdasarkan Laporan Semakan Petak Selepas Penyenggaraan, syarikat *outsource* memaklumkan perkara ini berlaku disebabkan kontraktor dilantik tidak mengikut ukuran letak kereta yang ditetapkan. Kesan daripada saiz petak yang tidak seragam serta tidak mematuhi saiz ditetapkan KPKT ini mengakibatkan ruang petak tempat letak kereta menjadi sempit dan boleh

menimbulkan ketidakselesaan kepada pengguna kemudahan tempat letak kereta.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 2 Januari 2020

Jabatan Kejuruteraan telah mengarahkan kontraktor penyenggaraan tahunan garisan jalan untuk melaksanakan kerja membetulkan ukuran petak tempat letak kereta. Kerja pembaikan bagi sebahagian saiz petak tempat letak kereta tidak seragam yang dibangkitkan oleh pihak Audit telah disiapkan.

c. Petak Tempat Letak Kereta Tidak Ditanda Nombor Petak

- i. Mengikut Perintah 5(1), Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBJB 2003, sesuatu tempat letak kereta boleh dibahagikan kepada beberapa petak tempat letak kereta. Petak-petak tempat letak kereta tersebut hendaklah ditunjukkan garisan bercat dan bertanda.
- ii. Lawatan Audit pada bulan Jun 2019 mendapati ***sebanyak 559 petak tempat letak kereta di lapan (8) kawasan yang diwartakan tidak ditanda nombor petak*** seperti dalam **Jadual 9**. Contoh petak tempat letak kereta tidak ditanda nombor petak adalah seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

JADUAL 9

PETAK TEMPAT LETAK KERETA TIDAK DITANDA NOMBOR PETAK SEHINGGA BULAN JUN 2019

BIL.	NAMA JALAN	NOMBOR PETAK	BILANGAN PETAK	TARIKH WARTA	MAKLUMAT PENYENGGARAAN		CATATAN
					TAHUN	PIHAK TERLIBAT	
1.	Jalan Beringin, Taman Melodies	82 hingga 90	9	25.09.2003	TM	Jabatan Kejuruteraan	Memo aduan dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan bertarikh 02.10.2018
2.	Jalan Bendara, Taman Melodies	1 hingga 28	28	27.07.2004	TM	Jabatan Kejuruteraan	
3.	Jalan Permas 10(A), Taman Permas Jaya	1 hingga 158	158	25.09.2003	TM	TM	-
4.	Jalan Permas 10(B), Taman Permas Jaya	1 hingga 95	95	25.09.2003	TM	TM	-
5.	Jalan Cengai, Taman Melodies	1 hingga 80	80	25.09.2003	TM	TM	-
6.	Jalan Rebana, Taman Perbadanan Islam, Kebun Teh	1 hingga 93	93	25.09.2003	TM	TM	-
7.	Jalan Trus	19 dan 20	2	25.09.2003	TM	TM	-
8.	Jalan Tun Abdul Razak, Susur 6, Taman Suria Muafakat	TM	94	19.01.2017	TM	TM	-
JUMLAH		559					

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota: TM - Tiada Maklumat

GAMBAR 5

Jalan Trus
- Petak 19 Tidak Ditanda Nombor
(10.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6

Jalan Rebana, Taman Perbadanan Islam, Kebun Teh
- Petak Tidak Ditanda Nombor
(12.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Maklumat penyenggaraan dan tempoh kelewatan bagi baki 522 petak yang tidak ditanda nombor petak tidak dapat disahkan. Perkara ini disebabkan Jabatan Kewangan tidak menyelenggara fail berkaitan. Akibatnya, ketiadaan nombor petak menyebabkan Notis Kesalahan serta Tawaran Kompaun di bawah Jadual Keempat Perintah 39, Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBJB tidak dapat dikuatkuasakan.
- iv. Selain itu, ***sebanyak 31 garisan petak tempat letak kereta telah dicat secara bertindih di Jalan Syed Mohd Mufti. Terdapat lima (5) petak di Jalan Dedap telah dicat dengan nombor petak yang sama secara berulang selepas jalan terlibat diturap semula*** oleh Jabatan Kejuruteraan MBJB. Butiran lanjut mengenai petak tempat letak kereta terlibat seperti dalam **Jadual 10**. Contoh garisan petak tempat letak kereta bertindih adalah seperti dalam **Gambar 7** dan **Gambar 8**.

JADUAL 10**GARISAN PETAK TEMPAT LETAK KERETA BERTINDIH DAN NOMBOR PETAK BERULANG**

BIL.	NAMA JALAN	NOMBOR PETAK TERLIBAT	BILANGAN PETAK	MAKLUMAT PENYENGGARAAN		CATATAN
				TAHUN	PIHAK TERLIBAT	
1.	Jalan Syed Mohd Mufti	1 hingga 31	31	TM	TM	Garisan petak bertindih.
2.		58 dan 59	2			Terdapat petak tempat letak motosikal dalam petak tempat letak kereta.
3.	Jalan Dedap, Taman Melodies	Kiri Jalan 38 hingga 45	8	2018	Jabatan Kejuruteraan	Nombor petak 39 hingga 43 dicat berulang.
4.		Kanan Jalan 39 hingga 43	5			
JUMLAH			46			

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota: TM - Tiada Maklumat

GAMBAR 7



Jalan Syed Mohd Mufti
- Garisan Petak Kereta Bertindih
(10.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Jalan Syed Mohd Mufti
- Garisan Petak Kereta Bertindih
(10.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- v. Perkara ini berlaku disebabkan tiada pemantauan berkala dilakukan oleh MBJB selepas kerja penyenggaraan garisan dan nombor petak dilaksanakan. Kesannya, pengguna mengalami kesukaran untuk meletakkan kereta kerana garisan petak bertindih.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 2 Januari 2020

Kerja pemberian garisan petak bertindih di Jalan Syed Mohd Mufti telah siap dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan tempat letak kereta tidak mencapai objektif ditetapkan disebabkan kelemahan penyenggaraan petak tempat letak kereta iaitu garisan dan nombor petak pudar, saiz petak tidak seragam, petak tidak bernombor, nombor petak bertindih dan berulang.

6.5. Penyenggaraan Papan Tanda Letak Kereta

6.5.1. Klausula 6.4 Jadual B (Syarat Tambahan), Dokumen Perjanjian Pengurusan Tempat Letak Kereta menetapkan syarikat *outsource* hendaklah menyenggara papan tanda dengan baik pada setiap masa. Pihak MBJB boleh mengarahkan syarikat untuk membaik pulih atau membuat gantian sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan papan tanda dan kosnya ditanggung oleh syarikat *outsource*.

6.5.2. Semakan Audit terhadap Laporan Keseluruhan Papan Tanda mendapati syarikat *outsource* telah melaksanakan 435 kerja penyenggaraan papan tanda letak kereta bernilai RM75,140 di 401 jalan bagi tahun 2016 hingga 2018. Maklumat lanjut mengenai papan tanda letak kereta seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PRESTASI PENYENGGARAAN PAPAN TANDA LETAK KERETA
OLEH SYARIKAT *OUTSOURCE* BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	PAPAN TANDA LETAK KERETA												JUMLAH	RM		
	UKURAN 2' x 4'				UKURAN 3' x 5'		UKURAN 4' x 8'				UKURAN 5' x 8'					
	BARU	RM	BAIK PULIH	RM	BAIK PULIH	RM	BARU	RM	BAIK PULIH	RM	BAIK PULIH	RM				
2016	245	44,100	116	9,280	19	2,850	9	1,855	12	4,725	8	3,840	409	66,650		
2017	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
2018	14	2,490	-	-	-	-	12	6,000	-	-	-	-	26	8,490		
JUMLAH	259	46,590	116	9,280	19	2,850	21	7,855	12	4,725	8	3,840	435	75,140		

Sumber: Syarikat *Outsource*

6.5.3. Pemeriksaan Audit bersama pegawai Jabatan Kewangan pada bulan Jun 2019 mendapati sebanyak enam (6) jalan yang dilawati tidak dipasang papan tanda letak kereta. Jabatan Kewangan tidak menyimpan maklumat berkaitan papan tanda letak kereta yang disenggara oleh syarikat *outsource*. Ketiadaan papan tanda menyebabkan pengguna tidak mengetahui pelaksanaan sistem letak kereta berkupon serta kadar bayaran dikenakan.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 2 Januari 2020

Syarikat *outsource* telah menyelenggara papan tanda dan kesemua papan tanda di lokasi berada dalam keadaan baik.

Pada pendapat Audit, prestasi penyenggaraan papan tanda letak kereta adalah kurang cekap kerana terdapat papan tanda tidak dipasang di enam (6) jalan berdasarkan lawatan Audit.

6.6. Penggunaan Sistem *Mobile Parking App*

6.6.1. Klausula 1.1 Jadual B (Syarat Tambahan), Dokumen Perjanjian Pengurusan Tempat Letak Kereta menetapkan syarikat *outsource* hendaklah membangunkan Sistem *Mobile Parking App* untuk kegunaan pengguna tempat letak kereta di kawasan pentadbiran MBJB.

6.6.2. Sistem MBJB Spot telah dibangunkan pada 1 Mac 2015 dan disiapkan pada 1 Mac 2016 untuk memudahkan pengguna membuat bayaran tempat letak kereta dengan menggunakan telefon mudah alih. Kos pembangunan sistem MBJB Spot

sejumlah RM0.37 juta dan kos penyenggaraan sistem sejumlah RM5,520 sebulan ditanggung oleh syarikat *outsource*.

6.6.3. Penggunaan Sistem MBJB Spot berkuat kuasa mulai 1 Mei 2016. Melalui sistem ini, pengguna perlu mengaktifkan akaun dan membeli tambah nilai sama ada secara dalam talian atau eKupon di kaunter pembelian yang disediakan. Analisis Audit mendapati hasil jualan MBJB Spot secara dalam talian dan eKupon meningkat dari RM72,828 pada tahun 2016 kepada RM822,728 pada tahun 2018 seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
STATISTIK JUALAN MBJB SPOT

TAHUN	JUALAN MBJB SPOT		JUMLAH JUALAN MBJB SPOT (RM)	PRESTASI KENAIKAN JUALAN TAHUNAN	
	SECARA DALAM TALIAN (RM)	eKUPON (RM)		JUMLAH (RM)	PERATUS (%)
2016	66,013	6,815	72,828	TB*	TB*
2017	283,193	6,155	289,348	216,520	297.3
2018	816,143	6,585	822,728	533,380	184.3
JUMLAH	1,165,349	19,555	1,184,904		

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota: TB - Tidak Berkennaan

(*) - Penggunaan MBJB Spot Berkuat kuasa Mulai 1 Mei 2016

6.6.4. Bilangan aplikasi MBJB Spot dimuat turun telah meningkat dari 9,817 pada tahun 2016 kepada 32,168 pada tahun 2018. Bilangan pengguna aktif aplikasi MBJB Spot menunjukkan peningkatan iaitu daripada 7,742 pengguna pada tahun 2016 kepada 24,049 pengguna pada tahun 2018 seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
STATISTIK PENGGUNAAN MBJB SPOT

TAHUN	BILANGAN APLIKASI YANG DIMUAT TURUN	BILANGAN PENGGUNA YANG AKTIF	BILANGAN TRANSAKSI	NILAI TRANSAKSI (RM)	PRESTASI PENINGKATAN TAHUNAN	
					BILANGAN TRANSAKSI	(%)
2016	9,817	7,742	47,999	43,925	TB*	TB*
2017	12,047	9,373	233,595	224,973	185,596	386.7
2018	32,168	24,049	646,910	644,217	413,315	176.9
JUMLAH	54,032	41,164	928,504	913,115		

Sumber: Syarikat *Outsource*

Nota: TB - Tidak Berkennaan

(*) - Penggunaan MBJB Spot Berkuatkuasa Mulai 1 Mei 2016

6.6.5. Semakan terhadap Laporan Ringkasan Letak Kereta MBJB Spot mendapati bilangan transaksi dicatatkan sebanyak 928,504 bernilai RM913,115 bagi tahun 2016 hingga 2018. Prestasi penggunaan MBJB Spot juga menunjukkan peningkatan iaitu

sebanyak 185,596 (386.7%) transaksi pada tahun 2017 dan 413,315 (176.9%) transaksi pada tahun 2018.

6.6.6. Peningkatan ini disebabkan keberkesanan promosi yang dijalankan bagi menghebahkan penggunaan MBJB Spot seperti memasang kain rentang dan banting di jalan utama dan agihan risalah.

Pada pendapat Audit, prestasi penggunaan MBJB Spot menunjukkan peningkatan berdasarkan bilangan pengguna aktif bagi tahun 2016 hingga 2018.

6.7. Pewartaan Kawasan Tempat Letak Kereta

6.7.1. Kawasan Tempat Letak Kereta Lewat Diwartakan

a. Seksyen 72(1), Akta Pengangkutan Jalan 1987 menetapkan mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengadakan tempat letak kereta dengan menyirkannya dalam Warta melalui perintah ini. Selain itu, Manual Prosedur Kerja MBJB menyatakan proses pewartaan tempat letak kereta di kawasan baharu dilaksanakan selepas Unit Tempat Letak Kereta menerima serahan daripada Jabatan Perancangan atau Bahagian Jalan. Selepas mengenal pasti tapak, kawasan tersebut diserahkan kepada Jabatan Undang-Undang untuk tindakan pewartaan. Jalan yang telah diwartakan seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PEWARTAAN JALAN DAN KAWASAN
TEMPAT LETAK KERETA TAHUN 2003 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN WARTA	TARIKH WARTA	DIWARTAKAN	
			BIL. JALAN	JUMLAH PETAK
1.	Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBJB 2003	25.09.2003	290	21,699
2.	Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBJB Pindaan 2004	27.07.2004	150	9,159
3.	Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBJB Pindaan 2016	28.04.2016	98	6,828
4.	Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBJB Pindaan 2017	19.01.2017	462	30,439
JUMLAH			1,000	68,125

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

b. Pihak Audit mendapati pewartaan kawasan dan jalan tidak dibuat mulai tahun 2005 hingga 2015. Perkara ini disebabkan maklumat mengenai kawasan dan jalan baru siap tidak diperoleh daripada Jabatan Kejuruteraan.

- c. Selain itu, pewartaan bagi 69 jalan yang dicadangkan pada tahun 2018 masih belum diselesaikan. Lawatan Audit ke lima (5) kawasan jalan yang belum diwartakan mendapati beberapa syarikat telah beroperasi di kawasan jalan tersebut. Kelewatan pewartaan ini menyebabkan MBJB kerugian hasil kerana bayaran petak tempat letak kereta tidak boleh dikenakan di kawasan jalan yang belum diwartakan.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 30 April 2020

Pihak MBJB tidak mewartakan kawasan tersebut bagi tahun 2005 hingga 2015 disebabkan kawasan terlibat merupakan kawasan baharu, kurang aktif dan berada di pinggir bandar. Senarai pewartaan jalan terkini telah disemak oleh Pegawai Undang-undang Negeri Johor dan dalam proses diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri (MMK).

Pada pendapat Audit, pengurusan pewartaan kawasan dan jalan sebagai tempat letak kereta adalah tidak cekap kerana terdapat kawasan dan jalan tidak diwartakan bagi tahun 2005 hingga 2015.

6.7.2. Kompaun Dikenakan Dalam Kawasan Belum Warta

- a. Semakan Audit mendapati Pembantu Penguat Kuasa di bawah seliaan syarikat *outsource* telah mengeluarkan 1,648 kompaun bernilai RM42,661 pada tahun 2018 hingga 4 September 2019 terhadap pemilik kereta di tiga (3) jalan yang belum diwartakan seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15
KOMPAUN DIKENAKAN DALAM JALAN YANG BELUM WARTA**

BIL.	JALAN BELUM WARTA	BIL. PETAK TEMPAT LETAK KERETA	TAHUN 2018				SEHINGGA 4 SEPTEMBER 2019			
			BILANGAN KOMPAUN	JUMLAH KOMPAUN (RM)	BILANGAN KOMPAUN DIBAYAR	JUMLAH KOMPAUN DIBAYAR (RM)	BILANGAN KOMPAUN	JUMLAH KOMPAUN (RM)	BILANGAN KOMPAUN DIBAYAR	JUMLAH KOMPAUN DIBAYAR (RM)
1.	Jalan Dataran Larkin 4 Taman Dataran Larkin	TM	1	15	1	15	1	12	1	12
2.	Jalan Dataran Larkin 5 Taman Dataran Larkin	62	372	10,561	97	1,731	1,048	26,402	146	2,006
3.	Jalan Dataran Larkin 6 Taman Dataran Larkin	86	36	1,039	10	129	190	4,632	18	213
JUMLAH		148	409	11,615	108	1,875	1,239	31,046	165	2,231

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota: TM - Tiada Maklumat

- b. Perkara ini berlaku disebabkan Pembantu Penguat Kuasa tidak menyemak senarai pewartaan sebelum kompaun dikeluarkan. Kesannya, **273 kompaun yang dibayar berjumlah RM4,106 merupakan kutipan tidak sah.**

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 23 Oktober 2019 dan 30 April 2020

Penguatkuasaan di Jalan Dataran Larkin 1 hingga 3 telah dilaksanakan pada 15 Jun 2018. Pihak MBJB juga menguatkuaskan Jalan Dataran Larkin 5 dan 6 bagi mengelakkan pengguna tidak mempamerkan kupon.

Pihak MBJB telah mengeluarkan surat arahan bertulis bertarikh 24 September 2019 kepada syarikat *outsource* untuk menghentikan aktiviti penguatkuasaan serta-merta di jalan belum diwartakan. Sehingga 24 September 2019, sebanyak 298 kompaun sejumlah RM4,099 telah dibayar oleh 152 pemilik kenderaan. Baki 1,440 kompaun yang belum dibayar telah dibatalkan dalam Sistem Kompaun MBJB.

Pada pendapat Audit, kompaun dikeluarkan terhadap kesalahan meletakkan kereta di tiga (3) jalan belum warta adalah tidak sah. Bayaran kompaun diterima sejumlah RM4,106 hendaklah dikembalikan kepada pembayar.

6.8. Pengurusan Halangan Tempat Letak Kereta

6.8.1. Kesalahan Halangan Dalam Petak Tidak Diambil Tindakan

- a. Menurut Perintah 21(2) Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBJB, atendan letak kereta yang dilantik, Pembantu Penguin Kuasa (Tempat Letak Kereta) atau sesiapa yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar boleh mengalihkan apa-apa benda yang menyebabkan halangan. Perintah 24(1)(i) hingga (iii) juga menyatakan Datuk Bandar boleh mengarahkan kenderaan bermotor dialihkan dari tempat letak kereta ke suatu tempat yang selamat sekiranya melakukan kesalahan tidak mempamerkan kupon letak kereta atau meninggalkan kenderaan lebih daripada dua (2) hari di mana kupon letak kereta telah tamat tempoh. Perintah 24(2) pula menyatakan Datuk Bandar atau atendan letak kereta boleh menahan kenderaan tersebut sehingga bayaran kompaun dijelaskan.
- b. Syarikat *outsource* telah mengemukakan laporan permasalahan halangan dalam petak tempat letak kereta kepada MBJB bertarikh 28 Julai 2016. Antara halangan yang dilaporkan adalah kereta terbiar, binaan ramp konkrit, pemasangan khemah dan berniaga dalam petak, halangan kon, kerusi, meja dan tong sampah. Lawatan Audit pada bulan Jun 2019 mendapati sebanyak dua (2) kereta

terbiar masih berada dalam petak tempat letak kereta. Sebanyak 15 hingga 85 notis kompaun telah dikeluarkan berjumlah antara RM886 hingga RM3,110 dari bulan Oktober 2016 hingga Julai 2019. Maklumat lanjut halangan kereta terbiar dalam petak tempat letak kereta seperti dalam **Jadual 16** dan **Gambar 9**.

JADUAL 16
HALANGAN KERETA TERBIAR DALAM
PETAK TEMPAT LETAK KERETA SEHINGGA JULAI 2019

BIL.	NOMBOR PETAK	NAMA JALAN	JENIS HALANGAN	TARIKH LAPORAN HARIAN KAWAL SELIA	ADUAN DIKEMUKAKAN		CATATAN
					TARIKH	PIHAK TERLIBAT	
1.	28	Jalan Susur Cengai, Taman Melodies	Kereta Terbiar (JBR 7172)	20.03.2019	24.03.2019	Jabatan Pengukuasa	<ul style="list-style-type: none"> Melakukan kesalahan di petak yang sama. Dikeluarkan 15 kompaun berjumlah RM886 antara 09.10.2016 hingga 07.07.2019 oleh Pembantu Penguin Kuasa syarikat <i>outsource</i>. Kereta terbiar masih belum ditunda sehingga lawatan Audit. Tempoh kelewatan tindakan tidak diambil dari tarikh aduan: 4 bulan.
2.	56	Jalan Segget	Kereta Peniaga Bazar Karat (JDU 1254)	TM	TM	TM	<ul style="list-style-type: none"> Melakukan kesalahan di petak yang sama. Dikeluarkan 85 kompaun berjumlah RM3,110 antara 30.01.2019 hingga 31.07.2019 oleh Pembantu Penguin Kuasa syarikat <i>outsource</i>. Kereta terbiar semasa lawatan Audit. Tempoh kelewatan tindakan tidak diambil dari tarikh kompaun dikeluarkan: 6 bulan.

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Jabatan Audit Negara

Nota: TM - Tiada Maklumat



GAMBAR 9

Jalan Susur Cengai, Taman Melodies
 - Halangan Kereta Terbiar
 Dalam Petak Tempat Letak Kereta
 (Nombor Petak 28)
 (11.06.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Kedua-dua kereta tersebut masih belum dialihkan oleh Pembantu Penguin Kuasa syarikat *outsource*. Perkara ini berlaku disebabkan percanggahan punca kuasa antara Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBJB dengan Dokumen Perjanjian Pengurusan Tempat Letak Kereta. Ini kerana mengikut Klausus 12 Jadual B Terma-terma Tambahan, Dokumen Perjanjian Pengurusan

Tempat Letak Kereta, pihak MBJB bertanggungjawab melaksanakan pengalihan halangan atau tundaan.

- d. Pencanggahan punca kuasa menyebabkan kekeliruan antara MBJB dan syarikat *outsource* untuk memindahkan halangan dalam petak tempat letak dengan segera. Kelewatan mengalihkan halangan mengakibatkan petak tempat letak kereta tidak dapat digunakan antara tempoh empat (4) hingga enam (6) bulan dan menyukarkan orang awam yang hendak meletak kereta di kawasan tersebut. Anggaran kerugian hasil kupon letak kereta MBJB bagi kedua-dua petak ini adalah sejumlah RM1,560.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 25 September 2019

Tindakan mengalihkan dua (2) kereta terbiar dalam petak telah dilaksanakan pada 25 Julai dan 23 Ogos 2019.

Pada pendapat Audit, pengurusan halangan dalam petak tempat letak kereta adalah tidak cekap kerana percanggahan punca kuasa antara Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBJB dengan Dokumen Perjanjian Pengurusan Tempat Letak Kereta.

6.9. Pengusaha Tempat Letak Kereta Persendirian Beroperasi Tanpa Lesen

6.9.1. Menurut Undang-Undang Kecil 2, Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MBJB) 2010, tempat letak kereta persendirian bermaksud mana-mana tanah atau premis milik individu yang digunakan untuk meletak lima (5) kenderaan bermotor atau lebih dengan dikenakan sejumlah bayaran letak kereta. Undang-Undang Kecil 4(1) dan (2) dalam UUK yang sama menetapkan tiada individu boleh mengendalikan tempat letak kereta persendirian melainkan telah memiliki lesen daripada pihak MBJB. Individu juga tidak boleh menggunakan mana-mana tanah atau premis miliknya untuk dijadikan sebagai tempat letak kereta kecuali mendapat lesen daripada MBJB.

6.9.2. Mengikut senarai lesen tempat letak kereta yang dikemukakan Jabatan Pelesenan, terdapat 127 pengusaha tempat letak kereta persendirian telah dilesenkan semenjak tahun 1989 hingga bulan Jun 2019. Namun, pihak Audit tidak dapat menyemak dan mengesahkan jumlah pengusaha tempat letak kereta persendirian yang beroperasi tanpa lesen di kawasan pentadbiran MBJB bagi tahun

2016 hingga 2018. Ini kerana Jabatan Pelesenan tidak menyimpan rekod mengenai pengusaha tempat letak kereta persendirian beroperasi tanpa lesen.


6.9.3. Lawatan Audit pada bulan Jun 2019 mendapati ***lapan (8) pengusaha tempat letak kereta persendirian telah beroperasi tanpa lesen*** adalah seperti dalam **Jadual 17** dan **Gambar 10** hingga **Gambar 15**.

JADUAL 17
PENGUSAHA TEMPAT LETAK KERETA TANPA LESEN SEHINGGA BULAN JUN 2019

BIL.	NAMA JALAN	KADAR BAYARAN	ANGGARAN				NOTIS AMARAN JABATAN PENGUATKUASA
			TAHUN MULA OPERASI	BILANGAN PETAK TEMPAT LETAK KERETA	TEMPOH TIADA LESEN (SEHINGGA JUN 2019) (Tahun)	KERUGIAN LESEN TAHUNAN (RM)	
1.	Jalan Dato Dalam	Sekali Masuk: Kereta RM3	2003	50 Hingga 70 (Tidak Berbumbung)	17	5,100	Tarikh: 11.02.2019 No. Notis: N 024703 Tempoh Notis: 3 Hari
2.	Jalan Tun Abdul Razak	1 Hari: Motosikal RM2 Kereta RM15	2018	250 (Tidak Berbumbung)	2	1,800	Tarikh: 11.02.2019 No. Notis: N 024705 Tempoh Notis: 3 Hari
3.	Medan Selera	Sekali Masuk Kereta: RM2	2010	50 Hingga 100 (Tidak Berbumbung)	10	3,000	Tarikh: 12.02.2019 No. Notis: N 024419 Tempoh Notis: 7 Hari
4.	Lot 23357, Jalan Quek Keng Kang, CIQ	Bulanan: RM150	2019	200 (Tidak Berbumbung)	-	-	Pemilik Hanya Membayar Bayaran Proses pada 06.03.2018.
5.	PTD 23358, Jalan Ah Siang, CIQ	Sekali Masuk: Kereta RM12 1 Jam Motosikal: RM2	Januari 2019	200 (Tidak Berbumbung)	-	-	Pemilik Hanya Membayar Bayaran Proses pada 14.03.2018.
6.	Jalan Abdullah Tahir	Sekali Masuk: RM3	Tiada Maklumat	30 (Tidak Berbumbung)	-	-	Tarikh: 27.05.2019 No. Notis: N 022669 Tempoh Notis: 3 Hari
7.	Jalan Tun Abdul Razak	Kadar Sewa - Sepetak RM50 sebulan	2004	106 (Tidak Berbumbung)	16	9,600	Tidak Berkenaan
8.	Jalan Selat Tebrau	Kadar Sewa - Sepetak RM100 sebulan	2004	66 (Tidak Berbumbung)	16	4,800	Tidak Berkenaan
JUMLAH						24,300	

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

GAMBAR 10



Jalan Dato Dalam
- Tempat Letak Kereta Beroperasi Tanpa Lesen
(Anggaran Mula Beroperasi Tahun 2003)
(10.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



Jalan Tun Abdul Razak
- Tempat Letak Kereta Beroperasi Tanpa Lesen
(Anggaran Mula Beroperasi Tahun 2018)
(10.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



GAMBAR 13



Jalan Quek Keng Kang, CIQ

- Tempat Letak Kereta Tanpa Lesen Beroperasi Dengan Hanya Membayar Bayaran Proses
(Tarikh Bayaran Proses: 06.03.2018)
(11.06.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



GAMBAR 15



Jalan Ah Siang, CIQ

- Tempat Letak Kereta Tanpa Lesen Beroperasi Dengan Hanya Membayar Bayaran Proses
(Tarikh Bayaran Proses: 06.03.2018)
(11.06.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

6.9.4. Berdasarkan **Jadual 17** di atas, semakan Audit mendapati **pengusaha telah beroperasi antara anggaran tahun 2003 hingga bulan Januari 2019. Tempoh pengusaha tempat letak kereta terlibat beroperasi tanpa lesen adalah antara dua (2) hingga 17 tahun.** Pihak Audit mendapati tiada koordinasi antara Jabatan Pelesenan dan Jabatan Penguatkuasa untuk tindakan pelesenan, penguatkuasaan dan pemantauan.

6.9.5. Jabatan Penguatkuasa telah mengeluarkan notis amaran kepada pengusaha terlibat tetapi tindakan selanjutnya tidak diambil. Kesannya, MBJB mengalami anggaran kerugian hasil lesen tempat letak kereta sejumlah RM24,300.

Maklum Balas MBJB yang diterima pada 19 Januari 2020 dan 30 April 2020

Sebanyak dua (2) permohonan lesen telah diterima daripada pengusaha tempat letak kereta di Lot 23357, Jalan Quek Keng Kang, CIQ dan PTD 23358, Jalan Ah

Siang, CIQ. Bagaimanapun, permohonan tersebut ditolak dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Bil. 7B/2019. Permohonan ditolak disebabkan dokumen sokongan tidak dikemukakan seperti perjanjian sewa beli, permit sementara, kebenaran sementara dan kontraktor sisa pepejal serta papan iklan tidak mematuhi syarat ditetapkan. Sebanyak dua (2) permohonan lesen yang diterima daripada pengusaha tempat letak kereta di Jalan Tun Abdul Razak dan Jalan Selat Tebrau telah diluluskan lesen dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Bil. 2/2020 bertarikh 11 Februari 2020. Tindakan penguatkuasaan pengeluaran notis peringatan pertama dan notis peringatan terakhir kerana ketidakpatuhan di bawah UUK Tempat Letak Kereta Persendirian telah diambil terhadap pengusaha tidak berlesen antara 16 Januari hingga 3 Februari 2020.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan tempat letak kereta persendirian adalah tidak cekap kerana terdapat pengusaha tempat letak kereta yang beroperasi tanpa lesen antara dua (2) hingga 17 tahun.

6.10. Pengeluaran Pas Khas Kepada Pegawai Tidak Dibenarkan

6.10.1. Mesyuarat Pengagihan Hasil Pendapatan Tempat Letak Kereta Bil. 6/2016 telah bersetuju pengeluaran sebanyak dua (2) Pas Khas kepada setiap Ahli Lembaga Pengarah syarikat *outsource* dan satu (1) Pas Khas kepada setiap anggota syarikat berkenaan.

6.10.2. Semakan Audit mendapati sebanyak 3,876 Pas Khas telah dikeluarkan kepada anggota MBJB dan kakitangan syarikat *outsource* bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
BILANGAN PENGELOUARAN PAS KHAS TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	PENGGUNA PAS KHAS	JUMLAH PAS DIBENARKAN (Setiap Orang)	2016	2017	2018	JUMLAH PAS KHAS
1.	Ahli Tertinggi MBJB	2	-	18	12	30
2.	Ahli Tertinggi Syarikat <i>Outsource</i>	2	53	35	51	139
3.	Ahli Majlis MBJB/Kerajaan Negeri	2	-	74	95	169
4.	Anggota MBJB	1	356	1,406	1,536	3,298
5.	Kakitangan Syarikat <i>Outsource</i>	1	49	46	45	140
6.	Mantan Ahli Majlis/Ahli Tertinggi MBJB	1	-	6	14	20
7.	Media	5 setiap syarikat	-	-	80	80
JUMLAH			458	1,585	1,833	3,876

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

6.10.3. Pengeluaran Pas Khas kepada Pengurusan Tertinggi syarikat *outsource* telah melebihi jumlah ditetapkan sebanyak 115 Pas Khas dengan anggaran kerugian sejumlah RM90,000 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PENGELUARAN PAS KHAS KEPADA AHLI
TERTINGGI SYARIKAT OUTSOURCE TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	PAS KHAS DIKELUARKAN	PAS KHAS DITETAPKAN	LEBIHAN PENGELUARAN PAS KHAS	BAYARAN PAS BULANAN (RM)	ANGGARAN KERUGIAN HASIL (RM)
2016*	53	8	45	3,375	27,000
2017	35	8	27	2,025	24,300
2018	51	8	43	3,225	38,700
JUMLAH	139	24	115		90,000

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota: (*) - Mulai Bulan Mei 2016 - 8 bulan

6.10.4. ***Pengurusan pengeluaran Pas Khas tidak teratur disebabkan tiada SOP disediakan dan tiada bukti menunjukkan MBJB telah melaksanakan pemantauan terhadap Pas Khas yang dikeluarkan oleh syarikat outsource.*** Akibatnya, berlaku pengeluaran Pas Khas melebihi jumlah dibenarkan dan MBJB dianggarkan mengalami kerugian hasil tempat letak kereta sejumlah RM90,000 bagi tempoh 2016 hingga 2018.

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 23 Oktober 2019 dan 30 April 2020

Pihak MBJB telah mengemukakan surat arahan kepada syarikat *outsource* bertarikh 20 Oktober 2019 supaya setiap Pas Khas yang dikeluarkan perlu mendapat kebenaran bertulis daripada MBJB. Kertas kerja Kelulusan Dasar Pemberian Pas Khas telah diluluskan oleh MBJB dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. Permohonan pengeluaran Pas Khas bagi ahli tertinggi dan kakitangan syarikat *outsource* bagi tahun 2020 telah dikemukakan pada 28 November 2019 untuk kelulusan MBJB. Syarikat *outsource* telah membuat pembayaran terhadap tuntutan Pas Khas yang dikeluarkan pada tahun 2017 sehingga 2019 berjumlah RM27,810 pada 14 Januari 2020. Baki bayaran tuntutan Pas Khas tahun 2016 berjumlah RM6,975 telah dijelaskan pada 10 Mac 2020.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam pemantauan pengeluaran Pas Khas menyebabkan MBJB mengalami kerugian hasil tempat letak kereta.

6.11. Pelupusan Kenderaan Tunda

6.11.1. Seksyen 116(1) Akta 133 Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 menetapkan apa-apa benda atau barang yang dipindahkan oleh mana-mana PBT di bawah Akta ini menjadi harta PBT dan boleh dijual melalui lelong awam atau boleh dijual dengan cara lain atau dilupuskan tanpa dijual.

6.11.2. Semakan Audit mendapati MBJB telah melupuskan 1,053 kenderaan yang ditunda secara jualan sisa pada tahun 2012, 2016 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PELUPUSAN KENDERAAN TUNDA

TAHUN PELUPUSAN	JENIS KENDERAAN	TAHUN TUNDA	BILANGAN KENDERAAN	HARGA JUALAN (RM)
2012	Motosikal	TM	294	125,000
	Kereta, Van, Lori		315	
2016	Kereta Buruk	2013	45	84,500
		2014	37	
		2015	103	
2017	Kenderaan Terbiar atau Buruk	2016	259	80,000
JUMLAH			1,053	289,500

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota: TM - Tiada Maklumat

6.11.3. Pihak Audit mendapati tindakan pelupusan belum diambil terhadap 1,047 kenderaan yang ditunda oleh Jabatan Penguatkuasa antara tahun 2012 sehingga Jun 2018. Menurut Jabatan Khidmat Pengurusan, tindakan pelupusan akan dibuat setelah perintah lucut hak diperoleh daripada Jabatan Pengangkutan Jalan. Kelewatan proses pelupusan kenderaan menyebabkan ruang penyimpanan terhad serta tidak mencukupi seperti dalam **Gambar 16**.



GAMBAR 16

Depoh Simpanan Kenderaan Stor Penguatkuasaan MBJB,
Jalan Mutiara Emas 6/6, Taman Mount Austin
- Kenderaan Tunda Belum Dilupuskan
(13.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas MBJB yang Diterima pada 30 April 2020

Pelupusan kenderaan yang ditunda terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu kenderaan berkeadaan sempurna dan kenderaan berkeadaan tidak sempurna (berbentuk rangka, tiada enjin dan nombor pendaftaran).

Sehingga 12 Februari 2020, pelupusan kenderaan berkeadaan tidak sempurna masih dalam tindakan Jabatan Khidmat Pengurusan iaitu dalam peringkat pemeriksaan Jawatankuasa Pemeriksa. Bagi kenderaan berkeadaan sempurna, pelupusan secara lucut hak masih dalam tindakan Jabatan Penguatkuasa. Pihak MBJB sedang merangka Memorandum Persefahaman dengan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi mempercepatkan proses pelupusan kenderaan berkeadaan sempurna.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan kenderaan yang ditunda adalah tidak cekap kerana sehingga Julai 2019 sebanyak 1,047 kenderaan ditunda masih belum dilupuskan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, MBJB tidak mencapai objektif ditetapkan dalam memberikan kemudahan tempat letak kereta kepada orang awam. Berdasarkan skop pengauditan, pengurusan tempat letak kereta tidak dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan kerana kelemahan penyenggaraan petak tempat letak kereta serta tindakan pemantauan dan penguatkuasaan tidak diambil.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan tempat letak kereta dapat diurus dengan lebih cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan MBJB mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 8.1. menguatkuasakan SOP pengurusan tempat letak kereta secara *outsource* yang telah disediakan oleh MBJB bagi memastikan kemudahan tempat letak kereta diurus dengan baik dan sentiasa boleh digunakan oleh orang awam;
- 8.2. menyelaras dan mengkoordinasi peranan antara Jabatan Pelesenan dan Jabatan Penguat kuasa bagi memastikan wujudnya perkongsian maklumat berkaitan pengusaha

tempat letak kereta persendirian bagi mempertingkatkan kecekapan proses pelesenan dan penguatkuasaan; dan

8.3. mengambil tindakan yang lebih berkesan dan proaktif termasuk tindakan undang-undang terhadap pemilik kenderaan yang enggan membayar kompaun letak kereta.

3

YAYASAN PELAJARAN JOHOR

- Ternakan Ruminan Sdn. Bhd.

RINGKASAN EKSEKUTIF

YAYASAN PELAJARAN JOHOR

TERNAKAN RUMINAN SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan terhadap Ternakan Ruminan Sdn. Bhd. (TRSB) melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat dan pengurusan aktiviti ternakan yang telah dilaksanakan bagi tahun 2016 hingga bulan Julai 2019.
- Penilaian dan analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2016, 2017 dan 2018.
- Dua (2) bidang utama Audit yang dinilai adalah prestasi aktiviti dan pelaksanaan aktiviti ternakan. Bagi prestasi aktiviti, dua (2) perkara yang dinilai ialah pencapaian output dan pencapaian *outcome*.
- Pencapaian *outcome* prestasi aktiviti ternakan dinilai terhadap penjimatan kos merumpai ladang kelapa sawit yang diperoleh Kumpulan Yayasan Pelajaran Johor hasil pelaksanaan sistem lembu integrasi.
- Tiga (3) perkara lain yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti ialah pengurusan ternakan, aset dan stor.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada objektif penubuhan TRSB dapat dicapai melalui penilaian terhadap amalan tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti ternakan serta analisis terhadap kedudukan kewangan syarikat.
- Kerugian terkumpul TRSB pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM6.71 juta.
- TRSB juga menanggung pendahuluan operasi daripada syarikat induk YPJ Corporation Sdn. Bhd. (YPJC) berjumlah RM8.77 juta sehingga 31 Disember 2018.
- TRSB menguruskan 1,460 ekor ternakan yang dianggarkan berjumlah RM3 juta sehingga 31 Julai 2019.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat oleh TRSB adalah memuaskan. Bagaimanapun, TRSB masih belum melaksanakan sepenuhnya lima (5) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu melibatkan Pengerusi, Lembaga Pengarah, *Standard Operating Procedures* (SOP), Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman. Antara kriteria yang belum dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak dinyatakan secara bertulis kerana Lembaga Pengarah TRSB tidak menyediakan Piagam Lembaga Pengarah;
 - kesemua ahli Lembaga Pengarah TRSB berstatus bukan bebas;
 - SOP belum dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah TRSB. Selain itu, SOP tersebut tidak merangkumi pengurusan operasi dan penjualan ternakan; dan
 - tiada laporan audit dalaman mengenai TRSB dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) kerana pengauditan tidak pernah dilaksanakan.
- Aktiviti TRSB telah dilaksanakan berdasarkan objektif penubuhan yang telah ditetapkan. Populasi ternakan TRSB masih boleh dipertingkatkan dengan mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada. Prestasi jualan TRSB adalah cekap kerana TRSB telah mencapai antara 82.4% hingga 121.3% sasaran jualan bagi tahun 2016 hingga 2019. Penternakan integrasi dalam ladang adalah baik kerana membantu dalam mengurangkan kos merumpai ladang sawit milik kumpulan YPJ. Penemuan utama Audit yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:
 - populasi ternakan TRSB semakin berkurangan daripada 2,712 ekor pada tahun 2016 kepada 1,252 ekor pada Julai 2019;
 - pada tahun 2018 dan 2019, TRSB hanya berjaya menjual masing-masing 60 ekor (60.6%) dan 104 ekor (69.8%) daripada jumlah stok *grouping* iaitu 99 ekor dan 149 ekor; dan
 - bilangan kelahiran bagi tahun 2016 hingga Julai 2019 adalah sebanyak 764 ekor (56.4%) berbanding parameter yang disyorkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (JPVM) iaitu 1,353 ekor.
- Kedudukan kewangan TRSB adalah pada tahap stabil. TRSB

merekodkan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2018 berjumlah RM399,104 yang disumbang oleh penilaian semula inventori berdasarkan piawaian perakaunan MFRS 141. Keuntungan selepas cukai yang direkodkan pada tahun 2018 telah mengurangkan kerugian terkumpul kepada RM6.71 juta berbanding tahun 2017 berjumlah RM7.11 juta. Kedudukan aliran tunai TRSB bagi tempoh 2016 sehingga 2018 adalah positif dan baki tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2018 adalah berjumlah RM434,573.

YAYASAN PELAJARAN JOHOR

3. TERNAKAN RUMINAN SDN. BHD.

FAKTA UTAMA

Ditubuhkan 1996	Aktiviti Utama Ternakan Ruminan	RM2.50 Juta Modal Berbayar
Objektif	Pengeluar dan peneraju produk utama serta sampingan berdasarkan ternakan ruminan.	RM6.71 Juta Kerugian terkumpul pada tahun 2018
RM8.77 juta	Pendahuluan operasi daripada syarikat induk (YPJ Corporation Sdn. Bhd.) sehingga 31 Disember 2018.	
1,460 ekor ternakan	Populasi ternakan sehingga Julai 2019.	
Sistem Ternakan Integrasi	Ternakan lembu dipelihara dalam ladang bagi mengoptimalkan penggunaan sumber.	
Sistem Ibu-Anak	Induk, baka pejantan dan anak dipelihara dan diurus dalam gerompok yang sama.	
Sistem Ragutan Terkawal	Gerompok dilepas bebas meragut mengikut petak secara pusingan.	

1. LATAR BELAKANG


1.1. Ternakan Ruminan Sdn. Bhd. (TRSB) ditubuhkan pada 30 Julai 1996 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar berjumlah RM2.50 juta. TRSB adalah syarikat subsidiari milik penuh YPJ Corporation Sdn. Bhd. (YPJC) yang merupakan syarikat di bawah YPJ Holdings Sdn. Bhd. (YPJH). Objektif penubuhan TRSB adalah sebagai pengeluar dan peneraju produk utama serta sampingan berdasarkan ternakan ruminan. Aktiviti utama TRSB adalah penternakan lembu, kambing dan kerbau. Sehingga bulan Julai 2019, populasi ternakan yang dimiliki oleh TRSB adalah sebanyak 1,460 ekor ternakan.

1.2. TRSB telah bergiat aktif dalam Projek Integrasi Ternakan Ruminan Dengan Tanaman Kekal (PINTAR) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 April 1998. Projek ini bermula dengan ternakan lembu diikuti oleh ternakan kambing pada bulan September 2006 dan seterusnya ternakan kerbau pada bulan Oktober 2010. Panduan Menternak Lembu Pedaging Integrasi (Edisi Keempat, Jun 2010) yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (JPVM) dijadikan rujukan aktiviti penternakan TRSB.

1.3. TRSB melaksanakan ternakan integrasi dalam ladang kelapa sawit milik YPJ Plantations Sdn. Bhd. (YPJP) yang terletak di Daerah Kota Tinggi dan Mersing. YPJP

menguruskan sepenuhnya operasi TRSB dengan membekalkan sumber input seperti pekerja dan jentera bagi menguruskan ternakan. Kos operasi ini akan dituntut semula daripada TRSB. Ternakan lembu dan kerbau diurus melalui Sistem Ibu-Anak manakala ternakan kambing pula menggunakan kaedah intensif dalam kandang. Baka ternakan terdiri daripada lembu Brahman dan Kedah-Kelantan; kerbau sungai dan sawah; serta kambing Jamnapari dan Damper.

1.4. Kaedah jualan ternakan adalah secara harian dan korban. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019, TRSB telah membelanjakan sejumlah RM3 juta bagi kos operasi manakala hasil jualan yang diperoleh berjumlah RM2.56 juta. Model perniagaan TRSB adalah seperti dalam **Rajah 1**.



Sumber : Jabatan Audit Negara

2. OBJKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada objektif penubuhan TRSB dapat dicapai melalui penilaian terhadap amalan tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti ternakan serta analisis terhadap kedudukan kewangan syarikat.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat bagi tahun 2016 hingga bulan Julai 2019. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap aktiviti ternakan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019. Aktiviti penternakan dipilih kerana ia merupakan penyumbang utama kepada pendapatan TRSB. Aspek

kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2016, 2017 dan 2018.

3.2. Dua (2) bidang utama Audit yang dinilai bagi pengurusan aktiviti adalah prestasi dan pelaksanaan aktiviti penternakan. Bagi prestasi aktiviti, dua (2) perkara yang dinilai ialah pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Tiga (3) perkara lain yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti ialah pengurusan ternakan, aset dan stor TRSB.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat TRSB di Kota Tinggi. Lawatan Audit turut dijalankan terhadap tiga (3) ladang YPJP yang menjalankan operasi ternakan TRSB yang juga merupakan pusat jualan ternakan.

4. METODOLOGI PENG AUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan TRSB dan YPJP serta menganalisis data yang berkaitan. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan TRSB bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 yang telah diaudit oleh Tetuan Jamal, Amin & Partners. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Pemeriksaan fizikal Audit telah dijalankan pada bulan Julai 2019 di tiga (3) ladang milik YPJP iaitu Ladang YPJ, Ladang Alaf dan Ladang Payamunis. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lebih lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Julai 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Amalan Tadbir Urus Korporat

Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus oleh TRSB adalah memuaskan. Bagaimanapun TRSB masih belum melaksanakan sepenuhnya lima (5) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu melibatkan Pengurus, Lembaga Pengarah, *Standard Operating Procedures*, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman.

b. Pengurusan Aktiviti

i. Prestasi Aktiviti Penternakan

Secara keseluruhannya, aktiviti TRSB telah dilaksanakan berdasarkan objektif penubuhan yang ditetapkan. Populasi ternakan TRSB masih boleh dipertingkatkan dengan mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada. Prestasi jualan TRSB adalah cekap bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019 kerana TRSB telah mencapai jualan antara 82.4% hingga 121.3% berbanding sasaran yang ditetapkan. Penternakan integrasi dalam ladang adalah baik kerana membantu dalam mengurangkan kos merumpai ladang sawit milik kumpulan YPJ.

ii. Pelaksanaan Aktiviti Penternakan

Kadar kelahiran lembu TRSB adalah memuaskan kerana menunjukkan trend peningkatan. Bagaimanapun, kadar kematian ternakan kambing yang tinggi telah memberikan kesan langsung kepada kedudukan kewangan TRSB. Pelaksanaan aktiviti ternakan oleh TRSB juga masih boleh dipertingkatkan khususnya dalam aspek penyediaan perjanjian pengurusan operasi bersama YPJ dan pengurusan stor. Selain itu, kandang kambing di Ladang Alaf, Kulai tidak digunakan secara optimum di mana 15 daripada 22 kandang dibiarkan kosong dan uzur tanpa sebarang perancangan.

c. Kedudukan Kewangan

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan TRSB adalah pada tahap stabil. TRSB merekodkan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2018 berjumlah RM399,104 yang disumbang oleh penilaian semula inventori berdasarkan piawaian perakaunan MFRS 141. Keuntungan selepas cukai yang direkodkan pada tahun 2018 telah memberi kesan kepada pengurangan kerugian terkumpul kepada RM6.71 juta berbanding kerugian terkumpul 2017 berjumlah RM7.11 juta. Kedudukan aliran tunai TRSB bagi tempoh tahun 2016 sehingga 2018 adalah positif dan baki tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2018 adalah berjumlah RM434,573.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- a. populasi ternakan TRSB menunjukkan trend penurunan ketara iaitu sebanyak 1,252 ekor (46.2%) pada Julai 2019 berbanding 2,712 ekor yang direkodkan pada tahun 2016;

- b. pada tahun 2018 dan 2019, TRSB hanya berjaya menjual masing-masing 60 ekor (60.6%) dan 104 ekor (69.8%) daripada jumlah stok *grouping* iaitu 99 ekor dan 149 ekor; dan
- c. analisis Audit bagi tempoh tahun 2016 hingga Julai 2019 mendapati bilangan kelahiran sebenar lembu adalah sebanyak 764 ekor (56.4%) berbanding parameter yang disyorkan JPVM iaitu 1,353 ekor.

6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI


Perkara yang ditemui dan maklum balas TRSB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 8 Oktober 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Tadbir Urus Korporat

6.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkat kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat Kerajaan Negeri Johor, TRSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Antaranya ialah Akta Syarikat 2016, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A), *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat serta peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu, antara amalan terbaik tadbir urus korporat yang boleh diguna pakai seperti *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) 2017, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness April 2006 (Green Book)* dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD Handbook) Disember 2014.

6.1.2. TRSB hanya mempunyai seorang Pengarah Eksekutif yang bertanggungjawab mengawal selia operasi syarikat. TRSB telah melantik syarikat YPJP yang diketuai Pengarah Eksekutif bagi menguruskan keseluruhan fungsi dan aktiviti syarikat. Setiap pengurus ladang YPJP bertanggungjawab terhadap operasi harian ternakan TRSB termasuk urusan jualan. Sehingga 31 Disember 2018, YPJP mempunyai 15 pekerja tetap yang terdiri daripada penyelia ladang dan pekerja am bagi menguruskan ternakan. Urusan pentadbiran dan perakaunan TRSB pula dilaksanakan oleh kakitangan Ibu Pejabat YPJP. Kedudukan TRSB dan YPJP di bawah syarikat induk iaitu YPJJC adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
KEDUDUKAN TRSB DAN YPJP DI BAWAH YPJC PADA 30 APRIL 2019



Sumber : TRSB

6.1.3. TRSB mempunyai tiga (3) ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif YPJ Holdings Sdn. Bhd. (YPJH). Kesemua ahli Lembaga Pengarah adalah berstatus bukan bebas yang mewakili subsidiari Yayasan Pelajaran Johor. TRSB melantik Setiausaha Syarikat pada 5 Februari 1999 bagi menguruskan mesyuarat Lembaga Pengarah dan menyediakan dokumen serahan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

6.1.4. Semakan Audit mendapati TRSB hanya mengamalkan tiga (3) daripada lapan (8) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu pelantikan Setiausaha Syarikat, Pengarah Eksekutif serta Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama. Lima (5) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat yang lain tidak diamalkan sepenuhnya seperti perenggan berikut:

a. Pengerusi

Berdasarkan MCCG 2017 Amalan 1.3 dan *Green Book* Perenggan 2.1.3, tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah dinyatakan secara jelas dalam Piagam Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak dinyatakan secara bertulis kerana Lembaga Pengarah TRSB tidak menyediakan Piagam Lembaga Pengarah. Kesannya, Pengerusi boleh mengambil tindakan atau membuat keputusan di luar bidang kuasanya dalam melaksanakan pengawasan kolektif terhadap hal ehwal pengurusan syarikat.

Maklum Balas TRSB yang Diterima pada 4 Oktober 2019

Piagam Lembaga Pengarah TRSB telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2019.

Pada pendapat Audit, pelantikan Pengerusi adalah tidak memuaskan kerana tugas dan tanggungjawab tidak dinyatakan secara bertulis.

b. Lembaga Pengarah

- i. Berdasarkan MCCG 2017 Amalan 4.1, sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah adalah Pengarah berstatus bebas. Semakan Audit mendapati kesemua ahli Lembaga Pengarah TRSB berstatus bukan bebas. Komposisi Lembaga Pengarah yang tidak mengikut amalan terbaik ini boleh memberi kesan kepada kekangan pandangan bebas ketika membuat keputusan secara kolektif.
- ii. MCCG 2017 Amalan 3.1 pula menyarankan Lembaga Pengarah untuk mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat. Semakan Audit mendapati TRSB belum mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika. Pewujudan budaya korporat dan tata kelakuan beretika penting supaya dasar dan prosedur yang meliputi pengurusan konflik kepentingan dan pencegahan salah guna kuasa, rasuah serta pengubahan wang haram dapat dilaksanakan. Selain itu, ketiadaan Kod Tatalaku dan Etika menyukarkan pihak syarikat mengambil tindakan sewajarnya sekiranya berlaku ketidakpatuhan dan penyelewengan.

Maklum Balas TRSB yang Diterima pada 4 Oktober 2019

Amalan kumpulan YPJH tidak melantik Pengarah berstatus Bebas. Kesemua Ahli Lembaga pengarah adalah di kalangan kakitangan syarikat dalam kumpulan bertujuan untuk penjimatan kos. Kod Tatalaku dan Etika telah disediakan dan diluluskan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2019.

Pada pendapat Audit, komposisi Lembaga Pengarah TRSB adalah tidak selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat.

c. Standard Operating Procedures (SOP)

- i. Seksyen 246, Akta Syarikat 2016 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah memastikan sistem kawalan dalaman syarikat dapat menjamin aset syarikat dilindungi daripada kerugian. Berdasarkan MKD *Handbook* Perenggan 1.9(c), Perenggan 2.2 (f), Perenggan 3.25 hingga 3.28 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah memastikan SOP disediakan. Proses, prosedur dan polisi yang lengkap hendaklah menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti dalam menguruskan syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit pada bulan Jun 2019 mendapati TRSB menggunakan pakai SOP YPJP bagi hal ehwal sumber manusia, kewangan dan stor. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati penggunaan SOP YPJP belum dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah TRSB. Selain itu, SOP tersebut tidak merangkumi pengurusan operasi dan penjualan ternakan yang merupakan aktiviti utama TRSB.
- iii. Berdasarkan temu bual bersama pihak TRSB, harga jualan hanya ditetapkan secara lisan oleh Pengarah Eksekutif YPJP. Semua urusan jualan ternakan diletakkan di bawah tanggungjawab Pengurus Ladang. Ketiadaan SOP jualan ternakan menyebabkan pengurusan jualan tidak dapat dilaksanakan dengan teratur dan memberi kesan kepada kawalan dalaman syarikat. Selain itu, syarikat sukar mengambil tindakan terhadap pegawai sekiranya berlaku kes penyelewengan dan penipuan.

Maklum Balas TRSB yang Diterima pada 4 Oktober 2019

Lembaga Pengarah TRSB telah meluluskan penggunaan SOP YPJP bagi operasi TRSB berkuat kuasa pada 1 Ogos 2019. Selain itu, SOP pengurusan operasi dan penjualan ternakan juga telah disediakan dan diluluskan berkuat kuasa 1 Ogos 2019.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman operasi TRSB adalah tidak memuaskan kerana SOP tidak disediakan bagi keseluruhan operasi syarikat.

d. Audit Dalaman dan Jawatankuasa Audit

- i. MCCG 2017 Panduan 10.1 pula menyatakan Audit Dalaman hendaklah melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus. Penambahbaikan yang disyorkan dapat menambah keberkesanan pelaksanaan aktiviti syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati fungsi Unit Audit Dalam (UAD) dilaksanakan di peringkat syarikat induk iaitu YPJH memandangkan saiz syarikat yang kecil. YPJH telah melantik perunding pada 19 Oktober 2010 bagi menjalankan fungsi UAD. Perunding tersebut telah diberi mandat untuk mengkaji, menganalisis, menyiasat, menilai, memberi pendapat dan melapor mengenai apa-apa aspek operasi dan aktiviti syarikat kumpulan YPJH. Semakan lanjut mendapati perunding telah menyediakan rancangan audit terhadap inventori TRSB pada tahun 2016. Bagaimanapun pengauditan tidak dilaksanakan berikutan YPJH tidak menyambung perkhidmatan perunding yang berakhir pada 2015.
- iii. MCCG *Intended Outcome* 8.0 dan *Green Book* Perenggan 1.2.1 menyarankan Lembaga Pengarah mewujudkan Jawatankuasa Audit (JKA). Jawatankuasa ini bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.
- iv. Semakan Audit mendapati fungsi JKA dilaksanakan di peringkat syarikat induk sahaja iaitu YPJH memandangkan saiz syarikat TRSB yang kecil. Mesyuarat terakhir Jawatankuasa Audit (JKA) YPJH adalah pada 7 September 2014. Semakan selanjutnya mendapati tiada laporan berkenaan TRSB dibincangkan dalam mesyuarat JKA yang diadakan diperingkat YPJH.
- v. Kesannya, ketiadaan elemen *check and balance* terhadap kawalan dalaman, tadbir urus korporat dan operasi syarikat boleh menimbulkan risiko terhadap urusan kewangan dan aktiviti syarikat.

Maklum Balas YPJ yang Diterima pada 8 Oktober 2019

Pada dasarnya, YPJ bersetuju untuk mengambil alih dan melaksanakan fungsi Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman bagi syarikat TRSB mulai tahun 2019. Skop pengauditan UAD YPJ merangkumi pengauditan syarikat di dalam kumpulan YPJ.

UAD YPJ dalam proses menyediakan rancangan audit dan sebagai permulaan laporan pengauditan TRSB yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Johor akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit YPJ akan datang.

Pada pendapat Audit, kawalan *check and balance* adalah tidak memuaskan kerana pengauditan dalaman tidak pernah dijalankan.

6.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama TRSB adalah menjalankan ternakan lembu dan kerbau secara integrasi iaitu sinergi antara penjimatan kos ladang dan hasil jualan ternakan. TRSB juga menjalankan ternakan kambing secara intensif dalam kandang. Semakan Audit terhadap aktiviti utama TRSB mendapati perkara seperti berikut:

6.2.1. Prestasi Aktiviti Pernternakan

a. Prestasi Populasi Ternakan

- i. Populasi ternakan adalah bergantung pada saiz ladang atau kandang. TRSB telah menetapkan keperluan parameter teknikal kawasan ragutan untuk seekor lembu bersamaan dengan lima (5) hektar dan seekor kerbau menggunakan tiga (3) hektar ladang. Manakala kapasiti maksimum bagi setiap kandang kambing adalah 160 ekor.
- ii. Sehingga bulan Julai 2019, TRSB mempunyai stok ternakan sebanyak 1,460 ekor berbanding 2,712 ekor yang direkodkan pada tahun 2016. Hal ini menunjukkan ***populasi ternakan mengalami penurunan ketara sebanyak 1,252 ekor (46.2%)*** dalam tempoh tersebut. Populasi ternakan juga menunjukkan trend penurunan setiap tahun dari tahun 2016 hingga 2019 seperti dalam **Jadual 1**. Penurunan ini disebabkan oleh bilangan stok ternakan kambing yang semakin berkurangan ekoran daripada langkah syarikat mengecilkan saiz ternakan kambing.


**JADUAL 1
POPULASI TERNAKAN TRSB BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019**

JENIS TERNAKAN	2016 (Ekor)	2017 (Ekor)	2018 (Ekor)	2019 (Ekor)
Lembu	938	874	978	1,041
Kerbau	142	151	158	138
Kambing	1,632	813	376	281
JUMLAH	2,712	1,838	1,512	1,460

Sumber: Laporan Ternakan TRSB

iii. Analisis Audit mendapati populasi ternakan lembu menunjukkan trend peningkatan pada tahun 2018 dan 2019 iaitu masing-masing sebanyak 104 ekor (11.9%) dan 63 ekor (6.4%) berbanding tahun sebelumnya. Populasi ternakan kerbau menunjukkan peningkatan pada tahun 2017 dan 2018 masing-masing sebilan (9) ekor (6.3%) dan tujuh (7) ekor (4.6%). Pada tahun 2019, bilangan kerbau menurun sebanyak 20 ekor (12.7%). ***Ternakan kambing sehingga bulan Julai 2019 adalah sebanyak 281 ekor berbanding 1,632 ekor yang direkodkan pada tahun 2016 iaitu penurunan yang ketara sebanyak 1,351 ekor (82.8%).*** Trend populasi ternakan adalah seperti dalam **Carta 2.**

**CARTA 2
POPULASI TERNAKAN TRSB BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019**



Sumber: Laporan Jualan Lembu TRSB

iv. Pihak Audit telah membuat analisis terhadap populasi ternakan lembu dan kambing berbanding kapasiti maksimum yang boleh diusahakan oleh TRSB melalui ladang dan kandang yang diuruskan oleh YPJP. Analisis Audit mendapati bilangan ternakan lembu yang diusahakan adalah antara 874 ekor (73.2%) hingga 1,041 ekor (87.2%) berbanding kapasiti maksimum ladang berjumlah 1,194 ekor seperti dalam **Jadual 2.**

JADUAL 2
PRESTASI POPULASI TERNAKAN LEMBU BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019

LADANG	BILANGAN TERNAKAN (Ekor) (a)	LUAS LADANG (Hektar) (b)	KAPASITI MAKSIMUM (b/5 hektar=c)	PENCAPAIAN (%) (a/c x100=d)
2016				
Ladang YPJ	461	3,156	631	73.6
Ladang Payamunis	477	2,816	563	84.7
JUMLAH	938	5,972	1,194	78.6
2017				
Ladang YPJ	423	3,156	631	67
Ladang Payamunis	451	2,816	563	80.1
JUMLAH	874	5,972	1,194	73.2
2018				
Ladang YPJ	510	3,156	631	80.8
Ladang Payamunis	468	2,816	563	83.1
JUMLAH	978	5,972	1,194	82
JUN 2019				
Ladang YP J	524	3,156	631	83
Ladang Payamunis	517	2,816	563	91.8
JUMLAH	1,041	5,972	1,194	87.2

Sumber: Ternakan Ruminan Sdn. Bhd.

- v. Selain itu kadar penggunaan kandang kambing juga adalah rendah iaitu antara 8% (281 ekor) hingga 46.4% (1,632 ekor) berbanding kapasiti maksimum berjumlah 3,520 ekor seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PRESTASI POPULASI TERNAKAN KAMBING BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019

TAHUN	BILANGAN TERNAKAN (Ekor) (a)	BILANGAN KANDANG (Unit) (b)	KAPASITI MAKSIMUM (b*160 ekor=c)	PENCAPAIAN (%) (a/c x100=d)
2016	1,632	22	3,520	46.4
2017	813	22	3,520	23.1
2018	376	22	3,520	10.7
2019	281	22	3,520	8.0

Sumber: Ternakan Ruminan Sdn. Bhd.

- vi. Pegawai TRSB memaklumkan, penggunaan ladang bagi ternakan lembu tidak mencapai tahap maksimum disebabkan sebahagian kawasan ladang tidak boleh dilepaskan lembu kerana bersempadan dengan jalan raya dan ladang milik syarikat lain. Perkara ini bagi mengelakkan kes kecurian dan bercampur dengan ternakan pihak lain. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan keluasan sebenar ladang yang tidak boleh dimasuki oleh ternakan kerana TRSB tidak menyediakan data berkaitan. Penggunaan kandang kambing tidak mencapai kapasiti maksimum disebabkan oleh

tindakan mengurangkan jumlah ternakan oleh syarikat. Tindakan ini diambil kerana ***ternakan kambing dikenal pasti sebagai penyumbang utama kerugian kepada syarikat selama 11 tahun sejak tahun 2007***. Kesan penggunaan ladang dan kandang yang tidak mencapai tahap maksimum menyebabkan perolehan hasil jualan tidak dapat dipertingkatkan.

Maklum Balas TRSB yang Diterima pada 4 Oktober 2019

Bilangan ternakan lembu dalam satu gerompok sebaiknya tidak melebihi 600 ekor kerana ‘*efficiency*’ pengurusan dan keselamatan. Setiap ladang tidak boleh diwujudkan dua (2) kumpulan gerompok bagi memudahkan pengurusan. Jumlah ternakan perlu dihadkan di Ladang YPJ kerana faktor penanaman semula kelapa sawit dan pembangunan harta tanah di kawasan bersebelahan.

Pada pendapat Audit, prestasi populasi ternakan masih boleh dipertingkatkan dengan mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada.

b. Prestasi Jualan

- i. TRSB menetapkan sasaran jualan ternakan melalui bajet yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Sasaran jualan ternakan dibuat berdasarkan bilangan stok ternakan yang sesuai dan boleh dijual. TRSB telah menetapkan sasaran jualan ternakan lembu sebanyak 390 ekor dengan hasil jualan sejumlah RM1.21 juta bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019. Bagi tempoh yang sama, jualan ternakan kambing disasarkan sebanyak 2,251 ekor melibatkan RM1.55 juta dan 58 ekor bagi ternakan kerbau melibatkan RM253,900. Jumlah keseluruhan sasaran jualan ternakan bagi tahun 2016 hingga 2019 adalah sebanyak 2,699 ekor dengan hasil jualan berjumlah RM3.01 juta.
- ii. Semakan Audit mendapati keseluruhan ***jualan yang direkodkan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019 adalah RM2.94 juta iaitu 97.7% berbanding sasaran RM3.01 juta yang ditetapkan***. TRSB menunjukkan penurunan jualan yang ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 dengan penurunan sebanyak RM265,199 iaitu daripada RM935,769 menjadi RM670,570. Penurunan jualan pada tahun

2018 disumbangkan oleh penurunan jualan kambing kerana stok ternakan kambing yang berkurangan.

- iii. Pada tahun 2017, jualan kambing berjumlah RM438,800 (657 ekor) berbanding tahun 2018 berjumlah RM247,220 (363 ekor). Jumlah ini terus menunjukkan penurunan pada tahun 2019 dengan jualan yang dicapai hanya berjumlah RM50,400 (73 ekor). Bagaimanapun, penurunan ketara jualan ternakan kambing pada tahun 2019 telah ditampung oleh peningkatan hasil jualan ternakan lembu yang meningkat 40.8% kepada RM494,450 berbanding RM351,050 pada tahun 2018.
- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati jualan ternakan lembu TRSB telah melebihi sasaran ditetapkan bagi tahun 2016, 2017 dan 2019 (sehingga Julai) dengan peratusan jualan antara 112.7% hingga 146.3% berbanding sasaran. Prestasi jualan ternakan kambing pula tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan dengan pencapaian antara 64.6% hingga 83.6% berbanding sasaran. Manakala ternakan kerbau telah mencapai peratusan jualan antara 96.8% hingga 146.5% berbanding sasaran yang ditetapkan. Butiran lanjut prestasi jualan ternakan TRSB adalah seperti dalam **Jadual 4** dan **Carta 3**.


JADUAL 4
PRESTASI JUALAN TERNAKAN TRSB BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019

TAHUN	2016	2017	2018	2019	JUMLAH
TERNAKAN LEMBU (A)					
Sasaran	Ekor	90	100	100	390
	Amaun (RM)	225,500	300,000	300,000	1,205,500
Pencapaian	Ekor	97	139	99	452
	Amaun (RM)	254,148	438,900	351,050	1,538,548
	%	112.7	146.3	117	127.6
TERNAKAN KAMBING (B)					
Sasaran	Ekor	800	750	609	2,251
	Amaun (RM)	579,000	525,000	382,635	1,549,195
Pencapaian	Ekor	613	657	363	1,706
	Amaun (RM)	382,708	438,800	247,220	1,119,128
	%	66.1	83.6	64.6	72.2
TERNAKAN KERBAU (C)					
Sasaran	Ekor	10	15	15	58
	Amaun (RM)	40,000	60,000	67,500	253,900
Pencapaian	Ekor	16	15	16	71
	Amaun (RM)	58,600	58,069	72,300	285,769
	%	146.5	96.8	107.1	112.6
JUMLAH KESELURUHAN (A+B+C)					
Sasaran	Ekor	900	865	724	210
					2,699

TAHUN		2016	2017	2018	2019	JUMLAH
Pencapaian	Amaun (RM)	844,500	885,000	750,135	528,960	3,008,595
	Ekor	726	811	478	214	2,229
	Amaun (RM)	695,456	935,769	670,570	641,650	2,943,445
	%	82.4	105.7	89.4	121.3	97.8

Sumber: Laporan Jualan Ternakan TRSB

CARTA 3
PRESTASI JUALAN TERNAKAN TRSB
BAGI TAHUN 2016 HINGGA BULAN JULAI 2019



Sumber: Laporan Jualan Ternakan TRSB

- v. Analisis Audit selanjutnya terhadap prestasi jualan mendapati perkara seperti berikut:

- **Prestasi Jualan Lembu Korban**

- Hasil jualan lembu korban merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan TRSB berdasarkan sumbangan 85.3% terhadap jumlah jualan tahunan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019. Lembu yang dipilih (*grouping*) untuk jualan korban adalah lembu jantan, sihat dan mencapai umur lebih daripada 24 bulan. Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019, sebanyak 394 ekor lembu telah dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan untuk jualan sempena ibadah korban.
- Semakan Audit terhadap Laporan Jualan Lembu Korban TRSB mendapati sebanyak 292 ekor (74.1%) daripadanya berjaya dijual dengan hasil berjumlah RM1.31 juta. Tahun 2018 dan 2019 mencatatkan peratus jualan lebih rendah berbanding dua (2) tahun sebelumnya yang mana TRSB hanya menjual masing-masing 60 ekor atau 60.6% (2018) dan 104 ekor atau 69.8% (2019) daripada jumlah

stok *grouping*. Butiran lanjut prestasi jualan ternakan lembu korban adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PRESTASI JUALAN LEMBU KORBAN BERBANDING
GROUPING BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019

TAHUN	BILANGAN LEMBU				JUMLAH JUALAN KORBAN (RM) (a)	JUMLAH JUALAN TAHUNAN (RM) (b)	JUALAN KORBAN (%) (c = a/b)
	GROUPING (Ekor)	DIJUAL (Ekor)	(%)	BAKI (Ekor)			
2016	52	46	88.5	6	191,800	254,148	75.5
2017	94	82	87.2	12	360,800	438,900	82.2
2018	99	60	60.6	39	279,300	351,050	79.6
2019	149	104	69.8	45	479,800	494,450	97.0
JUMLAH	394	292	74.1	102	1,311,700	1,538,548	85.3

Sumber: Laporan Jualan Lembu Korban TRSB

- Berdasarkan temu bual bersama Pengarah Eksekutif TRSB, peratusan jualan lembu korban yang rendah pada tahun 2018 dan 2019 adalah disebabkan oleh permintaan yang rendah. Perkara ini berlaku kerana masyarakat khuatir dengan masalah penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) dan Brucella. Semakan selanjutnya mendapati perkara ini disokong oleh kenyataan JPVM yang dilaporkan portal Berita Harian pada 21 Mei 2019 seperti dalam **Gambar 1**. JPVM menyatakan bahawa Johor merupakan tiga (3) negeri tertinggi yang mempunyai wabak HFMD. Selain itu, Pengarah Eksekutif TRSB memaklumkan persaingan dengan lembu import juga memberikan kesan kepada jualan korban. Kenaikan harga ternakan juga mempengaruhi keputusan masyarakat untuk melakukan ibadah korban.

GAMBAR 1

Penyakit kuku dan mulut ternakan lembu serius

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

TUMPAT: Sebanyak 10 kes wabak penyakit kuku dan mulut membabitkan ternakan lembu dikesan di seluruh negara sepanjang empat bulan pertama tahun ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam, berkata angka itu agak serius dan dibimbangi akan terus meningkat, berbanding sebanyak 35 kes sepanjang tahun lalu.

"Tiga negeri yang paling tinggi mencatatkan angka kejadian wabak ini Pahang, Johor dan Melaka.

"Penyakit kuku dan mulut sebenarnya mudah dicegah iaitu melalui suntikan dan kuarantin, namun kesedaran dalam kalangan penternak mungkin belum lagi meningkat," katanya dalam sidang media selepas mengadakan pertemuan bersama penternak di Pertubuhan Peladang Kawasan Bakat Baru, di sini, hari ini.

Dr Quaza berkata, Kelantan dikenal pasti sebagai laluan utama kemasukan lembu dari negara jiran menerusi laluan tikus dan disebabkan itu, haiwan terbabit tidak menerima suntikan serta kuarantin.

Laporan Media Berkaitan Penyakit HFMD
(21.05.2019)

(Sumber: Berita Harian Online)

- Jualan Lembu Kepada Kumpulan YPJ dan Asingsingkir (Pelupusan) Ternakan**


- Berdasarkan semakan Audit terhadap rekod jualan TRSB mendapati harga jualan lembu TRSB kepada pembeli biasa bermula daripada RM2,000 hingga RM5,900 seekor. Harga jualan kepada kumpulan YPJ adalah antara RM1,000 hingga RM4,500 seekor. Lembu yang cedera atau sakit dijual antara RM800 hingga RM2,000 seekor. Selain itu, kadar harga jualan lembu disebabkan penyakit Brucella pula adalah RM350 seekor (anak), RM1,600 seekor (jantan) dan RM1,300 seekor (betina) melalui syarikat yang dibenarkan oleh JPVM.
- Pihak Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 sehingga bulan Julai 2019, sebanyak 87 ekor (19.2%) daripada 452 ekor lembu telah dijual kepada kumpulan YPJ. Selain itu, sebanyak 24 ekor (5.3%) lembu dijual kerana kecederaan atau sakit manakala sebanyak 61 ekor (13.5%) dijual kerana dijangkiti Brucella seperti dalam **Jadual 6** dan **Carta 4**. Semakan Audit selanjutnya mendapati **TRSB tidak mempunyai SOP berkenaan jualan kepada kumpulan YPJ dan jualan asingsingkir (pelupusan) ternakan yang sakit serta dijangkiti Brucella**. Selain itu, jualan lembu sakit tidak disertakan laporan pengesahan dan gambar.

JADUAL 6
PRESTASI JUALAN LEMBU KEPADA KUMPULAN YPJ DAN
PELUPUSAN TERNAKAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019

JUALAN LEMBU SETAHUN (Ekor)	JUALAN LEMBU SETAHUN (RM)	JUALAN LEMBU						JUMLAH KESELURUHAN					
		KUMPULAN YPJ		(%)	SAKIT/CEDERA		(%)	BRUCELLA		(%)	(Ekor)	(RM)	(%)
2016													
97	254,148	34	42,598	35.1	12	14,650	12.4	-	-	-	46	57,248	47.4
2017													
139	438,900	9	17,600	6.5	3	6,000	2.2	37	48,100	26.6	49	71,700	35.3
2018													
99	351,050	7	18,000	7.1	8	10,800	8.1	24	32,150	24.2	39	60,950	39.4
2019													
117	494,450	37	144,550	31.6	1	1,500	0.9	-	-	-	38	146,050	32.5
452	1,538,548	87	222,748	19.2	24	32,950	5.3	61	80,250	13.5	172	335,948	38.1

Sumber: Laporan Jualan Lembu TRSB

CARTA 4
PECAHAN JUALAN LEMBU TRSB BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019



Sumber: Laporan Jualan Lembu TRSB

Maklum Balas TRSB yang Diterima pada 4 Oktober 2019

Penurunan stok kambing memang dirancang agar dapat mengurangkan kerugian akibat peningkatan kos menternak dan kadar kematian yang tinggi. Penurunan telah dirancang mulai tahun 2017 dengan sasaran baki stok sebanyak 400 ekor dalam tempoh tiga (3) tahun.

Antara faktor lain yang mempengaruhi jualan lembu korban adalah pembatalan tempahan ekoran penyebaran berita larangan penyembelihan di dalam kawasan masjid. Selain itu, persaingan daripada syarikat dalam talian yang menawarkan perkhidmatan korban pada harga sangat rendah. Secara perbandingan harga yang ditawarkan RM250/bahagian berbanding pasaran RM650/bahagian. Faktor ekonomi semasa dan peningkatan kos sara hidup turut mempengaruhi prestasi jualan korban.

Harga purata daging bagi jualan dalam kumpulan YPJ adalah RM15 sekilogram. Keutamaan lembu adalah jenis garang dan mempunyai masalah tumbesaran. Lembu jenis ini mempunyai permintaan yang rendah kerana sukar diuruskan dan saiz yang kecil. Bagi jualan lembu yang dijangkiti Brucella, TRSB turut menerima pampasan daripada Kerajaan berjumlah RM850 seekor. Pada tahun 2017 dan 2018, pampasan yang diterima adalah berjumlah RM46,400.

Pada pendapat Audit, prestasi jualan secara keseluruhannya adalah cekap kerana TRSB telah mencapai antara 82.4% hingga 121.3% sasaran jualan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019.

c. Prestasi *Outcome* - Ternakan Lembu Integrasi Mengurangkan Kos Merumpai Ladang Sawit Kumpulan YPJ

- i. Panduan Menternak Lembu Pedaging Integrasi JPVM menyatakan bidang usaha penghasilan sawit dan penternakan lembu pedaging menjadi lebih cekap dan menguntungkan (*win-win situations*). Hal ini merupakan kesan daripada usaha mengoptimalkan penggunaan sumber di kedua-dua bidang tersebut. Perkara ini adalah selari dengan misi TRSB untuk sinergi dengan persekitaran ladang kelapa sawit.
- ii. Pihak Audit mendapati TRSB tidak menetapkan mekanisme *outcome* terhadap aktiviti syarikat. Hasil perbincangan pihak Audit bersama pihak TRSB, kedua-dua pihak bersetuju supaya ternakan lembu integrasi dapat membantu mengurangkan kos merumpai ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh YPJJP diambil sebagai *outcome*. Seterusnya pihak Audit telah menjalankan analisis perbandingan penjimatan kos merumpai antara ladang YPJJP yang mengamalkan integrasi lembu dengan ladang yang tidak mengamalkan integrasi lembu.
- iii. Berdasarkan temu bual bersama Pengurus Ladang dan semakan Audit mendapati kos merumpai ladang yang mengamalkan integrasi lembu menggunakan kawalan biologi dan kimia adalah lebih menjimatkan. Kaedah kawalan biologi dan kimia hanya memerlukan YPJJP melakukan *selected* dan *circle weeding* sahaja berbanding *full spraying* jika tidak menggunakan ternakan integrasi. Analisis Audit selanjutnya mendapati ***bagi tahun 2016 dan 2018, TRSB telah membantu YPJJP mengurangkan kos merumpai ladang kelapa sawit di Ladang YPJ dan Ladang Payamunis berjumlah RM466,897*** seperti dalam **Jadual 7**. Kesannya penjimatan kos merumpai dapat membantu YPJJP untuk mengurangkan kos operasi ladang. Selain itu juga dapat melestarikan alam sekitar ekoran daripada pengurangan penggunaan racun kimia. Kawasan ladang sawit semasa dan selepas ragutan adalah seperti dalam **Gambar 2** dan **Gambar 3**.

JADUAL 7
PERBANDINGAN KOS MERUMPAI
LADANG MENGAMALKAN INTEGRASI LEMBU BERBANDING
LADANG TIDAK MENGAMALKAN INTEGRASI LEMBU BAGI TAHUN 2016 DAN 2018

TAHUN	KOS MERUMPAI		PENJIMATAN KOS/HEKTAR (c) (RM) (a - b = c)	KELUASAN LADANG (Hektar) (d)	JUMLAH PENJIMATAN KOS MERUMPAI (e) (RM) (c x d = e)
	LADANG TIDAK AMAL INTEGRASI LEMBU /HEKTAR (RM) (a)	LADANG AMAL INTEGRASI LEMBU/HEKTAR (RM) (b)			
LADANG YPJ					
2016	169.81	107.71	62.10	3,156	195,987
2018	107.45	94.74	12.71	3,156	40,112
JUMLAH					236,099
LADANG PAYAMUNIS					
2016	169.81	92.65	77.16	2,816	217,282
2018	107.45	102.65	4.80	2,816	13,516
JUMLAH					230,798
JUMLAH KESELURUHAN					466,897

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Perbandingan bagi tahun 2017 tidak dapat dijalankan kerana data tidak diperoleh.

GAMBAR 2



Plot B , Ladang Payamunis, Mersing
- Ladang Dipenuhi Rumput Panjang Semasa Ragutan
(21.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Plot A, Ladang Payamunis, Mersing
- Keadaan Ladang Bersih Selepas Ragutan
(21.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Pada pendapat Audit, penternakan integrasi dalam ladang adalah baik kerana membantu dalam mengurangkan kos merumpai.

6.2.2. Pelaksanaan Aktiviti Ternakan

a. Kelahiran dan Kematian Ternakan

- i. Panduan Menternak Lembu Secara Integrasi, JPVM menyatakan matlamat pembiakan ialah untuk menghasilkan seekor anak yang sihat daripada setiap ekor induk dalam tempoh 365 hari. JPVM telah menetapkan parameter

teknikal untuk ternakan lembu sebanyak 70% kelahiran dan 2% kematian. Lembu baka pejantan hendaklah ditukar setiap tiga (3) tahun sekali. Setiap baka pejantan hendaklah lulus ujian dayabiak (B.S.E) yang dilakukan oleh JPVM setiap tahun. Baka pejantan yang tidak produktif, garang dan tidak dapat dikawal perlu diasingsingkir.

- ii. TRSB menggunakan kaedah pembiakan semulajadi untuk lembu dan kerbau manakala pembiakan kambing adalah secara berjadual. Nisbah baka pejantan dan betina yang digunakan TRSB bagi pembiakan lembu ialah 1:18.
- iii. Pihak Audit telah membuat analisis bagi menilai pencapaian prestasi kelahiran dan ternakan lembu TRSB berbanding parameter yang disyorkan oleh JPVM. Manakala analisis trend telah dijalankan bagi menilai prestasi kelahiran ternakan kambing dan kerbau. Hasil analisis Audit adalah seperti berikut:

- **Ternakan Lembu**

- Analisis Audit mendapati jumlah kelahiran lembu tidak mencapai sasaran parameter yang disyorkan. Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019, bilangan ***kelahiran sebenar lembu ialah sebanyak 764 ekor (56.5%) jauh lebih rendah berbanding parameter JPVM iaitu 1,353 ekor.*** Seterusnya, analisis mengikut tahun pula menunjukkan kadar kelahiran pada tahun 2019 di Ladang YPJ berjaya mencapai parameter yang ditetapkan iaitu 166 ekor kelahiran berbanding 157 ekor yang disasarkan.
- Ladang YPJ menunjukkan peningkatan kadar kelahiran sebanyak 89 ekor (171%) iaitu daripada 52 ekor pada tahun 2017 kepada 141 ekor pada tahun 2018. Jumlah kelahiran terus mencatatkan peningkatan pada tahun 2019 kepada 166 ekor. Kadar kelahiran di Ladang Payamunis juga menunjukkan trend peningkatan dengan merekodkan kelahiran sebanyak 64 ekor (2017), 83 ekor (2018) dan 111 ekor (2019).
- Jumlah kematian lembu yang direkodkan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019 ialah sebanyak 55 ekor. Kematian melibatkan 31 ekor lembu yang berusia kurang dari dua (2) tahun dan 24 ekor melebihi dua (2) tahun. Hanya tahun 2016 mencatatkan kadar

kematian yang melebihi parameter teknikal ditetapkan iaitu 2%. Tahun-tahun selainnya mencatatkan kadar kematian di bawah parameter teknikal ditetapkan. Kematian sebenar lembu bagi tahun 2016 untuk Ladang YPJ dan Ladang Payamunis masing-masing adalah 14 ekor (155.6%) dan 12 ekor (120%) melebihi parameter teknikal ditetapkan iaitu sembilan (9) ekor dan 10 ekor. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PRESTASI KELAHIRAN DAN KEMATIAN TERNAKAN LEMBU BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019

LADANG	TAHUN	JUMLAH TERNAKAN (BAKI AKHIR) (a)	JUMLAH INDUK BETINA (BAKI AWAL) (b)	SASARAN PARAMETER KADAR KELAHIRAN MINIMUM 70% [c= 70% x b] (c)	SASARAN PARAMETER KADAR KEMATIAN TIDAK MELEBIHI 2% [d=2% x a]	JUMLAH KELAHIRAN SEBENAR (e)	JUMLAH KEMATIAN SEBENAR (f)	PERATUS KELAHIRAN BERBANDING PARAMETER [g=e/c x 100]	PERATUS KEMATIAN BERBANDING PARAMETER [h=f/d x 100]
		(Ekor)						(%)	
YPJ	2016	461	243	170	9	55	14	32.4	155.6
	2017	423	222	155	8	52	8	33.5	100
	2018	510	225	157	10	141	8	89.8	80
	2019	524	224	157	10	166	4	105.7	40
JUMLAH			639	37	414	34	64.8	91.9	
Payamunis	2016	477	246	172	10	92	12	53.5	120
	2017	451	232	162	9	64	0	39.5	0
	2018	468	280	196	9	83	5	42.3	55.6
	2019	517	263	184	10	111	4	60.3	40
JUMLAH			714	38	350	21	49	55.3	
JUMLAH KESELURUHAN			1,353	75	764	55	56.5	73.3	

Sumber: Laporan Ternakan TRSB

- Berdasarkan rekod, punca kematian tertinggi lembu adalah disebabkan kejang otot iaitu sebanyak 11 ekor manakala 33 lagi kematian tidak diketahui punca seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
ANALISIS SEBAB KEMATIAN LEMBU BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019

JENIS TERNAKAN	UMUR/EKOR			SEBAB KEMATIAN				
	<24 BULAN	>24 BULAN	JUMLAH	SEBAB KEMATIAN				
				i	ii	iii	iv	v
Lembu	31	24	55	11	1	2	8	33

Sumber: TRSB *Monthly Progress Report*

Nota:

- i. Kejang Otot/Lemah/Keletihan
- ii. Jangkitan Bakteria
- iii. Kegagalan Melahirkan/Pendarahan Dalaman (*Prolapse/Flantulant*)
- iv. Panah Petir
- v. Tidak Diketahui

- Berdasarkan temu bual bersama Pengarah Eksekutif TRSB, peningkatan ketara kelahiran di Ladang YPJ pada tahun 2018 dan 2019 adalah disumbangkan oleh program penggantian baka pejantan. Pada tahun 2016 hingga 2017, TRSB telah menggantikan sebanyak 21 ekor baka pejantan bagi meningkatkan kadar kelahiran. Kadar kelahiran di Ladang Payamunis belum mencapai parameter JPVM antaranya disebabkan oleh proses pemulangan baka ternakan bagi program Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) Penternakan Lembu Secara Integrasi di Ladang Kelapa Sawit (EPP5).
- TRSB telah menerima bantuan sebanyak 319 ekor lembu daripada Kerajaan Persekutuan melalui program EPP5 pada tahun 2013. TRSB dikehendaki memulangkan lembu dara dan baka penjantan mengikut perjanjian yang ditetapkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2016 hingga 2017, TRSB telah selesai memulangkan kepada kerajaan sebanyak 54 ekor lembu dara dan enam (6) ekor baka pejantan. Perkara ini memberikan kesan kepada kadar kelahiran lembu di Ladang Payamunis.

• **Ternakan Kambing**

- Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019, ternakan kambing telah mencatat kelahiran sebanyak 1,053 ekor. Ternakan kambing menunjukkan trend penurunan setiap tahun sejak dari tahun 2016. ***Jumlah kelahiran tahun 2016 adalah sebanyak 541 ekor menurun sehingga hanya 63 ekor pada tahun 2019 iaitu penurunan sebanyak 478 ekor (88.4%).*** Berdasarkan temubual dengan Pengarah Eksekutif TRSB, penurunan kadar kelahiran kambing adalah disebabkan syarikat dalam proses mengecilkan jumlah ternakan kambing. Langkah ini bertujuan mengurangkan kerugian yang dialami syarikat akibat peningkatan kos jualan dan kadar kematian yang tinggi.
- ***Jumlah kematian yang direkodkan adalah sebanyak 1,076 ekor iaitu lebih tinggi berbanding kelahiran sebanyak 1,053 ekor.*** Kadar kematian kambing berbanding kelahiran yang paling tinggi dicatatkan pada tahun 2017 sebanyak 110.3% (387 ekor) dan diikuti tahun 2018 sebanyak 105.1% (103 ekor). Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 10.**

JADUAL 10
BILANGAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN
KAMBING BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019

BILANGAN	TAHUN				JUMLAH
	2016	2017	2018	2019	
Jumlah Ternakan (Ekor)	1,632	813	376	281	-
Kelahiran (Ekor)	541	351	98	63	1,053
Kematian (Ekor)	529	387	103	57	1,076
Kematian Berbanding Kelahiran (%)	97.8	110.3	105.1	90.5	102.2

Sumber: Laporan Ternakan TRSB

- Analisis Audit mendapati kematian tertinggi ternakan kambing berlaku pada umur antara tiga (3) hingga sembilan (9) bulan melibatkan 493 ekor (45.8%) berbanding 1,076 kematian yang direkodkan seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
KADAR KEMATIAN KAMBING MENGIKUT UMUR/JANTINA BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019

TAHUN	POPULASI	UMUR/JANTINA				UMUR/JANTINA				UMUR/JANTINA				JUMLAH (Ekor)	
		<3 BULAN				3-9 BULAN				>10 BULAN					
		J	B	JUMLAH	(%)	J	B	JUMLAH	(%)	J	B	JUMLAH	(%)		
2016	1,632	99	112	211	12.9	102	108	210	12.9	22	86	108	6.6	529	
2017	813	51	37	88	10.8	83	136	219	26.9	4	76	80	9.8	387	
2018	376	24	12	36	9.6	13	41	54	14.4	1	12	13	3.5	103	
2019	281	9	19	28	10	3	7	10	3.6	0	19	19	6.8	57	
JUMLAH	183	180	363		201	292	493		27	193	220		1,076		

Sumber: Laporan Ternakan/*Livestock*

Nota: J - Jantan B – Betina

- Berdasarkan rekod ternakan TRSB, sindrom kejang otot merupakan punca utama kematian ternakan kambing melibatkan 171 ekor. Punca kematian lain adalah jangkitan bakteria dan kegagalan melahirkan/pendarahan dalaman. Manakala sebanyak 842 ekor kematian tidak dapat dikenal pasti punca seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
ANALISIS SEBAB KEMATIAN KAMBING
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019

JENIS TERNAKAN	UMUR/EKOR			SEBAB KEMATIAN				
	<10 BULAN	>10 BULAN	JUMLAH	i	ii	iii	iv	v
Kambing	856	220	1,076	171	46	17	0	842

Sumber: TRSB *Monthly Progress Report*

Nota:

- i. Kejang Otot/Lemah/Keletihan
- ii. Jangkitan Bakteria
- iii. Kegagalan Melahirkan/Pendarahan Dalaman (*Prolapse/Flantulant*)
- iv. Panah Petir
- v. Tidak Diketahui

- Pegawai TRSB memaklumkan sensitiviti kambing sangat tinggi dan mudah tertekan terhadap persekitaran serta mudah terkena jangkitan bakteria menjadi faktor kadar kematian kambing yang tinggi. Hal ini memberi kesan kepada pengurusan TRSB untuk meningkatkan populasi ternakan dan hasil jualan seterusnya menyebabkan kerugian kepada syarikat. Semakan Audit selanjutnya mendapati TRSB mula mencatatkan kerugian 11 tahun berturut-turut selepas memulakan penternakan kambing pada tahun 2007 sehingga 2017. Langkah pengurangan saiz ternakan kambing yang dilaksanakan bermula tahun 2017 membantu TRSB mencatatkan keuntungan pada tahun 2018. Butiran pencapaian kewangan TRSB bagi tahun 2014 hingga 2018 seperti **Jadual 13**.

JADUAL 13
PRESTASI KEWANGAN TRSB BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER	PENDAPATAN (RM Juta)	UNTUNG/(RUGI) SEBELUM CUKAI (RM Juta)	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta)
2014	1.16	(0.64)	(0.64)
2015	0.70	(0.92)	(0.92)
2016	0.70	(0.77)	(0.77)
2017	0.95	(0.06)	(0.06)
2018	0.70	0.40	0.40

Sumber: Rekod Kewangan TRSB

• **Ternakan Kerbau**

- Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019, jumlah kelahiran kerbau adalah sebanyak 118 ekor. Jumlah kelahiran yang direkodkan pada tahun 2017 adalah 43 ekor meningkat sebanyak 15 ekor (53.6%) berbanding 28 ekor pada tahun 2016. Bagaimanapun kelahiran pada tahun 2018 menurun sebanyak enam (6) ekor (14%) kepada 37 ekor. Sehingga bulan Jun 2019 kelahiran terus menurun kepada hanya 10 ekor berbanding 37 ekor pada tahun 2018 dengan penurunan sebanyak 27 ekor (73%) seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
**BILANGAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN
KERBAU BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019**

BILANGAN	TAHUN				JUMLAH
	2016	2017	2018	2019	
Jumlah Ternakan (Ekor)	142	151	158	138	
Kelahiran (Ekor)	28	43	37	10	118
Kematian (Ekor)	11	17	14	4	46
Kematian Berbanding Kelahiran (%)	39.3	39.5	37.8	40.0	39.0

Sumber: Laporan Ternakan TRSB

- Bilangan kematian yang direkodkan pula adalah sebanyak 46 ekor. Jumlah kematian tertinggi ternakan kerbau berlaku pada tahun 2017 iaitu sebanyak 17 ekor. Secara purata, kadar kematian kerbau adalah sebanyak 39% berbanding jumlah kelahiran pada setiap tahun. Berdasarkan rekod ternakan TRSB, kematian tertinggi kerbau berlaku pada peringkat umur kurang daripada enam (6) bulan melibatkan 30 ekor (65.2%) berbanding 46 ekor kematian yang direkodkan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
KADAR KEMATIAN KERBAU MENGIKUT UMUR BAGI TAHUN 2016 HINGGA JULAI 2019

TAHUN	POPULASI	UMUR/JANTINA				UMUR/JANTINA				UMUR/JANTINA				JUMLAH (Ekor)	
		<6 BULAN				6-24 BULAN				>24 BULAN					
		J	B	JUMLAH	(%)	J	B	JUMLAH	(%)	J	B	JUMLAH	(%)		
2016	142	3	2	5	3.5	3	0	3	2.1	0	3	3	2.1	11	
2017	151	9	5	14	9.3	2	1	3	2	0	0	0	0.0	17	
2018	158	1	8	9	5.7	0	0	0	0	0	5	5	3.2	14	
2019	138	0	2	2	1.4	0	0	0	0	1	1	2	1.4	4	
JUMLAH		13	17	30		5	1	6		1	9	10		46	

Sumber: Laporan Ternakan TRSB

Nota: J - Jantan B - Betina

- Kematian tertinggi adalah disebabkan oleh kejang otot/keletihan/lemah dengan melibatkan sebanyak 26 ekor (56.5%). Selain itu, kegagalan kelahiran/pendarahan dalaman dan panahan petir juga menyumbang kepada kematian. Sebanyak 13 kematian tidak dapat diketahui punca.

Maklum Balas TRSB yang Diterima pada 4 Oktober 2019

Kadar kelahiran kerbau menunjukkan trend turun naik setiap dua (2) tahun kerana tempoh bunting melebihi 10 bulan. Bilangan induk yang tidak produktif menyumbang kepada kelahiran yang rendah. Induk ini perlu melalui proses penyingkiran (*culling*). Penjualan kerbau betina muda untuk kegiatan pengangkutan BTS di ladang kumpulan YPJ juga memberi kesan kepada kadar kelahiran.

Pada pendapat Audit, kadar kelahiran lembu TRSB adalah memuaskan kerana menunjukkan trend peningkatan. Bagaimanapun, kadar kematian ternakan kambing yang tinggi telah memberikan kesan langsung kepada kedudukan kewangan TRSB.

b. Perjanjian Pengurusan Operasi Tidak Disediakan

- i. Berdasarkan amalan terbaik, perjanjian pengurusan operasi hendaklah disediakan secara bertulis, teratur dan lengkap. Perjanjian tersebut hendaklah menggariskan tanggungjawab dan obligasi antara empunya serta operator. Selain itu, kadar caj bayaran dan terimaan hendaklah ditetapkan dengan jelas. Perkara ini penting bagi melindungi kepentingan kedua-dua pihak yang memasuki kontrak.
- ii. Keseluruhan operasi TRSB merangkumi jualan dan perolehan diuruskan oleh YPJP. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **perjanjian pengurusan operasi antara TRSB dan YPJP tidak disediakan**. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sumber perwakilan kuasa yang diberikan kepada YPJP bagi menguruskan operasi TRSB. Berdasarkan temu bual bersama Pengarah Eksekutif TRSB, perjanjian pengurusan operasi TRSB tidak disediakan kerana menganggap pelaksanaan operasi TRSB sebagai sebahagian daripada urusan dalaman YPJP. Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan April 2019, YPJP telah membuat tuntutan semula kos operasi kepada TRSB berjumlah RM2.60 juta. Bagaimanapun, kadar kos operasi yang boleh dituntut semula oleh YPJP tidak dinyatakan secara bertulis. **Kesannya ketepatan tuntutan semula kos operasi tidak dapat disahkan**.

Maklum Balas TRSB yang Diterima pada 4 Oktober 2019

Perjanjian pengurusan operasi telah disediakan dan diluluskan Lembaga Pengarah TRSB berkuatkuasa 1 Ogos 2019.

Pada pendapat Audit, pengurusan operasi oleh pihak ketiga tanpa perjanjian bertulis adalah tidak memuaskan kerana kepentingan kedua-dua pihak tidak terpelihara.

c. Kandang Kambing Tidak Digunakan Secara Optimum

- i. Projek perintis ternakan kambing jenis baka Jamnapari telah dimulakan pada bulan September 2006 menggunakan kaedah intensif (kandang) di Ladang Alaf. Sejak projek ini dimulakan sebanyak 22 kandang kambing telah dibina dengan kos berjumlah RM2.34 juta. Kapasiti maksimum setiap kandang boleh menempatkan 160 ekor ternakan kambing.

- ii. Lawatan fizikal oleh pihak Audit di Ladang Alaf, Kulai mendapati hanya empat (4) kandang (18.2%) digunakan. Lima belas (15) kandang (68.2%) lagi terbiar kosong dan uzur manakala baki tiga (3) kandang (13.6%) telah digunakan oleh kontraktor ladang sebagai bengkel seperti dalam **Gambar 4** hingga **Gambar 9**. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh sebenar kandang tidak digunakan kerana rekod tidak diselenggarakan oleh TRSB. Pegawai TRSB memaklumkan antara sebab kandang kambing tidak digunakan adalah kerana dasar syarikat untuk mengecilkan skala ternakan kambing bagi mengelakkan kerugian. Peningkatan kos untuk makanan tambahan (*pallet*), vitamin, ubatan dan kos buruh menyebabkan pihak pengurusan bercadang untuk tidak meneruskan projek ternakan kambing berskala besar.
- iii. Semakan Audit mendapati pihak syarikat masih belum menyediakan perancangan terhadap kandang kambing yang tidak digunakan. Kandang kambing yang tidak digunakan secara optimum dan tidak disenggara secara berkala akan memendekkan jangka hayat guna aset dan merugikan syarikat.

GAMBAR 4



Ladang Alaf, Kulai
- Kandang Kambing yang Tidak Digunakan
(28.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Ladang Alaf, Kulai
- Ruang Dalam Kandang Kambing yang Tidak Digunakan
(28.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Ladang Alaf, Kulai
- Kandang Kambing yang Dijadikan Bengkel oleh Kontraktor Ladang
(28.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



Ladang Alaf, Kulai
- Bahagian Bawah Kandang Kambing yang Dijadikan Tempat Penyimpanan Tayar Terpakai
(28.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



GAMBAR 9



Ladang Alaf, Kulai

- Kandang Kambing yang Dijadikan Tempat Penyimpanan Barang Lusuh oleh Kontraktor Ladang
(28.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas TRSB yang Diterima pada 4 Oktober 2019

Pengurusan sedang mempertimbangkan beberapa pilihan seperti menyewakan kandang atau diganti dengan lain-lain ternakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan asset kandang kambing oleh TRSB adalah tidak memuaskan kerana kandang kambing dibiarkan kosong tanpa sebarang perancangan.

d. Pengurusan Stor

- i. Pengurusan stor TRSB termasuk pembelian dan penggunaan stok diuruskan sepenuhnya oleh YPJP. Berdasarkan SOP pengurusan stor YPJP, selepas pembekalan diterima, pegawai YPJP dikehendaki merekodkannya di dalam *Bin Card*. Second Clerk Ladang dikehendaki mengemas kini *Bin Card* bagi setiap penggunaan dan pengeluaran selepas diluluskan oleh Penolong Pengurus Ladang.
- ii. Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan April 2019, TRSB telah membelanjakan sejumlah RM429,175 bagi pembelian stok makanan tambahan dan ubat-ubatan adalah seperti dalam **Jadual 16**. Semakan Audit mendapati **perolehan dan penggunaan stok tidak direkodkan dalam Bin Card**. Pegawai TRSB memaklumkan perolehan dan penggunaan stok tidak direkodkan dalam *Bin Card* kerana sebahagian makanan tambahan dan ubat-ubatan yang diterima digunakan terus dan tidak mempunyai baki. **Kesan daripada stok yang tidak direkod menyebabkan ketepatan bekalan yang diterima dan digunakan tidak dapat disahkan**. Selain itu, berlaku kesukaran untuk mengesahkan kuantiti terkini setiap jenis stok.

JADUAL 16
PERBELANJAAN MAKANAN TAMBAHAN DAN
UBAT-UBATAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA APRIL 2019

PERIHAL	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	JUMLAH
Makanan Tambahan	133,893	91,871	37,909	17,534	281,207
Ubat-ubatan	72,473	36,679	19,007	19,809	147,968
JUMLAH					429,175

Sumber: Rekod Kewangan TRSB

Maklum Balas TRSB yang Diterima pada 4 Oktober 2019

Pematuhan SOP YPJP berkaitan pengurusan stor telah berkuat kuasa pada 1 September 2019 di ladang YPJP yang terlibat.

Pada pendapat Audit, pengurusan stor TRSB oleh YPJP adalah tidak cekap kerana tiada kawalan dan pemantauan bagi perolehan dan penggunaan stok.

6.3. Kedudukan Kewangan

Penyata kewangan TRSB bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah diaudit dan diberi laporan tanpa teguran oleh Tetuan Jamal, Amin & Partners. Analisis terhadap kedudukan kewangan TRSB telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
Pendapatan	0.70	0.95	0.70
Pendapatan-pendapatan Lain	0.09	0.02	0.10
JUMLAH PENDAPATAN	0.79	0.97	0.80
Kos Jualan	1.13	0.73	0.14
Perbelanjaan Pentadbiran	0.44	0.30	0.26
JUMLAH PERBELANJAAN	1.57	1.03	0.40
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI	(0.78)	(0.06)	0.40
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI	(0.78)	(0.06)	0.40
PENYELARASAN TAHUN SEBELUM	0.00	(0.19)	0.00
KERUGIAN TERKUMPUL	6.86	7.11	6.71
JUMLAH ASET	3.66	4.19	4.61
JUMLAH LIABILITI	8.02	8.81	8.83
JUMLAH EKUITI	(4.36)	(4.62)	(4.22)
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	3.66	4.19	4.61
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	0.50	1.21	0.43


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.1. Pendapatan utama TRSB adalah jualan lembu, kerbau dan kambing serta jualan daging beku. Manakala pendapatan lain diperoleh daripada jualan rumput napier dan tinja kambing. Pendapatan TRSB bagi tahun 2018 mengalami penurunan sejumlah RM170,000 (17.5%) kepada RM0.80 juta berbanding RM0.97 juta pada tahun 2017. Faktor utama penurunan pendapatan adalah penjualan kambing yang menurun sebanyak 81% berbanding jualan tahun sebelumnya. Trend pendapatan bagi tiga (3) tahun berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 17** dan **Carta 5**.


6.3.2. Perbelanjaan TRSB terdiri daripada kos jualan dan perbelanjaan pentadbiran. Kos jualan TRSB adalah perbelanjaan pengurusan ternakan termasuk upah pekerja am, makanan tambahan, ubat-ubatan, insurans, pembaikan dan penyenggaraan serta meracun dan membaja rumput napier. Manakala perbelanjaan pentadbiran meliputi gaji kakitangan dan perbelanjaan yang lain. Perbelanjaan TRSB menurun sejumlah RM0.63 juta (61.2%) pada tahun 2018 menjadi RM403,392 berbanding RM1.03 juta pada tahun 2017. Faktor penurunan ini disebabkan oleh penurunan kos pengurusan ternakan sejumlah RM0.59 juta (80.8%) iaitu daripada RM0.73 juta pada tahun 2017 menjadi RM142,335 pada tahun 2018. Selain itu kos pengurusan ternakan lain yang menurun ialah kos upah pekerja am berjumlah RM149,283 (32%), insurans haiwan berjumlah RM77,981 (88.2%) dan makanan tambahan berjumlah RM53,961 (58.7%). Faktor utama penurunan perbelanjaan pada tahun 2018 disebabkan oleh penurunan bilangan ternakan sebanyak 326 ekor (17.7%). Trend perbelanjaan bagi tiga (3) tahun berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 17** dan **Carta 5**.

6.3.3. Trend peningkatan pendapatan dan penurunan perbelanjaan telah membolehkan TRSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2018 sejumlah RM0.40 juta berbanding kerugian berjumlah RM0.06 juta pada tahun 2017. Faktor utama yang menyumbang kepada keuntungan sebelum cukai pada tahun 2018 adalah penilaian semula inventori berdasarkan piawaian perakaunan terkini. Keuntungan selepas cukai yang direkodkan pada tahun 2018 pula memberi kesan kepada pengurangan kerugian terkumpul berjumlah RM6.71 juta berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM7.11 juta yang direkodkan pada tahun 2017. Trend keuntungan dan kerugian sebelum cukai serta keuntungan dan kerugian terkumpul bagi tiga (3) tahun berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 17** dan **Carta 6**.

CARTA 5
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018



CARTA 6
TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI DAN KERUGIAN TERKUMPUL BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.4. Analisis Audit terhadap aset dan liabiliti syarikat mendapati TRSB berdepan kesukaran memenuhi obligasi kerana kedudukan liabiliti syarikat melebihi aset bagi tempoh tiga (3) tahun. Pada tahun 2018, liabiliti TRSB berjumlah RM8.83 juta iaitu meningkat sejumlah RM20,859 berbanding tahun 2017. Liabiliti terbesar adalah pendahuluan operasi daripada syarikat induk iaitu YPJC berjumlah RM8.77 juta. Bagaimanapun pendahuluan ini tidak dikenakan faedah dan perlu dibayar sekiranya dituntut. Pada tahun 2018, aset TRSB adalah berjumlah RM4.61 juta iaitu meningkat sejumlah RM419,963 (10%) berbanding tahun 2017. Komponen terbesar aset syarikat ialah aset biologi berjumlah RM3.08 juta. **Tahap kecairan syarikat adalah rendah pada tahun 2018 iaitu kurang daripada 1 dengan kadar kecairan 0.51 yang menunjukkan TRSB berdepan risiko untuk menyelesaikan obligasi jangka pendeknya.**

6.3.5. Analisis Audit telah dijalankan terhadap aliran tunai TRSB bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembentukan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Kedudukan keseluruhan aliran tunai TRSB adalah positif. Bagaimanapun, **baki tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2018 telah menurun sejumlah RM0.78 juta (64.5%) kepada RM434,573 berbanding RM1.21 juta pada tahun 2017.** Faktor utama penurunan aliran tunai TRSB adalah kerana peningkatan pelbagai penghutang berjumlah RM0.92 juta.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan TRSB secara keseluruhannya adalah stabil kerana mempunyai aliran tunai positif.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, amalan terbaik tadbir urus oleh TRSB adalah memuaskan. Bagaimanapun lima (5) aspek belum dilaksanakan sepenuhnya. Antara aspek penting belum dilaksanakan adalah ketiadaan SOP pengurusan ternakan yang memberikan kesan kepada kecekapan operasi syarikat untuk mengoptimumkan hasil jualan syarikat. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan berdasarkan objektif penubuhan yang ditetapkan. Populasi ternakan masih boleh dipertingkatkan dengan mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada. Prestasi jualan TRSB adalah cekap bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019 kerana telah mencapai jualan antara 82.4% hingga 121.3% berbanding sasaran yang ditetapkan.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan TRSB dapat dicapai dan memantapkan keupayaan tadbir urus korporat serta memastikan YPJC sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan pengurusan dan Lembaga Pengarah TRSB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 8.1. memastikan fungsi Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam dijalankan secara berkala bagi meningkatkan keberkesanannya;
- 8.2. meningkatkan aktiviti pemasaran bagi mengoptimumkan hasil jualan khususnya hasil jualan korban; dan
- 8.3. menyediakan perancangan yang jelas terhadap kandang kambing yang tidak digunakan.

PENUTUP

PENUTUP

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pelaksanaan program/projek/aktiviti Kerajaan. Kelemahan ini menyebabkan objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, pihak jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan yang terlibat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran Audit yang dibangkitkan dalam LKAN Siri 3 ini. Sebagai rumusan, empat (4) cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
 - a. Aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan pelaksana, kontraktor dan vendor. Manakala bagi aktiviti operasi yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang, aspek penguatkuasaan perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap pematuhan.
 - b. Jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal/Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
 - c. Aspek latihan juga perlu diberi perhatian kepada setiap peringkat pegawai/kakitangan bagi meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam pengurusan dan pelaksanaan program/projek/aktiviti Kerajaan serta pengurusan syarikat Kerajaan.
 - d. Agensi Kerajaan negeri dan Lembaga Pengarah syarikat perlu memantau aktiviti syarikat Kerajaan untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.
2. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
14 Mei 2020**



AKRONIM

AKRONIM

ADSL	<i>Asymmetric Digital Subscriber Line</i>
AP	<i>Access Point</i>
BPENJ	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor
BSTICT	Bahagian Sains Teknologi dan ICT
CCC	<i>Certificate of Completion and Compliance</i>
CIQ	<i>Customs, Immigration and Quarantine Complex</i>
DB	<i>Distribution Board</i>
DCR	Resolusi Lembaga Pengarah
DUCC	Desaru Utama <i>Community Care</i>
Green Book	<i>Enhancing Board Effectiveness</i>
INTOSAI	<i>The International Organisation of Supreme Audit Institutions.</i>
JAN	Jabatan Audit Negara
JFW	Johor <i>Free WiFi</i>
JKA	Jawatankuasa Audit
JPVM	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
KBPS	<i>Kilobits Per Second</i>
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
LAD	<i>Liquidated & Ascertained Damages</i>
LBJT	Lembaga Bandaran Johor Tenggara
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
M&A	Memorandum dan Artikel Penubuhan
MBIP	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
MBJB	Majlis Bandaraya Johor Bahru
MBPS	<i>Megabits Per Second</i>
MCCG	<i>Malaysian Code on Corporate Governance</i>
MDKT	Majlis Daerah Kota Tinggi
MDL	Majlis Daerah Labis
MDMg	Majlis Daerah Mersing
MDP	Majlis Daerah Pontian
MDYP	Majlis Daerah Yong Peng
MKD Handbook	Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan Diperbadankan

MMK	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MPS	Majlis Perbandaran Segamat
MyVis	Sistem Pemindahan Kereta
PBM	Pihak Berkuasa Melulus
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PBTP	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang
PD	Pejabat Daerah
PINTAR	Projek Integrasi Ternakan Ruminan Dengan Tanaman Kekal
PKN	Pegawai Kewangan Negeri
PPP	Portal Pekeliling Perbendaharaan
PPR	Projek Perumahan Rakyat
PPUUNJ	Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Johor
SISPAA	Sistem Pengurusan Aduan Awam
SLA	<i>Service Level Agreement</i>
SMS	Khidmat Pesanan Ringkas
SOP	<i>Standard Operating Procedures</i>
SSID	<i>Service Set Identifier</i>
SUK	Setiausaha Kerajaan
TRSB	Ternakan Ruminan Sdn. Bhd.
UAD	Unit Audit Dalam
UAT	<i>User Acceptance Report</i>
UUK	Undang-undang Kecil
W.O.S	<i>Work Order Sheet</i>
YPJ	Yayasan Pelajaran Johor
YPJC	YPJ Corporation Sdn. Bhd.
YPJH	YPJ Holdings Sdn. Bhd.
YPJP	YPJ Plantations Sdn. Bhd.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2020
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara
Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya, Malaysia
www.audit.gov.my